

فتيقن تيتيه

PETIKAN TITAH

"PERTUBUHAN Bangsa-Bangsa Bersatu mesti berubah bagi memenuhi segala cabaran baru, tetapi beta mengharapkan ia akan berterusan untuk memberi negara-negara kecil suara yang mencukupi dalam perundingannya." - Titah sempena Mesyuarat Khas Perhimpunan Agung Bagi Memperingati 50 Tahun Pertubuhan PBB pada 24 Oktober 1995.

Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat



مانيسش ايمان

MANISNYA IMAN

"DALAM pada itu ingatlah orang yang bersabar dan memaafkan kesalahan orang terhadapnya, sesungguhnya yang demikian itu adalah dari perkara yang dikehendaki diambil berat melakukannya." - Surah Asy-Syuura ayat 43.

TAHUN 49 BILANGAN 48

RABU 1 DISEMBER 2004/1425

رابع 18 شوال

DITERBITKAN PADA SETIAP HARI RABU

PERCUMA

Kerjasama ekonomi penting

VIENTIANE, 29 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah bahawa langkah-langkah dalam Pelan-pelan Tindakan Bagi Masyarakat Keselamatan ASEAN dan Masyarakat Sosial dan Kebudayaan ASEAN akan dapat membantu ASEAN di dalam usahanya menangani pelbagai cabaran yang dihadapi oleh rantau itu.

Baginda juga menekankan kepentingan kerjasama ekonomi dan mengalu-alukan Rangka Kerja Perjanjian ASEAN Bagi Integrasi Sektor-sektor Utama yang akan membantu ASEAN menubuhkan pasaran dan asas pengeluaran yang tunggal.

Baginda bertitah demikian di dalam Sidang Kemuncak Ketua-ketua Negara ASEAN Ke-10 yang berlangsung di Pusat Pameran Perdagangan dan Persidangan Antarabangsa Lao (Lao ITECC) di sini.

Keberangkatan tiba baginda ke sidang itu telah dialu-alukan oleh Tuan Yang Terutama Bounnhang Vorachith, Perdana Menteri Republik Demokratik Rakyat Lao.

Di awal sidang itu para pemimpin ASEAN telah membincangkan usaha-usaha integrasi ASEAN; pengukuhan

kerjasama Asia Timur; usaha-usaha untuk mengeratkan kerjasama ASEAN dengan India dan usaha-usaha untuk meningkatkan kerjasama ASEAN dengan negara-negara AFTA-CER iaitu Australia dan New Zealand.

Selepas rehat, Kebawah Duli Yang Maha Mulia bersama para pemimpin ASEAN yang lain meneruskan mesyuarat yang diikuti satu laporan perwakilan dari Majlis Penasihat Perniagaan ASEAN (ABAC) kepada ketua-ketua negara dan kerajaan ASEAN.

Sementara itu di sebelah tengah hari baginda dan para pemimpin ASEAN yang lain telah menandatangani Program Tindakan Vientiane dan Perjanjian Rangka Kerja ASEAN bagi Integrasi Sektor-sektor Keutamaan.

Ia diikuti Majlis Menandatangani Protokol Integrasi Sektor ASEAN dan Protokol ASEAN mengenai Meningkatkan Mekanisme Penyelesaian Pertikaian yang ditandatangani oleh Menteri-menteri Ekonomi ASEAN. Negara Brunei Darussalam dalam perjanjian itu telah diwakili oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Lihat muka 16



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa dialu-alukan oleh Tuan Yang Terutama Bounnhang Vorachith, Perdana Menteri Republik Demokratik Rakyat Lao sejurus berangkat tiba bagi menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN Ke-10.



Laporan
Zubaidah HS dan
Abu Bakar HAR
Gambar-gambar
oleh
Ramli Tengah
dan
Pengiran Rafee
PDPHM
dari
Vientiane, Laos

Bekerjasama tingkatkan keamanan, kestabilan Asia

VIENTIANE, 29 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menyentuh mengenai kepentingan bagi negara-negara ASEAN + 3 untuk bekerjasama dalam meningkatkan keamanan dan kestabilan rantau Asia pada keseluruhannya.

Mengenai isu keganasan baginda menekankan pentingnya bagi negara-negara ASEAN untuk memastikan bahawa tindakan-tindakan para penganas tidak akan menjaskan usaha-usaha meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan program bagi meningkatkan pakatan-pakatan ekonomi di kalangan rantau Asia Timur.

Baginda bertitah demikian ketika berkenan berangkat bersama ketua-ketua negara dan kerajaan ASEAN, China, Jepun dan Republik Korea di Sidang Kemuncak ASEAN + 3 Ke-8 dengan tema kemuncak bagi tahun ini ialah 'Pengukuhan Kerjasama ASEAN + 3' yang berlangsung di Pusat Pameran Perdagangan dan Persidangan Antarabangsa Lao (Lao ITECC) di sini.

Di sidang tersebut para pemimpin ASEAN + 3 bertukar pandangan mengenai hal-hal yang berlaku di Iraq dan Timur Tengah dan juga di Semanjung Korea yang boleh menggugat kestabilan pembangunan sosio-ekonomi, kemiskinan dan jurang pembangunan.

Lihat muka 16

ANTARA YANG MENARIK

Haluan :
Guru ejen pencalak perubahan

- Muka 2

Laporan Sidang
Kemuncak ASEAN
Ke-10

- Muka 3, 4 dan 5

Rencana :
Brunei terus dihormati

- Muka 7 dan 15

Rakaman gambar-gambar berwarna sempena 20 Tahun Kemasukan Negara Brunei Darussalam Dalam PBB

- Muka 8 dan 9

Gambar-gambar
APEC

- Muka 12 dan 13

Menganalisis sajak dari perspektif Islam

- Muka 11 ANEKA

Cerpen:
Air Mata Aidilfitri

- Muka 12 ANEKA

TAHUKAH AWDA

SATU pertiga daripada penduduk dewasa di Negara Brunei Darussalam didapati mempunyai berat badan berlebihan. 11.2 peratus lelaki dan 12.8 peratus wanita pula didapati obes. Manakala obesiti di kalangan kanak-kanak dan remaja yang berumur lima hingga 19 tahun seramai 17.8 peratus lelaki dan 8.7 peratus perempuan. - Sumber: Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong. Ucapan Pelancaran Sambutan Hari Diabetes Sedunia 2004 pada 25 November 2004, di The Mall, Gadong. (2004 : 4).



BAGINDA bersama para pemimpin ASEAN semasa menandatangani Program Tindakan Vientiane (VAP) dan Perjanjian Rangka Kerja ASEAN Bagi Integrasi Sektor-sektor Keutamaan.

HALUAN...

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

ALHAMDULILLAH, kita bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah izin-Nya jua kita dapat hadir di Majlis Perasmian Program Induksi Guru-guru Baru Tahun 2004 pada pagi ini dan saya amat bersyukur dan gembira kerana dapat bersemuka dengan kumpulan besar dari kalangan guru-guru muda yang akan berkhidmat di Kementerian Pendidikan, insya-Allah.

Saya seterusnya dengan tulus ikhlas mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Pengerusi dan Ahli-ahli Jawatankuasa Penyelenggara Program Induksi Guru-guru Baru kerana berkesudian menjemput saya untuk hadir pada pagi ini selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan majlis ini. Saya dengan ikhlas merekodkan penghargaan kepada mereka.

Pada kesempatan ini saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada abis cikgu kerana telah berjaya setelah melalui pemilihan mengisi beberapa jawatan sebagai pendidik di Kementerian Pendidikan untuk negara kita yang tercinta ini.

Dengan lantikan ini, bermulalah secara rasminya abis cikgu sebagai tenaga pengajar yang berijazah bagi mengajar pelbagai mata pelajaran yang diaturnak. Kalau dilihat secara menyeluruh, peranan guru bukan saja setakat mengajar mata pelajaran sahaja, peranannya lebih berat dan lebih penting jika dibandingkan dengan profesional lain kerana peranan guru melibatkan pertumbuhan dan perkembangan serta pencorak kehidupan manusia sejagat dalam pelbagai bidang dari zaman ke zaman, dari buta huruf kepada cerdik pandai, dari kurang mahir kepada yang lebih mahir, dari peringkat kanak-kanak hingga dewasa dan begitulah seterusnya. Benarlah kata pepatah 'khidmat guru hingga ke akhir zaman' yang membayangkan perkhidmatan guru akan berterusan dan berkekalan diperlukan seiring dengan perkembangan ilmu yang tidak akan pupus hingga ke liang lahad. Jelas di sini dari mula wujudnya manusia, guru adalah pelaksana tugas yang amat besar dan mencabar dan merupakan satu pekerjaan yang dipandang sangat mulia. Seorang guru atau lebih tepat lagi disebut sebagai pendidik bukan sahaja menyampaikan ilmu pengetahuan tetapi juga mendidik dan mengasuh serta mengembangkan bakat-bakat yang ada kepada kebaikan, menyampaikan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang setinggi-tingginya, di samping membentuk akhlak yang mulia. Guru adalah ejen atau pencalar perubahan perkembangan ummah, menunaikan kewajibannya sebagai hamba Allah dan berperanan sebagai di antara khalifah-khalifah di bumi Allah ini. Begitu tingginya peranan guru di sisi Allah dan manusia, begitu jua beratnya amanah yang diserahkan kepada guru, yang tak dapat tiada wajib ditunaikan dengan penuh kebijaksanaan atau dengan hikmahnya sekali. Dalam konteks pendidikan ini pada hemat saya bermakna kesediaan atau kesanggupan mencari, memilih dan menggunakan strategi, pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran yang paling baik bagi mencapai matlamat pendidikan yang ditentukan. Dalam masa yang sama guru perlu memperkayakan diri dengan kemahiran dan keperibadian yang tinggi, mengambil sikap terbuka, mengikuti perkembangan ilmu dan bersedia menerima perubahan yang dibawa oleh arus sains dan teknologi yang selari dengan prinsip Islam. Pendek kata guru adalah pemimpin dengan 'role model'nya yang terpuji.

Para guru yang saya hormati sekalian, kita umumnya mengetahui bahawa alam pendidikan telah cepat berubah. Perubahan yang begitu pesat memerlukan pendekatan dan paradigma yang baru. Maklumat yang dahulunya dicatatkan dengan menggunakan pensil atau pen telah disaingi dengan pesatnya oleh alat cetak komputer. Guru yang tidak peka dan tidak mengikuti perkembangan pendidikan secara global terutamanya dalam bidang infoteknologi komunikasi akan ketinggalan dan hanya akan menghasilkan pelajar-pelajar yang tidak berdaya maju, tidak mempunyai daya saing serta mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang terhad. Jika ini terjadi, produk yakni pelajar-pelajar yang bakal dilahirkan oleh guru-guru tidak akan dapat menyaingi masyarakat dunia

baik dari segi ilmu pengetahuan, kemahiran dalam mempertingkatkan bangsa kita dalam bidang ekonomi, politik, teknologi dan yang seumpamanya. Di samping itu usaha-usaha pada memartabatkan pendidikan memerlukan peningkatan kemampuan intelektual, ketahanan diri, sahsiah, spiritual, estetik, jasmani, rohani dan seumpamanya. Guru perlu melihat realiti dan mempunyai wawasan. Fokus kitani bukan hanya kepada masa sekarang, akan tetapi keperluan negara dan bangsa di masa akan datang untuk melahirkan pelajar-pelajar yang berilmu, berteknologi tinggi, berakhlak dan bertakwa.

Dalam hubungan ini juga kita ingin melihat produk kita yakni pelajar-pelajar mempunyai keperibadian yang bersih dan luhur. Tugas guru adalah umpama 'bertanam' di tanah yang subur, membuang duri dan mencabut rumput-rumput yang tumbuh di celah-celah tanaman agar tanaman yang ditanam itu tumbuh dan berkembang dengan baik. Dalam konteks manusia, mendidik itu ialah memperkembangkan bakat dengan jalan menghindarkan segala penghalang atau rintangan. Pelajar-pelajar adalah merupakan saham pelaburan negara yang amat berharga bagi kemajuan negara dan survival bangsa. Mereka harus dipupuk dan diperkukatkan kerana sekiranya mereka terjebak dalam keruntuhan moral dan cabaran-cabaran negatif semasa sedangkannya mereka tidak

mempunyai daya ketahanan diri, berdisiplin, tidak dapat menghormati potensinya sebagai makhluk yang sempurna diciptakan Allah, nescaya mereka akan mudah dipengaruhi dan diperalatkan oleh gejala-gejala negatif. Maka sewajarnya kita patut berwaspada dan bersiap siaga mengenai isu-isu sosial dan permasalahan anak-anak remaja kita.

Pendidikan akhlak umpamanya hendaklah bermula dari rumah sebagai asas, manakala dalam peringkat kedua sekolah pula sebagai pembinaananya.

Kalau asas itu kukuh, tentulah teguh dan kuat pembinaannya dan perlaksanaannya pula akan menjadi baik dan teratur dan demikianlah sebaliknya. Untuk mencapai kejayaan yang diidamkan, diharapkan ibu bapa hendaklah sentiasa mengambil berat terhadap kemajuan anak-anak mereka termasuk pendidikan rohani, sentiasa memata-matai akan kelakuan anak-anak muda mereka di luar rumah terutama pada hari cuti sekolah seperti hujung minggu dan lepas waktu sekolah pada setiap hari. Pemeliharaan dan pengawasan seperti ini insya-Allah akan dapat mewujudkan suasana harmoni, keselesaan dan budaya belajar yang positif di kalangan pelajar semasa di rumah dan di sekolah dan dengan demikian dapat menghindarkan mereka dari terjebak kepada gejala-gejala yang tidak diinginkan. Rasulullah Sallallahu Alaihi

Wasallam pernah bersabda yang bermaksud: "Tidak suatu pemberian yang diberikan oleh seorang ayah kepada anaknya lebih utama daripada budi pekerti yang baik."

Tema program induksi tahun ini ialah 'Pendidikan Asas Kesempurnaan Insan' mencerminkan betapa perlunya pendidikan untuk menjadikan manusia yang sempurna yang bermakna sempurna dalam semua bidang. Sesungguhnya tugas membina insan sempurna adalah tugas yang sungguh mulia, walaupun begitu berat untuk dipikul. Namun demikian kesukaran itu bukanlah menjadi halangan yang boleh melemahkan semangat guru dalam melaksanakan amanah sebagai pendidik dan tidak mustahil para guru akan mampu mencapai matlamat pembinaan insan sempurna itu melalui pendidikan kerana insan yang bergelar guru seperti cikgu-cikgu mempunyai kelebihan-kelebihan yang boleh mengatasi para pelajar-pelajar iaitu dari segi pengetahuan, pengalaman, kematangannya, daya usaha di samping mempunyai peribadi dan akhlak abis cikgu yang terpuji. Semua ini merupakan perkara-perkara dan sifat-sifat yang sepatutnya disemai dan diturunkan kepada pelajar-pelajar di bawah bimbingan dan asuhan cikgu-cikgu yang mana abis cikgu berperanan sebagai 'role model' untuk menjadi ikutan dan teladan pelajar abis cikgu bagi mencapai kualiti pendidikan yang terbaik secara menyeluruh.

GURU EJEN
PENCALAK
PERUBAHAN

UCAPAN Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Lalla Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz di Majlis Perasmian Program Induksi Guru-guru Baru Tahun 2004 pada hari Selasa, 11 Jamadilawal 1425/29 Jun 2004 di Dewan Persidangan II, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Bercakap mengenai kualiti pendidikan, sememangnya hasrat Kementerian Pendidikan yang berterusan yakni 'on going' untuk sentiasa meningkatkan kualiti pendidikan di semua bidang melalui pengurusan pengajaran pembelajaran, kemudahan-kemudahan, infrastruktur, institusi pengajian tinggi sehingga kepada kelulusan yang diperolehi dari institusi pengajian tinggi di dalam dan luar negeri selaras dengan peraturan dan keperluan Perkhidmatan Awan dan negara. Pemeliharaan dan perhatian berat kebanyakan ibu bapa terhadap pendidikan anak-anak mereka di negara ini adalah cukup menggalakan dan membanggakan. Sekarang ibu bapa sanggup mengeluarkan dan membelanjakan wang mereka sendiri bagi kepentingan pendidikan anak-anak mereka. Ini termasuklah menghantar anak-anak mereka ke luar negeri bagi mengikuti berbagai-bagai kursus dan pengajian di luar negeri atas perbelanjaan sendiri dengan harapan bagi mendapatkan kelulusan yang membolehkan anak-anak mereka meneruskan pengajian mereka di peringkat yang lebih tinggi di universiti dan institusi pengajian tinggi tertentu di luar negeri atau untuk mendapatkan pekerjaan di sektor kerajaan. Dalam keghairahan ibu bapa membiayai dan pelajar-pelajar untuk mengikuti kursus di luar negeri, mereka perlu berhati-hati dengan kualiti kursus dan pengajian tinggi yang mereka ikuti dan masuki. Terdapat beberapa kursus yang tidak diiktiraf oleh Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan Negara Brunei Darussalam yang boleh menjejaskan peluang-peluang pelajar-pelajar itu atau masa depan mereka. Di sini saya ingin menyentuh sebagaimana saya pernah sentuh di waktu-waktu yang lalu mengenai Kursus Foundation Studies yang diikuti di luar negeri. Kursus Foundation Studies adalah kursus alternatif bagi memudahkan seorang penuntut melanjutkan pengajian di peringkat tinggi sebagai ganti kelulusan GCE 'A' Level dan sebagainya yang mana kursus ini dikelola oleh institusi swasta dengan kerjasama universiti-universiti induk sama ada di dalam negeri atau sendiri atau melalui 'twinning programme'. Perlu diingat bahawa kelulusan

Lihat muka 6



1 DISEMBER 2004 BERSAMAAN 1425 18 شوال

ASEAN TERUS MAJU

SIDANG Kemuncak ASEAN Ke-10 di Vientiane kali ini mencapai kejayaan. Para pemimpin ASEAN memberikan sumbangan yang berharga sekali gus menandakan ke arah peningkatan kekeluargaan ASEAN yang sejahtera dan dinamik. Kejayaan yang dicapai berkat kesepakatan dan muafakat di meja rundingan yang selama ini diamalkan oleh ASEAN. Justeru itu rantau berkenaan terus maju dan dinamik meskipun terdapat cabaran yang ditempuh dalam membangunkan ASEAN seperti kenaikan harga minyak, wabak selesema burung, di samping kesan globalisasi dan keganasan antarabangsa. Kesemua rintangan itu dapat ditangani dengan bijaksana oleh pemimpin-pemimpin ASEAN dengan semangat perpaduan yang sejati.

Sejak sidang di Bali tahun lalu, ASEAN telah merekodkan banyak kejayaan penting dalam bidang politik, keselamatan dan kerjasama pembangunan sosioekonomi. Penandatanganan beberapa perjanjian yang dimeterai oleh ASEAN dengan negara-negara Asia Timur-Republik Rakyat China, Republik Korea dan Republik India, Republik Persekutuan Russia dan Australia kini telah merubah dimensi pertumbuhan itu. Lebih 20 perjanjian telah ditandatangani di sidang kemuncak tersebut.

Dari segi integrasi ekonomi, ASEAN telah mengahapiskan tarif ke atas 11 sektor utama yang akan dilaksanakan oleh Negara Brunei Darussalam, Malaysia, Thailand, Singapura, Filipina dan Indonesia menjelang 2007. Manakala empat lagi anggota iaitu Laos, Kemboja, Myanmar dan Viet Nam pula pada 2012. ASEAN juga berusaha mempercepatkan liberalisasi empat sektor perkhidmatan iaitu e-ASEAN, pengajaran kesihatan, perjalanan udara dan pelancongan tahun 2010. Pendekatan yang digembleng oleh ASEAN akan meningkatkan lagi daya saing dan mempromosikan pengaliran perdagangan serta pelaburan di kalangan negara-negara anggota di rantau ini. Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) akan dilaksanakan yang memperlihatkan pengurangan tarif sebanyak lima peratus pada tahun 2008 kepada sifar 2015.

Iklim ASEAN yang menggalakkan memberi impak positif kepada rantau ini dan terbukti berikutan purata pertumbuhan ASEAN telah mencecah 4.52 peratus pada 2002 dan 4.97 peratus pada 2003. Pelaburan langsung asing (FDI) ke negara-negara ASEAN jua meningkat yang berjumlah AS\$220 billion dalam tempoh lapan tahun dari 1995 hingga 2003. Pengaliran masuk FDI tidak hanya menjana perdagangan antara ASEAN tetapi juga perdagangan ASEAN dengan negara-negara lain. Sementara jumlah eksport ASEAN pada tahun 2003 ialah sebanyak AS\$430 billion, manakala import ialah AS\$382 billion. Perdagangan antara ASEAN penting kerana ia menyumbang 22 peratus daripada jumlah keseluruhan perdagangan di rantau ini.

Perkembangan ini diperkuatkan lagi dengan penandatanganan oleh para pemimpin ASEAN iaitu Pelan Tindakan Vientiane (VAP) sebagai pengganti kepada Pelan Tindakan Hanoi (HAP) dan Perjanjian Rangka Kerja ASEAN Bagi Integrasi Sektor-sektor Keutamaan. VAP mengandungi Pelan Tindakan Komuniti Keselamatan ASEAN dan Pelan Tindakan Komuniti Sosio budaya ASEAN. Pelan yang sama telah disahkan tahun lalu dalam Deklarasi Bali Concord II. Bagi Negara Brunei Darussalam perjanjian itu memberikan manfaat yang amat berharga dalam usaha memacu dan menjana pertumbuhan ekonomi. Ini bertepatan dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Baginda bertitah menegaskan bahawa langkah-langkah dalam pelan-pelan berkenaan akan membantu ASEAN dalam usahanya menangani pelbagai cabaran yang dihadapi oleh rantau ini. Sehubungan dengan itu baginda menekankan kepentingan kerjasama ekonomi dan mengulau-alukan Rangka Kerja Perjanjian ASEAN Bagi Integrasi Sektor-sektor Utama yang akan membantu ASEAN menubuhkan pasaran dan asas pengeluaran yang tunggal.

Mengenai dengan rangka kerja ASEAN + 3 (Republik Rakyat China, Jepun dan Republik Korea), baginda menegaskan kerjasama itu amat penting dalam meningkatkan keamanan dan kestabilan rantau Asia keseluruhannya. Mengulas isu keganasan pula, pemimpin kita menekankan pentingnya bagi ASEAN untuk memastikan bahawa tindakan-tindakan para penganas tidak akan menjejaskan usaha-usaha meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan program bagi meningkatkan pakatan-pakatan ekonomi di kalangan rantau Asia Timur.

Dengan tema 'Meningkatkan Kekeluargaan ASEAN Yang Selamat dan Dinamik Melalui Perpaduan, Integrasi Ekonomi dan Perkembangan Sosial', Sidang Kemuncak di Vientiane dilihat berjaya dalam menentukan masa depan dan hala tuju ASEAN yang lebih maju dan cemerlang khususnya dalam merealisasikan kewujudan Komuniti ASEAN pada tahun 2020. Kejayaan itu terhasil dengan komitmen yang berterusan daripada 10 pemimpin ASEAN yang bekerja keras bagi memastikan pembangunan rantau ini terus dinamik dan berdaya maju. Kemakmuran ASEAN banyak bergantung kepada iklim suasana yang selamat, kestabilan politik dan kerajaan yang baik. Justeru itu sebarang apa jua hambatan yang melanda negara-negara ASEAN tidak akan membantutkan usaha murni ASEAN ke arah manfaat 500 juta orang penduduk rantau ini.

AMM bincang perkembangan serantau

VIENTIANE, 27 November - Menteri-menteri Luar ASEAN hari ini mengadakan mesyuarat terakhir untuk mencari usul terbaik sebagai persediaan sebelum ianya dibincangkan dalam Sidang Kemuncak Pemimpin-pemimpin ASEAN Ke-10 yang akan bersidang pada 29 dan 30 November ini.

Berangkat menyertai rakan sejawat ke mesyuarat itu ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri yang berlangung di Pusat Latihan dan Kerjasama Antarabangsa (ICTC) di sini.

Mesyuarat yang dihadiri oleh kesemua Menteri Luar ASEAN disusuli dengan beberapa mesyuarat bersama rakan dialog secara berasingan seperti Republik Rakyat China, Jepun dan Republik Korea yang diwakili oleh Menteri Luar Negeri masing-masing.

Majlis tersebut telah dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri Republik Demokratik Rakyat Lao selaku Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Tuan Yang Terutama Somsavat Lengsavadi.

Sementara mesyuarat di antara Menteri-menteri Hal Ehwal Luar Negeri



ASEAN dan India telah diadakan di sebelah petang sejurus selesainya Majlis Penandatanganan Penyertaan Republik Korea ke atas Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama di Asia Tenggara.

Dalam pada itu di sebelah tengah hari para Menteri Luar ASEAN telah menghadiri Majlis Makan Tengah Hari yang diberikan oleh Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik Demokratik Rakyat Lao, TYT Somsavat Lengsavat yang disertai oleh Menteri Luar Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Li Zhaoxing; Menteri Luar Jepun, Tuan Yang Terutama Nobutaka Machimura; Menteri Luar Republik Korea, Tuan Yang Terutama Ban Ki-Moon dan Menteri Hal Ehwal Luar India, Tuan Yang Terutama Natwar Singh.



HUBUNGAN ERAT ... DYT M Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri (tiga dari kiri) bersama para Menteri Luar ASEAN lain ketika mengadakan Mesyuarat AMM.

Perkembangan kerjasama serantau masa kini, haluan masa depan hubungan dialog ASEAN dan persediaan bagi Sidang Kemuncak bersama ketua-ketua negara dan kerajaan dari Asia Timur dan Asia Selatan merupakan agenda utama yang dibincangkan hari ini.

Di samping itu perbincangan juga ditumpukan mengenai Tindakan Kerjasama Strategik Bagi Keamanan dan Kemakmuran ASEAN + China, di samping penyertaan Korea Selatan dan Russia dalam Instrumen Peluasan Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama (TAC), Kerja-

sama Bagi Keamanan, Kemajuan dan Kemakmuran bersama ASEAN + India, di samping deklarasi bersama pemimpin-pemimpin ASEAN, Australia dan New Zealand.

Sidang kali ini dijangka akan mengesahkan lebih 20 perjanjian yang menjadi titik-tolak ke arah mercalisasi Masyarakat ASEAN Menjelang 2020.

Awal dari itu, di sebelah malamnya Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah telah selamat berangkat tiba di Lapangan Terbang Antara-

bangsa Wattay, Vientiane Republik Demokratik Rakyat Lao bagi menghadiri mesyuarat berkenaan.

Berada di lapangan terbang bagi menjunjung keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia ialah Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Republik Demokratik Rakyat Lao, Tuan Yang Terutama Pengiran Indera Perkasa Pengiran Haji Hamdan dan Duta Besar Republik Demokratik Rakyat Lao ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Dr. Bounthong Vongsaly serta para pegawai Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di sini.



DYTM ketika menghadiri Mesyuarat ASEAN - Republik India.



DYTM semasa berangkat di Majlis Menandatangani Perjanjian ASEAN - China.



DYTM ketika berangkat tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Wattay.

Pemimpin ASEAN adakan pertemuan di Laos

VIENTIANE, 25 November - Republik Demokratik Rakyat Lao kini menjadi tumpuan masyarakat serantau dan antarabangsa apabila menjadi tuan rumah kepada Sidang Kemuncak ASEAN Ke-10 yang akan berlangsung pada 29 dan 30 November ini di Pusat Pameran Perdagangan dan Persidangan Antarabangsa (ITECC) di sini.

Sidang tahunan ini bakal mempertemukan kembali kesemua ketua-

ketua negara dari anggota ASEAN ke meja perundingan setelah mengadakan pertemuan terakhir di Bali, Republik Indonesia Oktober tahun lalu.

Di persidangan itu para pemimpin ASEAN dijangka akan mengesahkan beberapa dokumen yang bakal menyumbang kepada pengukuhan masyarakatnya yang berjumlah 500 juta orang penduduk, di samping meningkatkan hubungan bersama negara-

negara rakan yang lain.

Langkah Jepun, Republik Rakyat China dan Republik Korea menjadi rakan dialog dalam persidangan ini turut diikuti oleh India, Australia dan New Zealand.

Sebelum berlangsungnya sidang berkenaan pertemuan ini akan didahului dengan mesyuarat di peringkat pegawai-pegawai kerajaan kemudiannya diikuti mesyuarat peringkat menteri.

Selain dari itu sidang ini juga merupakan sebagai pertemuan penting khususnya dalam meneruskan visi dan misi ASEAN serta menjadi landasan untuk mengorak langkah, tekad dan azam bagi membangun rantau ini sebagai rantau yang maju lagi aman dan makmur.

Dengan berlangsungnya persidangan ini Republik Demokratik Rakyat Lao secara tidak langsung telah menempa satu lagi

sejarah manis selepas peristiwa membuka ruang bagi masyarakat dunia untuk berkunjung ke negara itu sejak akhir tahun 80-an, di samping buat pertama kalinya mengaluk-alukan kehadiran pihak media untuk membuat liputan meluas mengenai sama ada melalui media tempatan mahupun antarabangsa.

Dianggarkan seramai 700 orang wartawan pelbagai bahasa dan bangsa

termasuk dari Jerman dan Perancis dijangka hadir membuat liputan sama ada dalam bentuk media cetak mahupun elektronik.

Sebelum berlangsungnya kemuncak persidangan ini Kerajaan Republik Demokratik Rakyat Lao telah sedaya upaya menyediakan yang terbaik untuk para tetamunya dengan melakukan pelbagai persiapan terakhir seperti mengemas-kinikan lagi tempat-tempat yang akan menjadi medan berlangsungnya sidang

berkenaan, di samping menyediakan berbagai kemudahan dan peraturan kepada para wartawan yang membuat liputan serta mengambil kira mengenai kawalan keselamatan.

Republik Demokratik Rakyat Lao yang terletak di tengah-tengah Indochina mempunyai keluasan 236,800 kilometer persegi dengan keramaian penduduk 5.2 juta (1999) dan menjadi ahli kepada ASEAN pada 23 Julai 1997 bersama Myanmar.

HADIRI SIDANG KEMUNCIAK ASEAN

VIENTIANE, 28 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam selamat berangkat tiba di Republik Demokratik Rakyat Lao bagi menghadiri Sidang Kemuncak Tabung Pemimpin ASEAN Ke-10.

Keberangkatan tiba baginda di Lapangan Terbang Antarabangsa Wattay dijunjung dan dialu-alukan oleh Menteri Kesihatan Awam, Tuan Yang Terutama Dr. Phonemek Daraloy berserta pegawai dan kakitangan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri Republik Demokratik Rakyat Lao.

Terdahulu sebelum itu baginda telah dijunjung dan dialu-alukan oleh Duta Besar Republik Demokratik Rakyat Lao ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Dr. Bounthong Vongsaly dan Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Republik Demokratik Rakyat Lao, Tuan Yang Terutama Pengiran Indera Perkasa Pengiran Haji Hamdan untuk turun dari pesawat.

Selepas itu baginda berangkat ke kediaman rasmi bagi para pemimpin yang menghadiri sidang tahunan yang terletak di Villa Dongpasak di mana keberangkatan tiba baginda di sana telah dijunjung oleh Tuan Peter Chan, Presiden 'Loa World' dan para pegawai syarikat berkenaan.

Sidang yang bakal menghimpunkan semua ketua-ketua kerajaan ASEAN ini juga akan

turut dihadiri oleh Tuan Yang Terutama Samdech Hun Sen, Perdana Menteri Kemboja; Presiden Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Dr. Susilo Bambang Yudhono; Perdana Menteri Republik Demokratik Rakyat Lao, Tuan Yang Terutama Bounthong Vorachith; Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato Abdullah bin Haji Ahmad Badawi.

Juga hadir ialah Perdana Menteri Myanmar, Tuan Yang Terutama Lefnaw Jeneral Soe Win; Presiden Filipina, Tuan Yang Terutama Gloria Macapagal-Arroyo; Perdana Menteri Singapura, Tuan Yang Terutama Lee Hsien Loong; Perdana Menteri Thailand, Tuan Yang Terutama Dr. Thaksin Shinawatra dan Perdana Menteri Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Phan Van Khai.

Sementara para pemimpin dari negara-negara rakan dialog yang dijadikannya hadir sama di persidangan yang bakal diadakan secara berasingan itu ialah Perdana Menteri Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Wen Jiabao; Perdana Menteri Jepun, Tuan Yang Terutama Junichiro Koizumi; Presiden Republik Korea, Tuan Yang Terutama Roh Moo-Hyun; Perdana Menteri India, Tuan Yang Terutama Manmohan Singh; Perdana Menteri Australia, Yang Berhormat John Winston Howard dan Perdana Menteri New Zealand, Yang Amat Berhormat Helen Clark.

Sidang Kemuncak ASEAN Ke-10 telah bermula dengan Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan termasuk dari negara-negara rakan dialog seperti Jepun, Republik Rakyat China, Republik Korea dan Jepun, di samping India,

Australia, New Zealand diikuti pula mesyuarat menteri-menteri luar sebelum dibawa ke sidang kemuncaknya yang bermula 29 November.

Antara perkara yang akan dibincangkan dan ditandatangani bersama oleh para pemimpin ASEAN dalam sidang kali ini ialah Program Tindakan Vientiane (VAP) yang antaranya mengandungi Pelan Tindakan Keselamatan Komuniti ASEAN dan Pelan Tindakan Sosiobudaya ASEAN kerana dua pelan tindakan ini sangat penting dan strategik dalam mengubah jurang pembangunan dan memperkukuhkan lagi ASEAN di mana kedua-dua pelan dokumen tersebut juga mempunyai kaitan dengan Sidang Kemuncak ASEAN Bali tahun lalu di mana para pemimpin negara anggota menandatangani deklarasi yang dikenali sebagai Bali Concord II iaitu persetujuan untuk menjalankan integrasi ekonomi yang lebih rapat menjelang 2020 di samping itu.

Tindakan ASEAN dan Perjanjian Garispandu bagi Integrasi Sektor-sektor Utama juga akan ditandatangani.

Selain dari itu perbincangan di Sidang Kemuncak ASEAN ini juga akan menumpukan kepada tema 'Meningkatkan Kekeluargaan ASEAN Yang Selamat dan Dinamik Melalui Perpaduan, Integrasi Ekonomi dan Perkembangan Sosial'.

Dalam sidang ini ketua-ketua negara dan kerajaan ASEAN beralu-alukan bertukar-tukar pendapat mengenai perkembangan politik dan ekonomi serantau dan antarabangsa serta membincangkan cara-cara untuk mencapai integrasi ASEAN.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berangkat tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Wattay (kiri). Keberangkatan tiba baginda dijunjung oleh Menteri Kesihatan Awam, TYT Dr. Phonemek Daraloy (atas).

Kebawah DYMM, Presiden Indonesia bincang hubungan dua hala

VIENTIANE, 28 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Presiden Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Dr. Susilo Bambang Yudhoyono.

Majlis Mengadap yang diselenggarakan dengan perjumpaan empat mata kedua-dua pemimpin berlangsung di Villa Dongpasak di mana baginda bersemayam selama berada di sini.

Di majlis tersebut kedua-dua pemimpin telah membincangkan isu-isu dua hala dan usaha-usaha untuk meningkatkan hubungan di antara kedua-dua buah negara.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Tuan Yang Terutama Dr. Bambang Susilo Yudhoyono merupakan antara



Laporan Zubaidah HS dan Abu Bakar HAR Gambar-gambar oleh Ramli Tengah dan Pg. Rafee PDPHM dari Vientiane, Laos

para pemimpin anggota ASEAN yang berada di Vientiane bagi menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN Ke-10.

Berangkat sama di majlis perjumpaan itu ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri.

Juga hadir Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman; Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Republik Demokratik Rakyat Lao, Tuan Yang Terutama Pengiran Indera Perkasa Pengiran Haji Hamdan; Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Awang Yahya dan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Paduka Awang Lim Jock Seng.

Hubungan rapat antara kedua-dua buah negara yang wujud sekian lama bukan hanya sekadar mekanisme bagi kerjasama dua hala malah sebagai cara untuk menzahirkan komitmen yang dikongsikan bagi ker-

jasama dan hubungan positif pelbagai hala menerusi Suruhanjaya Bersama.

Selain itu kerjasama yang telah wujud antara kedua-dua negara meliputi pelbagai bidang seperti bidang perkhidmatan penerbangan, Memorandum Persefahaman di bidang pertahanan, perdagangan dan pelaburan serta sumber tenaga manusia.

Malah hubungan rapat antara kedua-dua negara dirapatkan lagi dengan adanya kunjungan balas antara pemimpin dan pegawai kanan kerajaan kedua-dua buah negara.

Sebagai bukti kukuhnya kepada hubungan rapat berkenaan ialah apabila Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan berangkat ke Republik Indonesia bagi Majlis Mengangkat Sumpah Presiden Baru republik berkenaan Oktober lepas.



BAGINDA bersama DYT Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, sejezur baginda berangkat tiba.



BAGINDA bersalaman bersama TYT Susilo Bambang Yudhoyono, Presiden Republik Indonesia sejezur sebelum Majlis Mengadap bermula.



KEDUA-DUA pemimpin semasa mengadakan perjumpaan dua hala. Berangkat sama ialah DYT Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri.

LAOS LAHIRKAN TERIMA KASIH ATAS BANTUAN BRUNEI

VIENTIANE, 28 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengadakan perbincangan dua hala bersama Presiden Republik Demokratik Rakyat Lao, Tuan Yang Terutama Khamtay Siphandone.

Terdahulu dari itu keberangkatan tiba baginda di Istana Presiden dijunjung dan dialu-alukan oleh Timbalan Pengarah Protokol, Pejabat Presiden yang kemudiannya menjunjung baginda untuk berangkat ke 'holding room' di mana baginda telah dialu-alukan oleh Presiden Republik Demokratik Rakyat Lao, Tuan Yang Terutama Khamtay Siphandone yang diikuti dengan perbincangan dua hala.

Di pertemuan itu Tuan Yang Terutama antara lain telah melahirkan ucapan terima kasih kepada baginda atas bantuan Negara Brunei Darussalam bagi Persidangan Kemuncak ASEAN Ke-10, di samping membantu negaranya dalam membangun sumber tenaga manusia dalam jangka pendek dan panjang serta bantuan dalam kebudayaan dan sosial.



Laporan Zubaidah HS dan Abu Bakar HAR
Gambar-gambar oleh Ramli Tengah dan Pg. Rafee PDPHM dari Vientiane, Laos

Sebelum berangkat meninggalkan Istana Presiden, baginda telah diperkenalkan dan menerima junjung ziarah para pembesar Republik Demokratik Rakyat Lao dan kemudiannya Tuan Yang Terutama Khamtay Siphandone juga diperkenalkan kepada para pembesar dan pegawai-pegawai kanan Negara Brunei Darussalam diikuti sesi bergambar ramai.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Waj-Wazir Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri.



BAGINDA bersalaman bersama Presiden Republik Lao sejeurus sebelum mengadakan rundingan dua hala (atas).

BAGINDA dan TYT berserta perwakilan semasa mengadakan rundingan dua hala Brunei - Republik Lao (bawah).



BAGINDA berjalan beriringan bersama TYT di Majlis Pertukaran Bintang-bintang Kebesaran antara kedua-dua negara.

Kebawah DYMM dianugerahkan Bintang Kebesaran Tertinggi Laos

VIENTIANE, 28 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah dianugerahkan Bintang Kebesaran Republik Demokratik Rakyat Lao yang tertinggi 'Phoxay Lane Xang' yang disembahkan oleh Presiden Republik Demokratik Rakyat Lao, Tuan Yang Terutama Khamtay Siphandone.

Penganugerahan bintang kebesaran itu adalah atas penghargaan usaha-usaha Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam meningkatkan hubungan dan kerjasama yang baik di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Demokratik Rakyat Lao.

Bintang Phoxay Lane Xang merupakan pingat darjah pertama yang dianugerahkan kepada raja atau

ketua-ketua negara antarabangsa di atas sumbangan mereka ke arah meningkatkan hubungan persahabatan dan kerjasama antara Republik Demokratik Rakyat Lao dengan negara terbabit.

Baginda adalah penerima tertinggi yang kedua yang mana sebelum ini juga dianugerahkan kepada Raja Thailand pada tahun 1994.

Di majlis tersebut baginda juga berkenan mengurniakan Bintang Kebesaran Darjah Kerabat Laila Utama Yang Amat Dihormati (D.K.) kepada Presiden Republik Demokratik Rakyat Lao, Tuan Yang Terutama Khamtay Siphandone yang membawa gelaran Dato Laila Utama.

Majlis pengurniaan tersebut berlangsung di Ceremonial Room di Istana Presiden (Horkham) di sini yang disaksikan oleh para pembesar kedua-dua buah negara.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersalaman mesra bersama TYT Khamtay Siphandone, Presiden Republik Lao di Istana Presiden (Horkham) sejeurus selepas perbincangan dua hala.



BAGINDA ketika dikurniakan Bintang Kebesaran Tertinggi Republik Demokratik Rakyat Lao 'Phoxay Lane Xang' yang disembahkan oleh TYT Khamtay Siphandone.



BAGINDA ketika mengurniakan Bintang Kebesaran Darjah Kerabat Laila Utama Yang Amat Dihormati (D.K.) kepada Presiden Republik Demokratik Rakyat Lao.

Cucunda Kebawah DYMM murid terbaik Taman Asuhan Kanak-kanak YSHHB

BERAKAS, 23 November.
- Cucunda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Hariisah Widadul Bolqiah binti Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim adalah antara 144 orang murid yang menerima sijil akademik dan kemahiran bagi Taman Asuhan Kanak-kanak

Oleh
Hj. Ahmad HS

Yayasan Sultan Haji Hassanali Bolqiah (YSHHB).

Majlis Penyampaian Sijil tersebut berlangsung di Dewan Taska Taman Asuhan Kanak-kanak YSHHB dan disempurnakan oleh Pengetua Sekolah YSHHB, Dayang Hajah Halimah binti Haji Maidin.

Yang Amat Mulia Pe-

ngiran Anak Hariisah Widadul Bolqiah adalah murid terbaik dalam mengira angka bagi Kg. 1 Orange. Selain Yang Amat Mulia beberapa murid dari Kg. 2 dan Nursery juga menerima hadiah dan sijil mereka yang dipilih melalui aktiviti-aktiviti akademik dan kemahiran yang dijalankan oleh Taman Asuhan YSHHB seperti membaca terbaik, pelukis muda, playtime captain dan good progress.



CUCUNDA Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Hariisah Widadul Bolqiah binti Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim merupakan antara 144 orang murid yang menerima sijil akademik dan kemahiran bagi Taman Asuhan Kanak-kanak Yayasan Sultan Haji Hassanali Bolqiah.



YANG Amat Mulia Pengiran Anak Hariisah Widadul Bolqiah antara murid terbaik dalam mengira angka bagi Kg. 1 Orange.

Dari Muka 2

GCE 'A' Level adalah tidak semestinya sebanding dengan kelulusan 'foundations' kerana tempoh pengajian GCE 'A' Level mengambil masa dua tahun sedangkan Kursus Foundation Studies kebanyakannya hanyalah setahun dan ada pula menawarkan tiga ke enam bulan sahaja. Syarat kemasukan bagi kursus ini biasanya adalah lebih 'flexible', di mana ia hanya mensyaratkan beberapa kelulusan GCE 'O' Level atau sebanding sahaja dan pada dasarnya hanya

ditawarkan kepada penuntut dari luar negeri dan tidak kepada penuntut-penuntut tempatan di negara itu sendiri. Oleh sebab kursus-kursus seperti ini tidak di 'regulate' dan ia juga bukan kelayakan nasional, maka standard di kalangan 'foundation course' itu sendiri adalah tidak sama yang mana perbezaan ini bukan saja dari satu kursus kepada kursus yang lain, dari satu institusi ke institusi dan dari satu negara kepada negara yang lain. Dalam hubungan ini, Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan Negara Brunei Darussalam telah membuat perhitungan yang

panjang lebar dan insyallah akan membuat penyelidikan yang terperinci terhadap perkembangan-perkembangan selanjutnya.

Dalam hubungan ini, bagi mengelakkan pelbagai masalah yang berkaitan dengan pengiktirafan Kursus Kelulusan Foundation Studies ini, sebagaimana pernah saya nasihatkan di masa-masa dulu adalah sekali lagi dinasihatkan supaya para ibu bapa yang berhasrat untuk menghantar anak-anak ke luar negara akan dapat menghubungi pihak Urusetia Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan bagi

mendapatkan khidmat nasihat percuma berhubung dengan perkara ini, dan mana-mana jua perkara yang berkaitan dengan pengiktirafan kelulusan.

Saya penuh berharap melalui program induksi yang diadakan setiap tahun ini akan sedikit sebanyak dapat membantu Kementerian Pendidikan untuk memberikan penerangan dan kefahaman yang sejelas-jelasnya berhubung dengan peranan jabatan-jabatan di Kementerian Pendidikan, fungsi dan tugas seorang guru.

Guru-guru yang telah melalui proses induksi ini

serba sedikit akan memasuki alam perguruan dengan lebih cukup bersedia serta mampu bersiap siaga menghadapi cabaran dan akan dapat, insya-Allah menangani pelbagai isu pendidikan dengan lebih bijaksana. Awang-awang dan dayang-dayang masih lagi muda dan tempoh masa awang-awang dan dayang-dayang untuk berkhidmat masih jauh di hadapan untuk memberikan perkhidmatan yang sebaik-baiknya kerana Allah dengan menekadkan tugas-tugas itu sebagai ibadah.

Awang-awang dan dayang-dayang tidak perlu

khuatir dan waham, kerana selagi awang-awang dan dayang-dayang melaksanakan tugas dengan ikhlas kerana Allah, setiap pekerjaan akan sentiasa mendapat berkat rahmat dan keredaan Allah Subhanahu Wataala. Islam menyuruh umatnya bekerja keras, gigih, berkarih dalam segala pekerjaan. Setiap tugas yang diniatkan kerana Allah adalah ibadah sebagaimana yang disabdakan oleh Rasulullah yang bermaksud bahawa "Ilmu yang bermanfaat yang kita ajarkan itu akan menjadi bekal dan perhitungan di akhirat nanti." Tidak ada yang lebih bertepatan de-

ngan sabda tersebut dan tugas sebagai guru yang awang-awang dan dayang-dayang, alhamdulillah cecuri sebagai pilihan yang terbaik, insya-Allah.

Akhir sekali dengan bertawakal kepada Allah Subhanahu Wataala dan dengan mendahulukan kalimah agung 'Bismillahir Rahmanir Rahim', saya dengan sukacitanya merasmikan Program Induksi Guru-guru Baru Bagi Tahun 2004 ini.

Sekian, Wabillahi Tawfik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

MELIRIK MASA SILAM

(Haji Ahmad Arshad menulis ...)

Sedikit Tentang Kad Hari Raya Dahulu

DALAM mengira-ngira pengaruh perkembangan sosial dan teknologi atau peralihan ke Era modenisasi negara dan manusianya, banyak perkara yang pada awalnya tidak terfikir oleh kita bakal wujud dan terjadi menjadi asam garam kehidupan kita adalah sesuatu yang tidak dapat ditolak sekalipun ada antaranya yang kita tidak mahukan. Ini adalah akibat proses kehidupan yang kita lalui. Soal mahu dan tidak mahu itu kadang-kadang ada baha-giannya yang sukar untuk dikesampingkan. Terutama dalam cara hidup atau budaya yang mempengaruhi leluhur kita, rasanya akan menjadi sulit untuk menolak sesuatu yang baharu apa lagi kiranya yang baharu muncul itu sifatnya tidak memudaratkan bahkan sebaliknya menyenangkan dan menggembirakan.

Diambil dari kisah-kisah dunia orang muda-muda dahulu, umpamanya kemudian dibandingkan dengan dunia orang muda-muda sekarang ini, pada sudut nalurinya tidaklah banyak berbeza, kerana alam remaja dan runtunan keremajaan itu, rasanya adalah juga agak sama atau masih tidak jauh berbeza terutamanya suasana hidup berkawan-teman, bersahabat dan berhandai taulan (menurut istilah orang-orang dahulu) yang membawa erti 'berkawan rapat.' Tetapi yang tetap berbeza ialah suasananya iaitu suasana dahulu yang serba manual dan serba kekurangan berbanding dengan suasana sekarang yang serba mudah dengan adanya peralatan-peralatan moden yang serba kecukupan pada menemukan apa yang dicari oleh mereka itu. Dan, kreativiti juga adalah masih sejalar pada sudut apa yang termampu dicapai, cuma yang terhasil itu, sudah barang tentu tidak sama pada keseluruhan penghasilannya.


Dalam suasana menjelang Hari Raya ini sahaja, selalunya akan menimbulkan pelbagai usaha yang dilakukan semata-mata mengikut kehendak untuk menyatakan betapa rasa kegembiraan itu timbul meluap-luap untuk merealisasikan sesuatu yang timbul dari rasa yang sangat gembira itu. Ini biasanya akan ada sasaran yang tidak terkecuali yang berkaitan dengan perasaan terhadap kawan-teman dan sahabat handai taulan itu sendiri. Rasa keakraban itu akan dipernyatakan di musim Hari Lebaran melalui beberapa cara yang antaranya termasuklah 'Kad Hari Raya.'

Sungguh manis bila kita teringatlah perkara Kad

Hari Raya ini. Sekarang ini ada pelbagai macamnya - dari bunga-bunga hingga kepada burung-burung dan pelbagai perlambangan yang dicipta dari manfaat kecanggihan peralatan teknologi komunikasi yang amat mengagumkan itu.

Berlainan dengan keadaannya di masa silam. Disebabkan ketiadaan alat-alat yang mencukupi selain dari pena, pensel dan kertas, namun semuanya tercipta mengikut seni yang terupaya ketika itu. Hajat di hati

dapat dicapai dengan menyenangkan. Rasa hati yang meluap-luap untuk lebih merapatkan lagi hubungan persahabatan dan demikian juga pada menyatakan rasa kasih dan sayang dapat jua ditunaikan biarpun melalui kata-kata yang tertulis akan dinyatakan sebagai pengganti diri, sudah cukup memberikan kepuasan terhadap rasa hati yang terpendam. Begitulah bunyinya perkataan-perkataan lama yang selalu terpakai pada ketika itu. Ada pelba-



gai ciptaan Kad Hari Raya di masa silam itu yang kebanyakannya terhasil melalui lukisan dan adunan reka bentuk dan susunan yang sebilangannya menyipkan gambar-gambar sendiri, diri yang ampunya kad, dengan gaya yang tersendiri. Gambar yang ter-muat adalah yang di anggap paling istimewa menurut lagak waktu itu. Kebanyakan gaya yang diperlihatkan, gaya bergambar umpamanya, sedikit sebanyak ada terselit gaya-gaya bintang filem waktu itu. Yang tidak bersumit akan memasang sumit yang dilirik dengan menggunakan pensel pencalok mata dan mungkin saja ada yang menggunakan bidu atau dari alat-alat sulit yang biasa terdapat di kedai-kedai tukang gambar waktu itu. Gaya sikatan rambut dan potongannya juga akan mengikut gaya bintang filem seperti membentak kurul dan membentuk jambul ala P. Ramlee. Begitu juga dengan gadis-gadisnya biarpun jumlahnya amat kecil, fesyen ala Saloma juga tidak terkecuali dari menjadi minat mereka.

Ciptaan-ciptaan Kad Hari Raya dahulu itu (seperti gambar yang disiarkan sebagai contohnya), tidak semata-mata merupakan sekeping kad sahaja, akan tetapi penghasilan dari kreativiti mereka itu masih tetap dengan mutu seninya baik pada sudut seni reka bentuk, lukisan dan urutan ideanya, tetapi juga tidak tertinggal ialah susunan bahasa puitis dalam pantun dan madah yang menurut orang dahulu merupakan kata-kata hikmat yang mempunyai makna khusus dan tersendiri.

BRUNEI TERUS DIHORMATI

NEGARA Brunei Darussalam telah diterima menjadi ahli ke-159 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada 21 September 1984 sempena Perhimpunan Agung PBB Ke-39 selepas negara kita mencapai kemerdekaan pada 1 Januari 1984. Sesungguhnya, gilang-gemilang dalam urutan sejarah yang tetap menjadi ristaan zaman-berzaman. Kemasukan itu juga menandakan yang kita walaupun bersaiz kecil dengan penduduk suku juta orang, namun telah dapat berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan masyarakat dunia.

Keahlian dan penyertaan dalam PBB merupakan pengiktirafan yang terbesar bagi sebuah negara yang berdaulat. Pengiktirafan itu amatlah besar artinya kepada rakyat dan penduduk dalam kehidupan berbangsa dan bernegara. Impian itu sebenarnya menjadi hasrat dan harapan seluruh rakyat Brunei yang membawa kita boleh bersuara dan membicarakan isu-isu dunia antarabangsa dan juga bersama-sama anggota lain dalam menyelesaikan pertikaian, konflik dan isu-isu yang dihadapi oleh dunia.

Tercapainya cita-cita dan impian murni itu adalah atas kebijaksanaan pimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam selaku pemerintah tampuk negara yang berdaulat. Rencana yang diwujudkan ini adalah sepiantas lalu bagi meristakan dan merakamkan sempena 20 tahun kemasukan Negara Brunei Darussalam dalam PBB.

Kemasukan kita dalam badan dunia itu dipersetujui dengan sebulat suara oleh 158 buah negara iaitu satu sokongan majoriti 100 peratus daripada anggota tetap PBB. Sokongan sebulat suara itu juga merupakan satu catatan sejarah dalam badan dunia itu sendiri. Begitulah penghormatan yang kita gapai yang dirintis sendiri oleh pemimpin kita, Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Jika mengingat peristiwa yang bersejarah itu ianya sungguh mengharukan kerana

Oleh
Jaafar Ibrahim

kita telah menjadi kerabat badan dunia yang terbesar itu dan memikul tanggungjawab yang mencair sebagai masyarakat antarabangsa. Sesuatu yang menjadi idaman kepada negara-negara yang berdaulat. Tetapi Alhamdulillah kita telah memiliki keistimewaan itu dan akan terus menabur 'jasa' dan sumbangan yang termampu oleh kita.

DUNIA TERPEGUN

Titah sulung Kebawah Duli Yang Maha Mulia sempena kemasukan Brunei itu merupakan satu kejutan kepada dunia apabila negara yang dianggap kecil dan baru, sudah matang dengan susur galur dunia antarabangsa dan dengan lantang serta tegas menyuarakan pandangan dan pendirian terhadap isu-isu dunia antarabangsa. Masyarakat dunia kagum, terpegun mendengar dan mengetahui pengalaman manis serta pahit yang dialami oleh negara kecil molek ini seperti mana yang dititahkan oleh baginda:

"Kami telah mengalami kemegahan dan kegembiraan. Tetapi kami juga telah banyak mengalami banyak kepedihan. Pendek kata negara kami bukan sahaja mengalami keamanan tetapi peperangan, kekayaan tetapi juga kemiskinan, perniagaan giat tetapi juga pemencilan, perkembangan tetapi juga eksploitasi, berkerajaan sendiri, tetapi juga pengurusan asing. Kesemua ini adalah mendatangkan faedah kepada kami."

Selesai saja baginda bertitah, tepukan gemuruh bergema dari semua perwakilan. Semua mata tertumpu ke atas podium memerhatikan seorang ketua negara yang juga ketua kerajaan yang telah membawa kecemerlangan kepada bumi bertuah ini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia ketika bertitah di podium badan dunia itu menegaskan bahawa pendekatan kita terhadap PBB adalah suatu yang realistik. Kita tidak menganggap matlamat dan Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu itu sebagai konsep abstrak semata-mata.

"Dengan keanggotaan ini, kita menerima sepenuhnya tanggungjawab yang termaktub dalam Piagam Bangsa-Bangsa

Sempena
20 Tahun
Kemasukan
Negara
Brunei
Darussalam
Dalam
PBB

Bersatu. Kita juga penuh yakin bahawa dalam mengekalkan keamanan sejagat keselamatan bersama adalah perlu.

"Kami menerima sepenuhnya tanggungjawab yang termaktub dalam Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu. Bersama-sama dengan anggota lain, sentiasa berusaha untuk mencapai tujuan dan matlamat ini. Kami penuh percaya dalam mengekalkan keamanan di dunia ini adalah melalui keselamatan bersama. Kami menyokong langkah meningkatkan perkembangan ekonomi dengan cara saling bantu-membantu. Kami akan menyokong prinsip bahawa setiap negara mempunyai hak yang tidak boleh diabaikan untuk menubuhkan bentuk kerajaannya sendiri, tanpa sebarang campur tangan luar dan selalu menghormati keadaan yang lazimnya dalam sebuah negara dan aspirasi rakyatnya sendiri untuk mencapai kebahagiaan dan taraf hidup yang lebih baik," titah baginda.

Baginda bertitah, kita mempunyai bahagian yang besar dalam memastikan kelangsungan undang-undang antarabangsa, dalam prinsip Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu dan dalam sistem keselamatan bersama yang diwujudkan kepada PBB.

Sebagai rakyat dan penduduk, kita merasa megah dan dihormati atas titah baginda yang bermakna selaku tampuk negara dan teraju kerajaan untuk pertama kalinya melafazkan suara hati nurani bangsa Brunei, selain menegaskan komitmen dan keazaman untuk mencapai taraf hidup yang lebih sempurna dalam suasana aman yang bebas campur tangan asing.

UCAPAN TAHNIAH

Semasa kemasukan Negara Brunei Darussalam ke dalam PBB, seramai sembilan perwakilan dari wakil-wakil kawasan dari seluruh dunia untuk menyampaikan tahniah masing-masing atas keanggotaan ke pertubuhan badan dunia itu. Sem-



SUASANA Mesyuarat Khas Perhimpunan Agung Memperingati Penubuhan 50 Tahun Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ketika Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengurniakan titah.

bah ucap tahniah yang diberikan itu kebanyakannya membayangkan kekaguman perwakilan-perwakilan dari rantau dunia itu terhadap kebijaksanaan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam mengatur langkah-langkah pencapaian kemerdekaan itu sehingga Brunei Darussalam berjalan lancar dengan menganggotai ASEAN, Pertubuhan Komanwel, Pertubuhan Persidangan Islam dan seterusnya diterima secara sebulat suara menjadi anggota PBB.

Suatu kebijaksanaan berpolitik yang begitu dikagumi oleh masyarakat dunia dan tidak hairan perwakilan-perwakilan itu menaruh harapan yang positif dan membina terhadap Negara Brunei Darussalam dalam memikul dan memelihara bersama tanggungjawab antarabangsa terhadap kemandapan prinsip Piagam PBB.

TYT Sir John Thomson, Wakil Tetap United Kingdom ke PBB dalam mengalu-alukan kemasukan Negara Brunei Darussalam ke PBB adalah langkah ke depan dalam melaksanakan prinsip Piagam PBB terutama yang berhubung dengan dasar penajajaran.

"Kemasukan Negara Brunei Darussalam ke dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu adalah juga merupakan sejarah tersendiri bagi ASEAN, untuk itu penghargaan setinggi-tingginya patut diberikan kepada Brunei Darussalam," tegas YB Tengku Ahmad Rithauddeen, Menteri Luar Malaysia mewakili rantau ASEAN.

Menurut TYT, sejak Brunei Darussalam menjadi anggota ASEAN, Brunei Darussalam telah melibatkan diri secara aktif dan membina.

"Kami penuh yakin dan percaya, Negara Brunei Darussalam boleh memberi sumbangan berharga dan positif kepada PBB," demikian dijelaskan oleh TYT Said Rajaie Khorassani, Wakil Tetap Iran ke PBB yang mewakili negara-negara Asia.

TYT Legwaila J. M. J. Legwaila, Wakil Tetap Botswana mewakili negara-negara Afrika pula mengalu-alukan kemasukan Negara Brunei Darussalam ke PBB dengan memberikan gambaran tahun demi tahun PBB menerima keanggotaan baru dari negara yang baru mencapai kemerdekaan.

Wakil Tetap Republik Demokratik Jerman, TYT Harry Ott bagi mewakili negara-negara Eropah menjelaskan, keanggotaan Negara Brunei Darussalam ke PBB adalah langkah ke depan dalam melaksanakan prinsip Piagam PBB terutama yang berhubung dengan dasar penajajaran.

"Kemasukan Brunei Darussalam ke PBB akan merapatkan lagi hubungan dan kerjasama antara Brunei Darussalam dengan negara-negara Latin Amerika dan Caribbean," tegas TYT Javier Arias Stella, Wakil Tetap Peru yang berucap mewakili negara-negara Latin Amerika dan negara-negara Caribbean.

TYT Sir John Thomson bagi mewakili negara-negara Eropah Barat pula menjelaskan bahawa negara-negara yang mencadangkan bersama kemasukan Brunei Darussalam ke PBB itu adalah membuktikan keyakinan negara-negara berkenaan atas kemampuan Negara Brunei Darussalam dalam memikul tanggungjawab

bersama prinsip piagam pertubuhan badan dunia itu.

Hubungan istimewa antara negara-negara Arab dengan Negara Brunei Darussalam dalam mencapai matlamat negara-negara Arab terutama mengenai Palestin, jelas TYT Abdalla Saleh Al-Ashtal, Wakil Tetap Demokratik Yaman bagi mewakili negara-negara Arab. Kemasukan Negara Brunei Darussalam itu, jelas TYT, akan menambahkan lagi sokongan di kalangan negara-negara Arab dalam usaha tuntutan pengunduran tentera asing dari bumi Palestin.

Amerika Syarikat berasa sukacita mencadangkan bersama keanggotaan Negara Brunei Darussalam ke dalam PBB dan sebagai negara anggota ASEAN serta Komanwel, keahliannya ke PBB sangat-sangat dialu-alukan, demikian antara lain sembah ucapan tahniah dari PYT Mrs Jeanne Kirkpatrick, Wakil Tetap Amerika Syarikat ke PBB bagi mewakili tuan rumah. Amerika Syarikat, menurut PYT telah menjalin hubungan yang saling bersahabat dengan Brunei Darussalam sejak 100 tahun lalu. Beliau percaya di masa mendatang, semua negara anggota PBB akan memperoleh manfaat dengan adanya perwakilan tetap di pertubuhan badan dunia itu.

PERANAN DI PBB


Setelah negara kita mencatat sejarah penting dengan kejayaan menjadi anggota PBB, negara kita mencatat satu lagi sejarah di badan dunia itu apabila Brunei Darussalam dilantik menjadi salah sebuah negara yang memegang jawatan sebagai Naib Presiden Sesi Ke-44 Perhimpunan Agung PBB pada tahun 1989. Perlantikan kita ke jawatan tersebut selaku negara yang termuda dalam arena antarabangsa dan keahlian dalam badan dunia itu dalam usia lima tahun.

Dengan kata lain perlantikan itu membuktikan lebih awal mengenai kepercayaan, pengiktirafan dan mandat yang dipikul dalam menjalankan tanggungjawab serta peranan yang dimainkan di pentas dunia. Suara-suara lantang dan ketegasan pemimpin dan ketua negara serta perwakilan negara di podium PBB dalam menyuarakan hasrat dan harapan negara terhadap isu-isu sejagat untuk mencipta dunia yang aman telah mendapat perhatian dunia.

SOKONGAN PADU

Negara Brunei Darussalam akan terus memberikan sokongan padu dan berterusan terhadap badan dunia itu dalam mengawal selia perkembangan dunia yang kini semakin kompleks dan mencair. Ini bertepatan dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Persidangan Milenium PBB pada 8 September 2000 yang menegaskan bahawa Negara Brunei Darussalam akan memberikan sokongan yang padu terhadap peranan PBB di arena antarabangsa dan akan terus menyertai serta mendukung aktiviti pertubuhan badan dunia itu mengikut keupayaan-nya.

"Negara Brunei Darussalam menyertai PBB sebagai anggota penuh masyarakat negara antarabangsa. Kami menyokong sepenuhnya peranan PBB dalam hal-hal antarabangsa. Kami telah melakukan beberapa yang boleh untuk mempromosikan prinsip serta proses Piagam PBB. Meskipun saiz kami kecil, kami telah menyediakan peralatan serta menyertai operasi mengawal keamanan Bangsa-Bangsa Bersatu. Kami bertanggungjawab meneruskan mengikut keupayaan kami," tegas baginda lagi.



NEGARA Brunei Darussalam telah menjadi ahli ke-159 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), pada 21 September 1984. Kemunculan negara kita dalam arena dunia antara-bangsa sememangnya menjadi harapan rakyat dan penduduk bagi menjadikan Negara Brunei Darussalam berdiri sama tinggi, duduk sama rendah dengan negara-negara lain di dunia.

Tercapainya cita-cita dan impian murni itu adalah atas kebijaksanaan pimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Setelah 20 tahun menganggotai badan dunia itu, Negara Brunei Darussalam terus dihormati. Negara terus memberikan sumbangan yang berharga. Kita dengan tegas dan lantang menyuarakan isu-isu global dan antarabangsa. Pendek kata Negara Brunei Darussalam bersama lebih 190 ahli PBB tetap memainkan peranan dan tanggungjawab terhadap PBB bagi mewujudkan dunia yang aman damai.



PEMANDANGAN di Dewan Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) ketika Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melafazkan titah di Podium Dewan PBB sempena kemasukan Negara Brunei Darussalam menjadi ahli ke-159 badan dunia itu pada 21 September 1984.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia ketika berangkat menghadiri Upacara Menaikkan Bendera Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (atas).



BAGINDA dengan penuh minat mendengar ucapan Setiausaha Agung PBB ketika itu, TYT Percz De Cueller menyebarkan ucapan tahniah di majlis singkat sempena kemasukan negara kita menjadi anggota badan dunia itu (atas kiri).

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri ketika bersabda di podium sempena Perhimpunan Agung PBB Ke-46 pada tahun 1991 (kiri).

DULI Yang Teramat Mulia bersalaman bersama Setiausaha Agung PBB, TYT Kofi Annan semasa Majlis Resepsi di New York pada tahun 2000 (kanan).





TAHUN ALAM PBB



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia (berdiri enam dari kiri baris keempat) bersama para pemimpin dunia yang lain sempena Mesyuarat Khas Perhimpunan Agung memperingati penubuhan 50 tahun PBB pada tahun 1995.



BAGINDA ketika bertitah di podium PBB sempena penubuhan 50 tahun PBB pada tahun 1995 (atas kiri).

BAGINDA ketika bertitah sempena Persidangan Milenium PBB di New York pada tahun 2000 (kiri).

BENDERA Negara Brunei Darussalam berkibar megah sebaris dengan bendera negara-negara berdaulat. Dalam gambar kiri sekali, merakamkan upacara menaikkan bendera negara sempena negara menjadi ahli ke-159 PBB pada 21 September 1984.

BAGINDA ketika menerima cenderamata yang disumbangkan oleh TYT Percz De Cueller, Setiausaha Agung PBB pada tahun 1984 (atas).

BAGINDA ketika dijunjung duduk oleh TYT Aly, I Steymour, Ketua Protokol PBB di tempat perwakilan Negara Brunei Darussalam di Dewan Perhimpunan Agung PBB sebaik-baik saja diterima menjadi anggota badan dunia itu pada 21 September 1984 (bawah).



Lawatan Kerja, Kunjungan Berhari Raya Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri

MENGERAT, MENGUKUHKAN LAGI JALINAN KEMESRAAN

LIPUTAN SAMLE HJ
GAMBAR-GAMBAR OLEH HAMADI HM

BANGAR, 22 November. - Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) sebagai lindung kepada jabatan-jabatan di kementerian itu termasuk institusi-institusi penghulu-penghulu mukim, ketua-ketua kampung, ketua rumah panjang sentiasa berhubung rapat, berusaha bekerjasama dan mengukuhkan lagi persefahaman terutama di kalangan masyarakat akar umbi, apatah lagi mereka merupakan pemimpin masyarakat.

"Gandingan rapat dan kerjasama para pemimpin akar umbi ini melancarkan usaha kementerian dengan diterajui sendiri oleh Pegawai Daerah di daerah masing-masing dalam menggerakkan rancangan-rancangan kemajuan sejak dari dulu lagi," jelas Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adanan ketika ditemu bual Pemberita PELITA BRUNEI sempena Lawatan Kerja dan Kunjungan Berhari Raya Ke Mukim-mukim Daerah Temburong di sini.

Yang Dimuliakan berkata lawatan itu merupakan peluang bagi kementerian berkenaan untuk secara lebih dekat lagi mengenai apa jua perkara atau apa jua masalah yang ingin dibahagikan oleh Penghulu Mukim, Ketua-ketua Kampung, Rumah Panjang dan Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) secara 'informal' atau lebih erat lagi dengan tidak secara rasmi.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri melahirkan rasa gembira dengan adanya rancangan itu



YANG Dimuliakan Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Adanan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri bertukar-tukar pandangan mengenai masalah yang dihadapi oleh para penduduk di Kampong Belais dan Buda-Buda.

juga menyaksikan kehadiran ramai Ahli-ahli MPMK sekali gus apat mengeratkan lagi silaturahim hubungan dan kerjasama yang sedia ada dapat diperkukuhkan lagi.

"Ini bermakna, saya

berpendapat dan memerhatikan suasana sebegini lebih dapat mengeratkan lagi dan kerjasama serta juga dapat bertukar-tukar fikiran, di samping dapat merundingkan bagi menyelesaikan masalah-masalah bersama untuk diatasi," tegas Yang Dimuliakan.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri itu juga melahirkan pendapat bahawa aktiviti cara 'informal' itu dengan lawatan ke tempat-tempat di kawasan-kawasan di seluruh negara dengan kerjasama yang erat melalui Pegawai Daerah masing-masing boleh membantu tujuan lawatan dan kunjungan lebih berkesan dan bermanfaat.

Rombongan Lawatan Kerja dan Kunjungan Berhari Raya Yang Dimuliakan bermula di kediaman Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Pengiran Abdul Haris sebelum singgah ke rumah Penghulu Mukim Labu, Orang Kaya Sura Haji Tengah dan ke rumah Penghulu Mukim Batu Apoi, Orang Kaya Setia Ahmad.

Mukim Labu mempunyai tiga buah kampung dengan keramaian penduduknya lebih 500 orang. Sementara Mukim Batu Apoi pula mempunyai 17 buah kampung dengan keramaian penduduk lebih 1,400. Penduduk-penduduk kampung berkenaan telah menerima arus perkembangan dan keperluan asas yang disediakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Ketika ini, jalan raya di Kampong Selapon, sebuah kampung dalam

Mukim Batu Apoi menerima pembaikan sementara pemasangan paip air ke kampung berkenaan juga rancak dijalankan.

Di rumah Ketua Kampung Selangan, Parit dan Biang Menengah, Awang Haji Mokhtar yang juga Pemangku Penghulu Mukim Amo, rombongan Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri disambut dengan penuh mesra dan rasa muhibah sambil bertukar pandangan mengenai kemajuan mukim berkenaan.

Rombongan Yang Dimuliakan juga tidak ketinggalan singgah ke rumah saudara baru, Awang Haji Hashim Abdullah di Kampong Amo. Tiga ketua keluarga turut berbesar hati menerima cenderamata Hari Raya yang disampaikan oleh Yang Dimuliakan sempena lawatan berkenaan.

Selepas menunaikan Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah di Masjid Kampong Selangan, rombongan berkenaan meneruskan lawatan ke rumah Ketua Kampung Belais dan Buda-Buda, Awang Haji Ahmad seterusnya mengakhiri lawatan ke rumah Penghulu Mukim Bangar, Awang Hamdan bin Haji Awang Besar.

Lawatan yang cukup berharga walaupun dalam waktu yang singkat memberikan peluang kepada sebahagian masyarakat terutama sekali masyarakat luar bandar untuk berjumpa dan berkesempatan beramah mesra bersama pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Ia juga dapat mengumpulkan Ahli-ahli MPMK sekali gus dapat mengekalkan rasa muhibah dan kerjasama yang sedia ada.

"Ini merupakan salah satu keistimewaan tradisi orang-orang Brunei yang sentiasa bekerjasama dan saling hormat-menghormati yang telah menyumbang kepada keharmonian institusi berkenaan di kalangan semua lapisan masyarakat tidak kira agama," jelas Yang Dimuliakan.

Katanya, apa yang mustahak sekali ialah kerjasama dalam mewujudkan keselamatan dan keamanan negara, di

samping dapat menyatupadukan semua lapisan masyarakat di negara ini. Menurutnya, suasana harmoni, kerjasama dan hubungan silaturahim yang sedia wujud sudah barang tentu negara kita di bawah kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan sentiasa diberkati oleh Allah dan negara akan sentiasa menerima nikmat keamanan dan kesentosaan.



KUNJUNGAN Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri disambut mesra dengan rasa muhibah.



YDM Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ketika menandatangani buku pelawat di Masjid Kampong Selangan.



SAUDARA baru, Awang Haji Hashim menerima hamper Hari Raya dari YDM Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.



HUBUNGAN rapat dan kerjasama peringkat masyarakat akar umbi sangat penting kata Yang Dimuliakan Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ketika ditemu bual oleh pemberita PELITA BRUNEI.

Brunei perlu bangga Pemantau Antarabangsa ABDB di Filipina

Berita dan gambar-gambar
ihsan Kementerian Pertahanan

BERAKAS. - Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Md. Yussof, Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) bersama rombongan seramai 11 orang telah mengadakan lawatan ke Manila, Republik Filipina dari 9 hingga 11 November 2004 bagi melawat Pasukan Gabungan Pemantau Antarabangsa (IMT) Negara Brunei Darussalam yang telah berlepas pada 20 Oktober yang lalu yang ditugaskan bagi operasi pemantauan di Cotabato, Republik Filipina dalam menyumbangkan aspek pembangunan dan kedamaian serantau.

Pemerintah ABDB menegaskan Negara Brunei Darussalam perlu bangga dengan Pasukan Pemantau Antarabangsa ABDB ketika mereka berdepan dengan cabaran dalam memantau gencatan senjata di Selatan Filipina. Yang Dimuliakan berkata bahawa anggota ABDB yang berada di Cotabato sebagai IMT bersama pasukan dari Angkatan Tentera Malaysia mampu berdepan dengan persekitaran bergolak secara positif dan menjalin hubungan baik dengan pegawai di Bandar Cotabato, melalui sokongan Kerajaan Filipina.

Yang Dimuliakan juga menerangkan bahawa masih banyak tugas yang perlu dilakukan dan beliau berkata "Terlalu awal untuk menyatakan mengenai status di sana, tetapi petandanya adalah positif."

Ketika ditanya mengenai laporan akhbar berkaitan kejadian tembak-menembak di kawasan Magundanao, Pemerintah ABDB menjelaskan laporan yang diterima daripada Ketua IMT ABDB, Leftenan Kolonel Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saifui Mulok



PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bersama Pasukan Pemantau Antarabangsa ABDB yang ditempatkan di Bandar Cotabato.

Dato Seri Paduka Haji Awang Abidin keadaan tidak seburuk seperti yang dilaporkan oleh sesetengah akhbar.

Dalam rangka lawatan ini, Pemerintah ABDB telah disertai oleh seramai enam pegawai kanan, dua orang pegawai dan seorang pegawai tidak bertauliah

kanan serta dua orang Krew RTB.

Tujuan Yang Dimuliakan Pemerintah ABDB dan rombongan mengadakan lawatan ini ialah bagi membuat tinjauan mengenai kegiatan 10 anggota ABDB yang terlibat dalam IMT di negara berkenaan.

Semasa lawatan itu

Yang Dimuliakan Pemerintah ABDB jua mengadakan kunjungan hormat kepada Tuan Yang Terutama Jeneral Efren Abu, Ketua Turus Pertahanan, Angkatan Bersenjata Republik Filipina bagi mengeratkan lagi hubungan pertahanan yang sudah lama terjalin di antara kedua-dua buah negara.

Bagaimanapun, lawatan misi tertinggi itu adalah bagi memberi sokongan moral kepada para anggota ABDB yang tidak dapat merayakan Hari Raya Aidilfitri bersama keluarga ekoran terpaksa menjalankan tugas selama 12 bulan di Bandar Selatan Filipina itu.

Ketika lawatan tiga hari itu, Pemerintah ABDB turut menyerahkan Hadiah Hari Raya daripada keluarga para anggota ABDB dan sumbangan oleh anggota ABDB serta oleh BAKTI selain mengadakan lawatan ke Ibu Pejabat IMT yang diketuai tentara IMT Malaysia di Bandar Cotabato.



YDM Pemerintah ABDB menyerahkan hadiah Hari Raya daripada keluarga tentera, sumbangan anggota ABDB dan BAKTI kepada Mejar Azman bin Haji Bangkol seorang peserta Pasukan Pemantau Antarabangsa ABDB.

YANG
Dimuliakan juga menerangkan bahawa masih banyak tugas yang perlu dilakukan dan beliau berkata "Terlalu awal untuk menyatakan mengenai status di sana, tetapi petandanya adalah positif."



SEMASA ketibaan YDM Pemerintah ABDB di Villa Mor Airbase Republik Filipina bersama Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Republik Filipina, Puan Yang Terutama Dayang Hajah Maimunah binti Dato Paduka Haji Elias dan Penasihat Pertahanan Republik Filipina di Negara Brunei Darussalam, Kolonel Nur Eskalari.



YDM Pemerintah ABDB semasa hadir di Majlis Bersungkal dan Sembahyang Sunat Terawih yang dihoskan oleh Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Republik Filipina.

\$160 ribu telah berjaya dikutip

BERAKAS, 11 November. - Kutipan Tabung Kemanusiaan Mangsa-mangsa Gempa Bumi di Iran terus meningkat melalui sumbangan melalui beberapa pihak tertentu dan kini telah mengutip lebih \$160 ribu dari 58 penyumbang.

Sehubungan dengan itu Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan Kumpulan Data Stream Technology (DST) menyerahkan derma berkenaan di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan di sini.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Dugadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain yang juga selaku Penasihat Tabung Kemanusiaan Mangsa-mangsa Gempa Bumi di Iran menerima sumbangan derma berkenaan.

Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah menderma \$15,000.00 dan \$6,142.00 lagi kutipan dari

orang ramai melalui tabung bantuan yang diletakkan di Kompleks Membeli-Belah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah di ibu negara.

Pengarah Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Haji Awang Abdul Ghani hadir menyerahkan derma berkenaan kepada Yang Berhormat.

Sementara itu, Kumpulan DST pula menyumbangkan sebanyak \$11,000.00 yang dikumpul melalui larian amal anjuran DST yang disampaikan oleh Pengarah Urusan Kumpulan DST, Pengiran Haji Mohd. Zain.

DST jua menyumbangkan sebanyak \$20,000.00 kepada Tabung Anak-anak Yatim Daerah Brunei dan Muara dan \$1,000.00 lagi disumbangkan kepada Tabung Tajaan Kanak-kanak Sekolah.

SIDANG KEMUNCAK



KEBAWAHA Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dialu-alukan oleh Presiden Chile, Tuan Yang Terutama Ricardo Lagos (atas). Sementara gambar kanan, baginda ketika berangkat bersama para pemimpin APEC di Majlis Pengisytiharan Deklarasi Santiago.



BAGINDA bersama sebahagian para pemimpin APEC ketika menghadiri Majlis Santap (atas), sementara gambar kanan, Pemerintah Garison Tentera Udara di Santiago, Jeneral Ivan Fabry menyebarkan selamat berangkat ke hadapan majlis baginda.



**GAMBAR-GAMBAR SIDANG KEMUNCAK
APEC KE-12 DI SANTIAGO
OLEH HAJI MASMALEH HMA DAN MASRI OSMAN**



PERTUBUHAN-PERTUBUHAN media membuat liputan berita di sepanjang Sidang APEC Ke-12 (kiri). Sementara gambar bawah, anggota keselamatan membuat pemeriksaan bagi memastikan aspek keselamatan Sidang APEC.



APEC KE-12 DI SANTIAGO, CHILE



BAGINDA bersama Perdana Menteri New Zealand dan Presiden Chile berbual mesra (atas kiri). Sementara gambar atas kanan, kelihatan 21 pemimpin APEC memakai pakaian khas dipanggil Chamantos bagi sidang ini. Sementara gambar bawah, baginda berjalan seiring bersama Perdana Menteri Jepun semasa Majlis Santap.



SEBELUM berangkat meninggalkan Santiago, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz (atas). Sementara gambar bawah kiri, baginda ketika berangkat semasa retreat kedua.

BAGINDA berbual mesra bersama Perdana Menteri Republik Singapura semasa Majlis Santap (bawah).



Sidang Kemuncak APEC Ke-12 di Santiago

Deklarasi Santiago utamakan pertumbuhan ekonomi yang berkekalan, saksama

SANTIAGO, 21 Novem-ber. - Para pemimpin Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC) yang membuat persidangan tahunan ke-12 telah mengeluarkan Deklarasi Santiago dengan meng-utamakan komitmen APEC untuk mencapai pertumbuhan yang berkekalan dan saksama dalam ekonomi.

Deklarasi itu juga menjelaskan yang APEC akan mengurangkan perbezaan dalam perdagangan dan ekonomi serta memajukan bagi kebaikan masyarakat di dalam APEC untuk mencapai 'Matlamat Bogor' bagi pemudahan dan liberalisasi pelaburan dan perdagangan.

Bagi kemaraan pem-bangunan melalui Libera-lisasi Pelaburan dan Per-dagangan, APEC mengu-langi persetujuannya de-ngan mengutamakan sis-tem perdagangan pelbagai hala yang akan mem-bolehkan memercuakan li-beralisasi perdagangan se-cara skala global.

Di samping itu APEC juga mengalu-alukan satu momentum baru yang di-perlukan oleh rundingan Agenda 'Pembangunan Doha (DDA)' yang dihasil-kan oleh pakej Julai yang

diangkat oleh Majlis Am Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO).

Pencapaian APEC itu terkandung dalam Dekla-rasi Santiago setelah ber-akhirnya Persidangan APEC Ke-12 di sini yang dibacakan oleh Presiden Republik Chile, Tuan Yang Terutama Ricardo Lagos Escobar dalam satu sidang akhbar di Las Cameli-County, Palacio de La Moneda.

Katanya lagi, memer-cukan pembangunan me-lalui Liberalisasi Pelabu-ran dan Perdagangan APEC juga bersetuju dalam lima perkara utama iaitu:

- Untuk bekerjasama dengan satu dimensi yang baru yang menyegarkan pencapaian keseluruhan yang boleh menemukan hasrat yang tinggi yang telah diutarakan oleh rundi-ngan DDA.

- Bagi mencari ke-putusan yang berkekalan dari Persidangan Menteri-menteri WTO Ke-6 dan mengarahkan para menteri dan pegawai bagi bekerja dengan bersungguh-sung-guh dalam mencapai mat-lamat WTO.

- Bagi menyumbang-kan untuk rundingan pada pemudahan perdagangan

dengan berkongsi sama pengalaman di dalam APEC berserta dengan lain-lain anggota dalam WTO dan mengukuhkan kerja APEC dalam hal itu.

- Untuk mengganda-kan usaha APEC bagi me-nyediakan bantuan teknis dengan cara yang lebih strategik dengan mengu-kuhkan progres dalam WTO melalui penyertaan yang efektif dan penuh dari ahli-ahli APEC.

- Bagi menyokong usaha untuk memutuskan kemasukan Persekutuan Russia dan Viet Nam ke dalam WTO dengan meng-ajak semua ahli WTO untuk bersama berikhtir dengan perhatian berat bagi Perjanjian Perdag-a-ngan Serantau dan Per-janjian Perdagangan Bebas (FTA).

Sementara bagi Inisia-tif Santiago Untuk Me-luaskan Perdagangan Da-lam APEC, para pemim-pin bersetuju untuk me-lancarkan inisiatif tersebut bagi melengkapi pen-capaian perdagangan ter-buka dan bebas di dalam rantau APEC.

Dalam Liberalisasi Pe-laburan dan Perdagangan, para menteri akan men-cadangkan kepada para

pemimpin APEC tahun depan bagaimana cara meluaskan pelaburan dan liberalisasi perdagangan di dalam rantau APEC dengan mengambil kira progres pertimbangan yang dibuat oleh rundi-ngan DDA WTO, pertem-ugahan stok yang diambil dari Matlamat Bogor, kerja APEC pada RTAs/FTAs dan lain-lain unilaterial dan tindakan kolektif pasaran terbuka.

Bagi Pemudahan Per-dagangan, APEC akan meneruskan usaha bagi mengurangkan kos tran-saksi perniagaan dengan memotong 'red tape' atau peta merah, dekapan auto-masi, mengharmonisasi-kan piawaian dan meni-adakan halangan yang tidak perlu pada perda-gangan.

Sementara dalam Me-ningkatkan Keselamatan Manusia - Mengukuhkan Pertumbuhan Ekonomi, APEC sekali lagi mengu-langi tindakan keganasan seperti di Beslan dan Jakarta sebagai tindakan amat kejam dan sangat dahsyat, oleh itu mereka mengesahkan penetapan yang terkecuali ke arah kemakmuran dan pertum-buhan ekonomi yang ber-kekalan dan misi saling

melengkapi bagi memasti-kan keselamatan masya-rakatnya dengan meng-galakkan ahli-ahli APEC yang relevan untuk meng-ambil langkah dan tin-dakan yang berpatutan dalam anti keganasan uni-versal.

Antara langkah lain yang difikirkan boleh me-ngurangkan akses oleh pegganas buat APEC:

- Langkah-langkah untuk mengutamakan pe-matuhan dengan Per-tubuhan Maritim Antara-bangsa bagi Perkapalan dan Piawaian Kesela-matan Pelaburan melalui usaha bekerjasama.

- Progres dalam meng-implementasikan inisiatif pergerakan perniagaan, termasuk mengutamakan sistem informasi penum-pang, API, memajukan Sistem Senarai Pergerak-an Serantau, RMAL dan bekerjasama bagi menge-luarkan dokumen pen-gembaraan 'machine readable' pada tahun 2008.

- Bekerjasama pada memastikan import dan eksport makanan, pada mengelakkan persembu-nyian barangan toxic dan berbahaya.

- Usaha-usaha bagi

APEC
2004
CHILE

LIPUTAN HAJI AHAT HI DAN
ABDULLAH ASGAR

meningkatkan sistem ke-sihatan awam sebagai satu respon pada ancaman ke-sihatan serantan.

Manakala dalam 'Pro-moting Good Governance and A Knowledge-Based Society' APEC meng-anggap rasuah sebagai satu ancaman bagi pentadbiran yang baik dan mengot-or-kal pelaburan.

Oleh itu para pemim-pin APEC akan memerangi rasuah secara meluas bagi

pembangunan ekonomi untuk kemanfaatan masya-rakatnya di mana mereka sangat mengalu-aluka-komitmen dan sokong Majlis Penasihat Perniaga-an APEC (APEC Business Advisory Council - ABAC) dalam hal itu setelah me-neliti perjanjian di Bang-kok bagi memerangi ra-suah dengan membaham Komitmen Santiago bagi memerangi rasuah dan lebih transparansi.

Mesyuarat MSSSA

BANDAR SERI BEGAWAN, 29 November. - Keme-nterian Pendidikan Negara Brunei Darussalam akan men-jadi tuan rumah dan Urusetia Mesyuarat Majlis Sukan Sekolah-sekolah ASEAN (MSSSA) yang akan berlang-sung dari 5 hingga 8 Disember depan di Hotel Centre-point, Gadong.

Mesyuarat tersebut akan disertai oleh 10 buah negara ASEAN iaitu tujuh buah dari negara ahli dan tiga buah negara sebagai pemerhati.

Menurut siaran akhbar, tahun 2004 hingga 2005, Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam diberikan kepercayaan menjadi Urusetia Majlis Sukan Sekolah-sekolah ASEAN, Presiden Majlis Sukan Sekolah-sekolah ASEAN ialah Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Dimulakan Pehin Orang Kaya Inders Pahlawan Dato Paduka Haji Suyoi bin Haji Osman.

Dua mesyuarat akan diadakan iaitu Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Majlis Sukan Sekolah-sekolah ASEAN Ke-41 dan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal dan Kecergasan Jasmani Ke-50.

Pada mesyuarat itu juga akan membincangkan mini mesyuarat yang berlangsung di Siagon Tourane Hotel, di Bandaraya Danang, Viet Nam pada 27 hingga 30 Disember tahun lalu, aktiviti-aktiviti sukan pada tahun 2005 dan 2006, memilih negara yang akan menjadi tuan rumah pada sukan-sukan yang akan dijalankan dan seterusnya membincangkan mengenai pengurusan kewangan negara ahli.

Majlis Sukan Sekolah-sekolah ASEAN ditubuhkan pada tahun 1978 atas inisiatif Republik Indonesia selepas berjaya mengadakan sukan olah raga antarabangsa (negara ASEAN). Ia dibentuk bagi memudahkan hal-ehwal pentadbiran dan pengurusan bagi Pertandingan Sukan Sekolah-sekolah ASEAN. Dalam Majlis Sukan Sekolah-sekolah ASEAN, ahli-ahlinya akan dilantik seperti Presiden, Timbalan Presiden, Setiausaha Agung, Bendahari dan Juruaudit dalam tempoh dua tahun.

Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam telah menjadi ahli Majlis Sukan Sekolah-sekolah ASEAN pada tahun 1984, setelah Negara Brunei Darussalam mencapai kemerdekaannya.

Objektif Majlis Sukan Sekolah-sekolah ASEAN ialah menggalakkan kerjasama, ikatan muhibah dan perseta-haman antara belia-belia di negara ASEAN melalui pro-gram atau aktiviti-aktiviti sukan yang menyihatkan, per-tukaran program dan latihan serta lawatan sambil belajar.

Tujuan Majlis Sukan Sekolah-sekolah ASEAN adalah mengadakan aktiviti-aktiviti pertandingan, klinik rawan untuk penuntut-penuntut dan guru-guru, seminar dan bengkel untuk guru-guru serta lawatan sambil belajar untuk pegawai-pegawai sukan/jurulatih.

Selain daripada itu Majlis Sukan Sekolah-sekolah ASEAN juga mempelajari lebih mendalam dalam bidang sukan di negara-negara yang maju dalam sukan serta menitikberatkan jasmani di kalangan belia-belia ASEAN.

Inisiatif Santiago: Tumpu perdagangan, rasuah penyakit

SANTIAGO. - Sidang Kemuncak Kerjasama Eko-nomi Asia Pasifik (APEC), berakhir dengan persetu-juan pemimpin forum itu melancarkan Inisiatif San-tiago bagi mengembangk-an perniagaan dalam APEC untuk menyokong pencapaian perdagangan bebas serta terbuka di rantau itu.

Serentak itu, pemimpin APEC juga memperkukuh-kan komitmen Santiago untuk membanteras rasuah dan memastikan ketelusan, sebagai susulan daripada persetujuan mereka meng-hapuskan gejala itu dalam pertemuan di Bangkok.

Mereka juga memper-akui usaha APEC mem-banteras rasuah dan me-mastikan ketelusan yang membangun dan melak-sanakan komitmen itu ter-masuk menerusi inisiatif membanteras rasuah APEC, yang dikenali seba-gai Dari Santiago Ke Seoul.

Dalam Deklarasi San-tiago yang dikeluarkan se-lepas sidang kemuncak itu,

pemimpin APEC menyata-kan teras Inisiatif Santiago ialah usaha pembinaan ka-pasiti supaya semua eko-nomi boleh melaksanakan dan memanfaatkan libera-lisasi serta memudahkan perdagangan.

Menurut deklarasi itu, komponen pertama inisiatif berkenaan ialah liberalisasi perdagangan dan pelaburan manakala keduanya ialah usaha untuk mempermu-dahkan lagi perdagangan di kalangan ekonomi APEC.

Sidang kemuncak dua hari yang dipengerusikan oleh Presiden Chile, Tuan Yang Terutama Ricardo Lagos itu juga mengambil kira penilaian separuh penggal untuk usaha men-capai matlamat Deklarasi Bogor, usaha APEC me-nge-nai Peraturan Per-dagangan Serantau/Per-janjian Perdagangan Bebas (RTA/FTA) dan usaha pembukaan pasaran yang lain.

Pada masa yang sama, pemimpin APEC juga me-nyatakan komitmen me-reka untuk bekerjasama

menjayakan rundingan da-lam WTO, menggalakkan keselamatan dagangan dan memanfaatkan amalan ter-baik untuk RTA/FTA dalam APEC.

Selain Inisiatif San-tiago, deklarasi itu turut menggariskan tiga aspek utama lain yang dipersetu-ujui dalam sidang kemuncak kali ini yang bertepatan One Community, Our Future, yang dihadiri ham-pir semua 21 pemimpin ekonomi APEC.

Aspek berkenaan ialah meningkatkan pembangun-an menerusi liberalisasi pelaburan dan perdag-a-ngan, meningkatkan kesela-matan sebagai asas per-tumbuhan ekonomi dan mempromosikan tadbir urus yang baik serta ma-syarakat berpengetahuan.

Dalam deklarasi itu APEC bersetuju dengan keutamaan sistem perda-gangan pelbagai hala yang berasaskan kepada peratur-an tertentu serta menyam-but baik kemajuan yang dicapai dalam rundingan bagi DDA dalam WTO.

Sehubungan itu, pe-mimpin APEC bersetuju memperbaharui tekad men-capai matlamat rundingan berkenaan dan berkongsi maklumat dalam usaha mencapai apa yang sudah ditetapkan oleh Mesyuarat Menteri Perhubungan WTO.

Dari segi keselamatan insan, pemimpin APEC juga memperbaharui tekad mereka untuk memerangi ancaman keganasan dan kesannya yang mampu memusnahkan jiwa manu-sia serta kestabilan eko-nomi di seluruh Asia Pasifik.

Selain dari itu deklarasi berkenaan turut menyentuh keselamatan perdagangan termasuk sebagai sebahagian daripada usaha men-cegah jangkitan wabak pen-yakit yang membahaya-kan masyarakat serantau berkenaan.

Sebagai respon kepada kebimbangan kenaikan harga minyak selaras komitmen menjamin kesela-matan tenaga, pemimpin APEC mengarahkan men-

BRUNEI TERUS DIHORMATI

Dari muka 7

Ini kerana, Brunei Darussalam yakin bahawa PBB mampu memberikan perlindungan dan harapan serta keselamatan kepada negara-negara kecil seperti Negara Brunei Darussalam terutama sekali apabila Perang Dingin berakhir telah membahagikan dunia berdasarkan ideologi yang mana mendedahkan dunia kepada ancaman perang nuklear. Negara kecil dan sedang membangun termasuk Negara Brunei Darussalam merasakan lebih terancam dan digunakan sebagai boneka percaturan politik dunia.

Berucap di Sidang Kemuncak Milenium yang dihadiri oleh 160 ketua negara itu, baginda melahirkan penuh keyakinan, badan dunia itu menyediakan forum di mana kedaulatan negara-negara ahli dihormati dan semua negara mempunyai hak yang sama dan satu undi.

Negara Brunei Darussalam juga penuh percaya, PBB masih merupakan pertubuhan terbaik untuk mempertahankan orde baru dunia yang berasaskan undang-undang antarabangsa dan prinsip-prinsip kedaulatan dan keutuhan wilayah. Semua negara semakin saling bergantung (interdependence) tetapi tidak pula mengambil tempat kedaulatan negara-negara sebagai prinsip asas hubungan antarabangsa. PBB sememangnya memberikan kesemua ahli-ahlinya, besar mahupun kecil, hak bersuara yang sama, hak untuk bersuara mengkritik itu dan ini secara membina bagi faedah bersama. Ini dirasakan amat penting bagi negara-negara kecil terutama sekali bagi Negara Brunei Darussalam yang hanya mempunyai suku juta penduduk.

"Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mesti berubah bagi memenuhi segala cabaran baru, tetapi beta mengharap ia akan berterusan untuk memberi negara-negara kecil suara yang mencukupi dalam perundingannya," titah baginda di Mesyuarat Khas Perhimpunan Agung Bagi Memperingati 50 Tahun Pertubuhan PBB pada 24 Oktober 1994.

ISU GLOBALISASI

Brunei Darussalam penuh percaya bahawa dunia menghadapi isu-isu global yang baru meskipun beberapa isu lama masih perlu diselesaikan. Ekonomi masih merupakan agenda antarabangsa yang penting. Pasaran bebas dan

saingan terbuka menjadi asas kepada kerjasama ekonomi. Berhubung dengan isu globalisasi yang menghantui dunia ketika ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia pernah bertitah dengan memberi amaran bahawa globalisasi bukan sahaja mendatangkan keuntungan ekonomi yang banyak tetapi juga mendatangkan kesan-kesan buruk seperti jenayah antarabangsa, keganasan dan pemencilan negara sedang dan kurang membangun.

"Isu globalisasi merupakan salah satu cabaran yang dihadapi oleh masyarakat antarabangsa yang diakibatkan oleh kesan kemajuan teknologi maklumat," titah baginda di Persidangan Milenium PBB.

Era perang selepas Perang Dingin membawa cabaran baru. Globalisasi, hasil revolusi dalam teknologi maklumat akan memecahkan sekatan dan sempadan tradisional. Kuasa dinamik dan bertenaga bergerak bagi meningkatkan kerjasama ekonomi serta mempercepatkan pertumbuhan dan pembangunan. Ini sudah barang tentu akan membawa kepada kualiti penghidupan yang lebih baik, taraf hidup yang lebih tinggi serta lebih peluang untuk semua.

Namun Negara Brunei Darussalam percaya terdapat juga kekurangan dalam globalisasi. Dengan pergerakan melintasi sempadan, jenayah transnasional dan keganasan yang meningkat yang telah menjadi masalah yang serius dihadapi oleh dunia dalam perkembangan mutakhir ini. Ini bertepatan dengan titah baginda yang antara lain menegaskan, "Perbezaan antara Utara dan Selatan terus meningkat bila mana negara-negara miskin berjuang untuk menyaingi dunia pertama. Globalisasi boleh membawa kepada perbezaan di antara negara-negara membangun dan kurang membangun jika mereka tidak menyesuaikan diri mereka untuk memaksimumkan faedahnya."

Dalam hubungan ini, baginda bertitah, dalam melaui abad ke-21, kita harus meneliti serta menghadapi kesan negatif globalisasi. Dalam abad ini, peranan PBB adalah penting bagi kesedaran dunia untuk mengimbangi kepentingan negara-negara yang berjaya dan kurang berjaya dalam ekonomi globalisasi yang baru. Ianya adalah kesedaran yang perlu bagi menyederhanakan hasil 'paradigma

pemenang mendapat kesemuanya' dalam saingan pasaran bebas.

Pemimpin kita juga merumuskan bahawa kita tidak boleh mempunyai dunia di mana ekonomi berasaskan pengetahuan berlumba dengan lebih raya maklumat, sementara negara-negara kurang membangun dan ketinggalan di belakang dan berjuang menentang penyakit, keburlan dan kemiskinan. Untuk itu baginda menganjurkan cara terbaik untuk memastikan peraturan antarabangsa yang mantap adalah memberikan negara-negara membangun dan kurang membangun dengan pengetahuan dan kesempatan bagi kemajuan ekonomi, sosial dan teknologi.

SUARA DI PBB

Sejak 20 tahun dalam badan dunia itu, Brunei Darussalam terus memainkan peranan aktif bersama-sama lebih 190 buah negara anggota PBB dalam mewujudkan keamanan dunia sejagat. Dalam masa tempoh tersebut, negara tetap memberikan sumbangan yang bermakna kepada pertubuhan itu. Pendek kata, Brunei Darussalam tetap komited, menyokong dan menyanjung apa-apa jua yang dilakukan oleh PBB yang kini telah berumur 59 tahun meskipun kredibiliti badan dunia itu kini dipersoalkan.

Sepanjang menganggotai PBB, negara dengan lantang dan tegas menyuarakan pendirian yang termampu terhadap isu-isu antarabangsa yang berupa konflik politik di Benua Eropah, Asia Barat, Afrika, Asia dan Asia Tenggara. Kelantangan dan keberanian di podium tertinggi PBB dalam menyuarakan hasrat dan harapan untuk mencipta dunia yang aman telah mendapat perhatian dunia antarabangsa. Pendek kata, kita mampu bersuara meskipun negara kita bersaiz kecil, namun kekecilan itu tidak bermakna 'tidak bersuara'. Malahan suara kita didengar dan diterima oleh pemimpin-pemimpin dunia termasuk kuasa-kuasa besar serta oleh masyarakat antarabangsa. Dunia kagum dengan kebolehan dan kewibawaan kita.

Adapun dasar luar kita memang mengambil kira perkembangan politik antarabangsa. Kita telah membuktikan bahawa Negara Brunei Darussalam turut melaksanakan peranannya selaku ahli masyarakat antarabangsa yang bertanggungjawab. Juga berkaitan dengan dasar luar ini, Negara Brunei Darussalam mengambil langkah meng-

adakan hubungan mesra dengan negara-negara yang ingin berbaik-baik dengan kita. Sehingga kini negara telah menjalin hubungan diplomatik bersama lebih 180 buah negara.

Kita mengutuk sebarang bentuk keganasan. Kita mengutuk sebarang pelanggaran hak asasi manusia. Kita mengutuk kekerasan-kerasnya kekejaman seperti yang berlaku di bumi Palestin yang kini belum ada noktah untuk berhenti. Begitu juga kita mengutuk kekejaman yang berlaku di bumi Bosnia-Herzegovina semasa Perang Balkan dari tahun 1991 hingga 1993 yang mengorbankan bukan sahaja harta benda tetapi jiwa manusia termasuk kanak-kanak, orang-orang tua dan wanita tidak berdosa.

ISU TIMUR TENGAH

Di podium PBB di New York, semenjak Brunei Darussalam menghadiri Perhimpunan Agung Ke-39 pada tahun 1984 hingga ke Perhimpunan Agung Ke-59 hari ini, negara kita berulang-ulang kali dan tidak jemu-jemu menyuarakan pendirian tegas terhadap isu Palestin. Kita mengutuk kekejaman dan tidak perikemanusiaan tentera Israel menyeska dan membunuh orang-orang Palestin di Semenanjung Gaza dan Tebing Barat. Kutukan yang kita lemparkan adalah sejajar dengan resolusi Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN Security Council).

Kebawah Duli Yang Maha Mulia sempena ke-masukan Negara Brunei Darussalam ke PBB pada tahun 1984 pernah bertitah menegaskan: "Di Timur Tengah, penafian terus-menerus hak-hak yang sah bagi rakyat Palestin merupakan masalah di rantau itu. Negara Brunei Darussalam tetap dalam keyakinan bahawa suatu penyelesaian yang adil dan kekal serta menyeluruh mestilah mengambil kira hak-hak yang sah rakyat Palestin untuk menentukan masa depan sendiri di tanah air mereka sendiri, Palestin. Negara Brunei Darussalam menyertai negara-negara lain dalam menentang pendudukan Israel yang berterusan di Tanah Arab."

Negara Brunei Darussalam berpendapat penaklukan berterusan Israel terhadap rakyat Palestin merupakan penghalang utama kepada keamanan dan kestabilan di rantau berkenaan. Isu Palestin kekal menjadi punca kebimbangan masyarakat antarabangsa. Bahkan negara kita sering menyuarakan pan-

dangan dengan harapan agar isu Palestin diselesaikan di 'meja bulat' melalui perundingan dan bukannya dengan menggunakan kekerasan dan senjata.

Di forum yang sama di perhimpunan ke-44, negara kita juga menyuarakan ketegasan mengenai isu Palestin. Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri bersabda bahawa rakyat Palestin tidak diberi peluang langsung untuk menentukan hak mereka sendiri dan bagi mencapai kemerdekaan yang sudah sententunya menghalang mereka untuk kembali ke tanah air sendiri.

"Dasar agresif dan memperluas wilayah yang diduduki oleh Israel semakin memburukkan konflik tersebut. Pertempuran yang terus berlaku di wilayah yang diduduki sudah sepatutnya meyakinkan Israel bahawa penaklukan mereka ke tanah Palestin hanya membawa kepada keadaan yang tidak selamat dan tidak mantap di kedua-dua rantau itu dan Israel sendiri," tegas Duli Yang Teramat Mulia.

Kita menyuarakan kelantangan ini, kerana percaya Israel tidak boleh selama-lamanya mengambil hak rakyat Palestin. Mereka perlu melepaskan wilayah-wilayah yang menjadi hak mutlak Palestin yang mereka rampas sejak tahun 1967 yang kini telah berumur 37 tahun. Namun apa yang mendukacitakan dunia, bermacam-macam telah perjanjian dibuat dan berpuh-puluh perundingan telah dibuat oleh masyarakat antarabangsa termasuk kuasa-kuasa besar, namun hasilnya masih menemui jalan buntu, isu Palestin belum ada kesudahan, belum ada tanda-tanda akan berakhir. Isu yang berlarutan itu telah mengakibatkan dunia tidak aman selagi hak rakyat Palestin tidak dikembalikan.

Selain itu, dalam tahun 80-an hingga 90-an, kita juga menyuarakan kebimbangan terhadap isu Afghanistan, isu Apertadi di Afrika Selatan, kemerdekaan Kemboja, peperangan Bosnia-Herzegovina. Kini suara kita di podium PBB ditumpukan mengenai keadaan semasa pola dunia antaranya termasuk isu keganasan antarabangsa selepas serangan 11 September 2001 di Amerika Syarikat, isu nuklear Korea

Utara, Perang Iraq, isu Afghanistan selepas era Taliban, isu pemusnahan senjata pemusnah besar-besaran, isu penyakit berjangkit dan lain-lain isu yang berlaku di merata tempat dunia. Pendek kata, isu ini bukan sahaja menjejaskan keamanan sejagat tetapi memeningkan 'kepala' Setiausaha Agung badan dunia itu ke arah menanganinya pelbagai konflik dan persengketaan yang wujud di mana-mana saja.

MEMBERIKAN SUMBANGAN

Dalam pada itu, kita juga memberikan sumbangan yang berharga terhadap keamanan dunia di bawah panji-panji PBB. Kita terlibat secara langsung mengenai Persidangan Antarabangsa di Paris bagi kemerdekaan Kemboja bersama-sama dengan negara-negara ASEAN lain. Kita menghantar Pasukan Polis Diraja kita ke Kemboja sebagai pengaman di bawah tajaan PBB. Dan baru-baru ini beberapa anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) bertugas menjadi Pasukan Pemantau Antarabangsa (IMT) di Republik Filipina hingga sekarang.

Kesemua sumbangan negara terhadap keamanan dunia walaupun nisbahnya agak kecil namun realitinya, kita telah menyumbangkan cabaran dan dapat bersama-sama menandai dan melibatkan diri dengan masyarakat antarabangsa. Kesemuanya ini juga memberikan kebanggaan kepada Negara Brunei Darussalam yang dipandang kecil tetapi mempunyai semangat dan jiwa yang besar.

HULUR BANTUAN

Sebagai ahli masyarakat dunia, Brunei Darussalam tidak terlepas dari tanggungjawab. Dalam erti kata yang lain kita tidak memekamkan telinga terhadap kesengsaraan dan penderitaan orang lain. Kita menghulurkan sumbangan dalam membantu kemiskinan dan keburlan yang diakibatkan peperangan, bencana alam dan lain-lain tragedi yang menimpa saban hari. Kita hulurkan bantuan kemanusiaan kepada rakyat Palestin, Afghanistan, Bosnia-Herzegovina, Iraq, Republik Islam Iran, Bangladesh, Pakistan dan negara-negara Asia Tenggara tanpa mengira warna kulit.

Negara, malah pemimpin kita amat prihatin dengan kesengsaraan yang dialami oleh masyarakat

antarabangsa. Ini terbukti melalui simpati yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Majlis Penyerahan Anak Kuncu Rumah Perumahan Negara Kampong Mentiri pada 22 Ogos 1992. Antara lain baginda bertitah "Sebagai tanda simpati kita, khasnya kepada orang-orang Islam Bosnia, maka adalah wajar kita di negara ini turut memberikan sumbangan dan bantuan kepada mereka yang berkenaan, untuk sekurang-kurangnya akan dapat meringankan beban penderitaan yang dialami oleh mereka itu."

"Maka ke arah ini, beta dengan penuh perasaan yang terharu, telah memperkenan satu sumbangan derma oleh kerajaan kita berjumlah sebanyak \$1,000,000 (sejuta ringgit Brunei) sebagai sumbangan peri kemanusiaan dan juga tanda simpati kita yang ikhlas lagi mendalam terhadap kesengsaraan saudara-saudara seagama kita di Bosnia itu," titah baginda lagi.

Bersempena kemasukan Brunei Darussalam ke PBB, baginda juga telah berkenan mengurniakan derma sebanyak dua juta ringgit Brunei untuk Tabung Kanak-Kanak Bangsa-Bangsa Bersatu iaitu United Nations Children Fund (UNICEF). Sumbangan yang diberikan itu adalah bagi membantu kanak-kanak di seluruh dunia bagi memperbaiki kehidupan.

Sesungguhnya peranan yang dimainkan oleh negara kita di pentas dunia telah mengiktiraf kebolehan dan kewibawaan negara dalam sama-sama menjalankan tanggungjawab sebagai komponen masyarakat antarabangsa untuk merealisasikan keamanan, keselamatan dan kesejahteraan dunia yang kini dibelenggu oleh seribu satu macam persoalan. Dengan kewibawaan itu, negara kita terus dihormati dan digalati. Dalam masa-masa mendatang, Brunei Darussalam akan tetap terus memikul tanggungjawab yang mencabar di era globalisasi kerana sebagai ahli PBB kita telah komited terhadap apa-apa jua peranan dan tanggungjawab yang telah dipikulkan. Melalui ketokohan pemimpin kita, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, Negara Brunei Darussalam seperti jua ahli-ahli PBB lain pastinya berusaha dengan gigih dalam mewujudkan keamanan sejagat seperti yang diimpikan oleh semua negara berasaskan Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (tiga dari kiri) bersama para pemimpin ASEAN merakamkan gambar kenangan sempena Sidang Kemuncak ASEAN Ke-12 di Vientiane, Republik Demokratik Rakyat Lao.

Adakan perbincangan tidak rasmi

VIENTIANE, 28 November. - Ketua-ketua negara ASEAN pada malam hari ini memulakan pertemuan dalam Majlis Makan Malam dan Perbincangan Tidak Rasmi yang diraikan oleh Perdana Menteri Republik Demokratik Rakyat Lao, Tuan Yang Terutama Bounnhang Vorachith.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke majlis itu bersama para pemimpin ASEAN yang lain yang berlangsung di Hotel Lao Plaza di sini.

Majlis itu diadakan adalah bagi meraihan ketua-ketua negara dan kerajaan ASEAN yang menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN Ke-10 yang bermula esok.

Berangkat sama dan hadir di majlis itu ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman.

Keberangkatan tiba baginda ke majlis tersebut telah dijunjung dan dialu-alukan oleh Tuan Yang Terutama Bounnhang Vorachith, Perdana Menteri Republik Demokratik Rakyat Lao.

Kerjasama ekonomi penting

Dari muka 1

Penandatanganan integrasi tersebut telah disaksikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia berserta para pemimpin ASEAN.

Setelah berkenan berangkat ke Majlis Santap Tengah Hari, Kebawah Duli Yang Maha Mulia bersama * pemimpin ASEAN yang lain menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN + 3 dan disusuli kemudiannya Sidang Kemuncak ASEAN + China.

Anggota Kumpulan ASEAN + 3 dan tiga

rakan dialog ASEAN terdiri daripada China, Jepun dan Korea Selatan.

Di sidang kemuncak ini beberapa perjanjian juga telah ditandatangani termasuk Perjanjian Mengenai Mekanisme Penyelesaian Pertikaian antara China dan ASEAN serta mengenai Perdagangan Barangan Dalam Perjanjian Rangka Kerja Kerjasama Ekonomi Yang Komprehensif antara ASEAN dan China. Dalam perjanjian ini, penandatanganan bagi pihak Negara Brunei Darussalam telah diwakili oleh Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga berkenan berangkat menyaksikan Majlis Penandatanganan Perjanjian tersebut yang berlangsung di pusat yang sama.

ASEAN yang juga dikenali sebagai Persatuan Negara-negara Asia Tenggara ditubuhkan pada 8 Ogos 1967 di Bangkok dan dianggotai oleh Negara Brunei Darussalam, Kemboja, Republik Indonesia, Republik Demokratik Rakyat Lao, Malaysia, Kesatuan Myanmar, Republik Filipina, Republik Singapura, Thailand dan Viet Nam.

Bekerjasama tingkatkan keamanan, kestabilan Asia

Dari muka 1

Perbincangan lebih banyak tertumpu kepada cara-cara mengukuhkan kerjasama ASEAN bersama negara-negara tersebut dan haluan masa depan hubungan ASEAN + 3, di samping bertukar-tukar pandangan mengenai isu-isu politik, keselamatan dan ekonomi serantau dan antarabangsa.

Di sidang itu baginda juga menekankan perlunya untuk meneruskan usaha-usaha bagi meningkatkan kerjasama ekonomi yang lebih erat yang membolehkan faedah secara langsung

dari kerjasama ASEAN + 3.

Dalam pada itu baginda juga berpuas hati dengan keputusan untuk menubuhkan satu kumpulan pakar bagi mengkaji kesesuaian penubuhan Kawasan Perdagangan Bebas Asia Timur.

Baginda seterusnya bertitah menyokong usaha-usaha China, Jepun dan Republik Korea dalam membantu pertumbuhan kawasan-kawasan pembangunan di rantau ASEAN seperti BIMP-EAGA (Kawasan Pertumbuhan Asia Timur - Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia dan Filipina).

Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga mengemukakan misi-misi China dan Jepun baru-baru ini bagi menyelidiki cara-cara yang bersesuaian untuk membangun rantau BIMP-EAGA.

Di sidang itu para pemimpin ASEAN + 3 juga menyokong bagi mengadakan Sidang Kemuncak Negara Asia Timur (EAS) di Malaysia tahun 2005 dan mereka juga memberi sokongan bagi cadangan Jepun menjadi tuan rumah Mesyuarat Menteri-menteri Luar ASEAN + 3 di Kyoto tahun depan bagi membincangkan persiapan dan konsep EAS.

Timbalan Sultan menerima mengadap

BANDAR SERI BEGAWAN, 29 November. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Timbalan Sultan telah berkenan menerima mengadap Duli Yang Teramat Mulia Putera Andrew, The Duke Of York di Istana Nurul Iman di sini.

Duli Yang Teramat Mulia Putera Andrew sedang berada di negara ini dalam rangka lawatan se-

lama dua hari bagi merasmikan permulaan Projek Pembinaan Penginapan dan Infrastruktur British Garrison di Seria, di samping menghadiri perbarisan bagi penauliahan pegawai-pegawai Gurkha Queen.

Juga hadir di Majlis Mengadap tersebut ialah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Haji Awang Hazair, Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Sementara itu, pada 23 November lalu Duli Yang Teramat Mulia juga berke-

nan menerima mengadap Tuan Yang Terutama Ajai Choudhry, Pesuruhjaya Tinggi India ke Negara Brunei Darussalam yang akan menamatkan tempoh perkhidmatannya.

Tuan Yang Terutama Ajai Choudhry telah berkhidmat selaku Pesuruhjaya Tinggi India ke negara ini sejak 3 September 2001.

Juga hadir di Majlis Mengadap tersebut ialah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Haji Awang Hazair, Setiausaha Tetap JPM.



DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Timbalan Sultan ketika berkenan menerima mengadap DYTM Putera Andrew, The Duke Of York (kiri) dan TYT Ajai Choudhry, Pesuruhjaya Tinggi India ke Negara Brunei Darussalam (kanan).



برهاتي ۲ دجالن راي : ايقتله اورغيغ ترسايع
BERHATI-HATI DI JALAN RAYA : INGATLAH ORANG YANG TERSAYANG

LEBIH 90 ribu orang dari pelbagai lapisan masyarakat termasuk pelancong dari luar negeri telah mengunjungi Istana Nurul Iman untuk menjunjung ziarah dan menyampaikan ucapan Selamat Hari Raya Aidilfitri ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha serta ahli-ahli kerabat diraja. Jumlah tersebut meningkat kira-kira 20 peratus jika dibandingkan dengan tahun lepas hanya lebih 74 ribu orang.

Apa sebenarnya yang menarik pengunjung sedemikian ramai pada setiap tahun? Soalan seumpama ini bagi sesetengah orang perlu, kerana di tempat lain juga ada raja, ada istana yang tidak kurang indahnyanya dan sebagainya tetapi tidak terdapat seperti apa yang kita nikmati di negara ini. Secara ringkas soalan itu boleh dijawab seperti berikut:

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terkenal sebagai seorang raja dan pemimpin yang bijaksana yang telah berjaya membawa kemakmuran dan kehidupan yang cukup selesa kepada rakyatnya. Baginda juga telah tersohor sebagai seorang raja yang pemeduliaan, yang sentiasa mengambil berat hal-ehwal kebajikan rakyat sehingga setiap lapisan rakyat dapat menikmati taraf kehidupan yang boleh dikatakan lumayan.

Sumber untuk menanganai kebajikan rakyat bukan sahaja dari hasil pendapatan kerajaan, malahan melalui sumbangan peribadi baginda sendiri dan dari badan-badan tertentu yang baginda tubuhkan seperti Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan sebagainya.

Baginda sentiasa bergerak mendekati rakyat untuk melihat dan mengetahui sendiri hal-ehwal mereka yang sebenarnya. Gerakan baginda itu sangat berkesan, dengannya telah dapat melicinkan lagi perjalanan pentadbiran kerajaan baginda terutamanya dalam menggerakkan projek-projek pembangunan untuk kepentingan rakyat.

Maka bersempena de-

ngan sukat hari mulia di mana umat Islam menyambut Hari Raya Aidilfitri, maka adalah sangat signifikan sekali rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam menjunjung ziarah sambil menyampaikan ucapan Selamat Hari Raya dan menjunjung kasih di atas kepimpinan dan pemeduliaan baginda yang tidak ternilai. Apatah lagi baginda sendiri mengurniakan peluang untuk rakyat dan orang ramai berkunjung ke istana.

Majlis Junjung Ziarah di Istana Nurul Iman merupakan salah satu keunikan yang sudah tersohor bukan sahaja di kalangan rakyat dan penduduk negara ini, malahan

wajah-wajah yang riang dan mesra melayan setiap tetamu yang datang. Ini merupakan satu kehebatan, kerana kita tidak dapat saksikan fenomena itu di tempat-tempat lain.

Seorang pengunjung dari luar negara memberi komen: "Fenomena ini turut menjelaskan lagi kepada saya mengenai konsep negara ini iaitu Melayu Islam Beraja, ianya benar-benar wujud dan sangat praktis di Negara Brunei Darussalam."

Semasa Majlis Junjung Ziarah para pengunjung bukan sahaja berpeluang menjunjung ziarah dan beramah mesra bersama baginda dan keluarga

baginda, bahkan baginda juga bermurah hati mengurniakan jamuan istimewa kepada setiap pengunjung.

Para pengunjung menyifatkan kemurahan hati baginda itu memberi peluang yang sangat berharga yang patut dijunjung dengan tulus ikhlas dan sewajarnya meningkatkan lagi ketaatan serta sokongan rakyat kepada baginda. Maka Majlis Junjung Ziarah juga dapat dilihat sebagai wadah penting dalam mengeratkan lagi hubungan raja dengan rakyat dan di antara rakyat dengan raja.

Istana Nurul Iman bukan sahaja menjadi tumpuan orang ramai pada Hari Raya Aidilfitri bahkan juga sepanjang bulan Ramadan, ribuan umat Islam membanjiri Istana Nurul Iman untuk menghadiri Majlis Tadarus Al-Quran yang diadakan pada

INSTITUSI RAJA MAINKAN PERANAN DALAM KEHIDUPAN BERAGAMA



RAKYAT dan penduduk Negara Brunei Darussalam menjunjung ziarah sambil menyampaikan ucapan Selamat Hari Raya dan menjunjung kasih ke atas kepimpinan dan pemeduliaan baginda yang tidak ternilai.

setiap malam. Di sini jelas menunjukkan bahawa institusi raja di Negara Brunei Darussalam memainkan peranan yang

penting dalam kehidupan beragama khususnya dalam dakwah Islamiah.

Kegiatan keagamaan bukan sahaja diadakan

pada bulan Ramadan, bahkan juga pada hari-hari kebesaran Islam yang lain. Ini membuktikan bahawa istana bukan sekadar tem-

pat persemayaman raja dan pusat pentadbiran negara, malahan juga pusat kegiatan keagamaan dan adat istiadat negara.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan ahli-ahli kerabat diraja berkenan menerima junjung ziarah dari rakyat dan penduduk negara ini.

KEBAHAGIAAN TIDAK DIBINA DENGAN KUASA, MATA BENDA

FOKUS

OLEH SAHARI AKIM

KUASA dan mata benda bukanlah segalanya yang dapat menentukan kebahagiaan dan kesejahteraan hidup. Banyak faktor lain yang menyumbang untuk kita mengecapi kebahagiaan. Mematuhi undang-undang dan peraturan merupakan salah satu daripadanya. Lebih utama ialah mengamalkan ajaran Islam yang terkandung dalam Al-Quran.

Kebahagiaan dan kesejahteraan itu mahal harganya, ia tidak dapat dijual beli dan tidak terungkap oleh kata-kata. Sama ada ia kebahagiaan diri atau negara semuanya merupakan nikmat dan kurniaan Allah Subhanahu Wataala. Namun kita dianjurkan berusaha, berdoa dan bertawakal untuk mencapainya.

Kalau sahaja kebahagiaan itu boleh dibeli dengan wang ringgit maka bagi yang berkemampuan dan mempunyai harta benda yang banyak mereka tidak akan pernah mengalami kesusahan dan penderitaan dalam hidup.

Sebagai contoh jika penyakit boleh dibeli dengan wang ringgit maka kita tidak akan pernah jatuh sakit. Begitu juga jika mau boleh dibeli atau ditukar ganti dengan harta benda maka banyaklah di antara manusia di dunia ini yang tidak akan mengalami kematian.

Begitu juga dengan dosa dan pahala, jika semuanya dapat ditebus dengan wang dan mata benda maka ramailah yang akan terselamat dari azab dan seksaan Allah melalui dosa-dosa yang dilakukan di akhirat nanti.

Ruang FOKUS kali ini sedikit sebanyak akan membicarakan mengenai kebahagiaan dan kesejahteraan dalam kehidupan.

an. Tumpuan akan diberikan kepada usaha mencari kebahagiaan dan erti kebahagiaan itu sendiri.

KEBAHAGIAAN

Semua orang mengidamkan kebahagiaan untuk diri, keluarga, bangsa dan negara. Tidak ada yang lebih indah dari menikmati kebahagiaan yang berterusan. Manusia berlumba-lumba mencari kebahagiaan. Agama Islam sendiri menganjurkan kepada umatnya untuk mencari kebahagiaan 'di dunia dan di akhirat'.

Islam menggalakkan kita mencari kebahagiaan di dunia seolah-olah kita akan hidup untuk seribu tahun lagi. Kita juga dianjurkan berbuat amal ibadat dan kebajikan untuk bekalan di akhirat seolah-olah kita akan mati esok hari.

Menjadi fitrah manusia yang dilengkapi dengan 'hawa nafsu', kita tidak pernah puas mencari kebahagiaan. Kadang-kadang kita bertanya-tanya apakah tafsiran dan sukat-sukat mengenai hakikat sebenar 'kebahagiaan' itu.

Adakah jika kita mempunyai wang ringgit, harta benda yang banyak dan isteri serta anak-anak kita sudah merasa bahagia. Kadang-kadang harta benda yang banyak juga boleh membawa 'bebanan' atau menjadikan kita rakus dalam kehidupan. Begitu juga dengan keluarga terutama anak-anak yang bermasalah juga akan menjejaskan keharmonian dan kebahagiaan berkeluarga.

Selain dari itu, kesihatan tubuh badan juga turut menentukan kebahagiaan hidup seseorang. Penyakit yang diderita terutama yang agak kronik misalnya sudah tentu-

nya menjejaskan kebahagiaan hidup seseorang.

Kata orang ketenangan fikiran adalah sangat penting dalam kehidupan. Runsi, cemas, takut dan bersedih akan mengganggu emosi serta kewarasan berfikir seseorang. Sehingga alam persekitaran, jiran tetangga dan masyarakat sekeliling juga berperanan dalam menentukan kebahagiaan kita.

Musibah dan malapetaka yang ditimpakan oleh Allah Subhanahu Wataala kepada seseorang juga akan menggugat kebahagiaan seseorang. Sebagai contoh mereka yang ditimpa kemalangan, kehilangan rumah, harta benda, orang tersayang dan seumpamanya akan terjejas kebahagiaannya.

Semua itu menghendaki ketahanan mental dan emosi. Tahap ketahanan diri seseorang akan membezakan 'erti kebahagiaan' masing-masing. Sebilangan orang akan tetap tabah dan cekal dalam menghadapi apa juga cabaran dan pancaroba dalam kehidupan. Sebilangan lagi akan mudah terkenan meskipun cuma ditimpa dugaan kecil.

Jadi kebahagiaan itu terlalu umum dan subjektif mengikut 'takrif dan tafsiran seseorang'. Semuanya terletak pada hati dan perasaan masing-masing. Sebilangan orang akan berasa bahagia dan reda dengan apa yang dimiliki, manakala yang lain tidak akan berasa puas dengan nikmat yang ada.

Hanya sifat reda kepada ketentuan qadq dan qadar Allah Subhanahu Wataala sahaja yang akan dapat menentukan kebahagiaan hidup seseorang. Jika sifat ini dapat diamalkan dalam kehidupan kita maka kebahagiaan pasti akan

sentiasa dikecapi.

KETAATAN

Takaduhung menyebut kebahagiaan dan kesejahteraan ini maka ada baiknya kita menyorot titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Raya Aidilfitri 1425 Hijrah/2004 Masihi baru ini.

Menurut titah baginda, kebahagiaan dan kesejahteraan tidak dibina dengan kuasa dan mata benda tetapi lebih ditentukan oleh ketaatan terhadap undang-undang dan peraturan di mana Al-Quran paling atas wajib ditutut.

"Di antara peraturan dan undang-undang yang didukung oleh Al-Quran itu ialah memastikan agar makruf berjalan menjadi cara hidup, sambil tidak membiarkan mungkar daripada menular," titah baginda.

Memang benarlah seperti yang baginda titahkan itu bahawa untuk mencapai kebahagiaan dan kesejahteraan yang pelbagai dan terlalu subjektif maka kita harus kembali menghayati dan mengamalkan ajaran Islam yang sebenar.

Islam yang lengkap merangkumi hukum-hukum dan nilai-nilai murni mampu membawa manusia mencapai kebahagiaan hidup bukan sahaja di dunia malahan di akhirat.

Ajaran Islam yang berteraskan kepada akidah dan ketakwaan ke hadirat Allah Subhanahu Wataala membentuk manusia hidup berdisiplin mengerjakan amal makruf dan meninggalkan yang mungkar.

Di dalamnya juga terkandung sifat reda dan

mempercayai bahawa qadq dan qadar itu datang dari Allah. Jika ini menjadi pegangan maka manusia akan sentiasa berasa puas dan bahagia.

Pengajaran lain yang dapat kita peroleh ialah sifat sabar, sederhana, tidak bermegah-megah, tidak boros, tidak pendengki, tidak tamak dan seumpamanya.

Jika semuanya itu ada dalam diri seseorang maka ia akan sentiasa berada dalam keadaan 'tenang dan gembira'. Itulah sebenarnya kebahagiaan.

Kita melihat sebilangan orang hidup dalam keadaan sederhana dan sebahagian lagi kurang berkemampuan atau dalam serba-serbi kekurangan. Mereka penuh reda dan berbahagia menjalani kehidupan. Ini disebabkan mereka dapat menghayati dan mengamalkan ajaran Islam dengan sebaiknya.

NEGARA

Dalam konteks kenegaraan, jika kita menginginkan sebuah negara yang aman, makmur dan sejahtera kita juga harus menjadikan Islam sebagai teras dalam pentadbiran dan pengurusan negara.

Dasar yang baik berlandaskan ajaran Islam akan mampu memacu bangsa dan negara mencapai kemajuan dan pembangunan. Islam menganjurkan supaya umatnya bersikap aktif dan progresif, rajin berusaha, mementingkan ilmu pengetahuan dan sentiasa berbuat kebajikan.

Bangsa yang terdidik dengan nilai-nilai murni ajaran Islam akan mempunyai akhlak dan keperibadian yang tinggi dan mulia. Mereka tidak tahu berputus asa tetapi rajin dan terus berusaha untuk mencapai kecemer-

langan diri, keluarga, bangsa dan negara.

Pada masa yang sama negara yang menjadikan ajaran Islam sebagai dasar dalam pentadbirannya tentunya akan mendapat rahmat Allah. Rakyat di dalamnya pula akan sentiasa hidup harmoni dan sejahtera kerana Islam menekankan wujudnya keadilan sosial tanpa mengira status dan keturunan.

Islam juga merupakan agama persaudaraan yang menitikberatkan kerjasama, bantu-membantu dan pemedulian sesama insan terutama saudara-saudara seagama. Dalam erti kata lain umat Islam yang kurang berkemampuan diberikan bantuan melalui kewajipan mengeluarkan zakat harta dan melalui sedekah agar mereka sama-sama dapat mengecapi kebahagiaan.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Taubah ayat 71 yang tafsirnya:

"Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi penolong bagi setengahnya yang lain; mereka menyuruh berbuat kebaikan dan melarang daripada berbuat kejahatan; dan mereka mendirikan sembahyang dan memberi zakat serta taat kepada Allah dan Rasul-Nya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah. Sesungguhnya Allah Maha Berkuasa Lagi Maha Bijaksana."

Dari ayat di atas kita dianjurkan menjadi penolong kepada saudara-saudara seagama yang memerlukan apa jua bantuan. Pada masa yang sama kita juga sentiasa disuruh membuat kebaikan serta kebajikan, di samping melarang orang lain dari melakukan apa

juga bentuk kemungkaran, kejahatan dan kezaliman.

Jika ajaran ini dapat kita amalkan maka akan terbantulah golongan yang susah dan kurang berkemampuan. Juga akan wujudlah masyarakat yang berakhlak mulia dan berdisiplin yang terhindar dari segala kebatilan.

Sementara itu apabila sembahyang dapat dilaksanakan dan ketaatan kepada Allah dan Rasul-Nya tidak berbelah bahagi maka kita akan terjerus kepada segala macam kebaikan dan terhindar dari melakukan kejahatan.

Apatah lagi jika umat Islam mematuhi kewajipan mengeluarkan zakat, sedekah dan bantuan lain maka akan terbelah golongan yang berhak menerimanya. Inilah yang dikatakan wujudnya keadilan sosial dalam pengurusan yang berteraskan Islam itu.

Jadi tidak syak lagi ajaran Islam itu sentiasa menyeru umatnya berbuat kebaikan kepada orang lain. Timbal balas ini menguntungkan kedua belah pihak. Pemberi pertolongan akan mendapat ganjaran pahala, manakala penerima pertolongan pula sedikit sebanyak dapat menerima kebahagiaan.

Sebagai umat Islam, apa yang penting bagi kita ialah mencari 'kebahagian hakiki' baik untuk kebahagiaan di dunia mahupun di akhirat nanti. Dalam hal ini kita harus mempunyai keseimbangan dalam kita menjalani kehidupan di dunia ini.

Kita akhiri FOKUS kali ini dengan kata-kata: Carilah kebahagiaan yang hakiki.



PASUKAN Polis Diraja Brunei terus berkembang dan mengalami perubahan bukan sahaja dari segi tahap profesionalisme dan bilangan para pegawai serta anggota, bahkan juga di segi pakaian para pegawai dan anggota pasukan. Gambar kiri yang dirakamkan



semasa pemeriksaan tamat latihan 30 orang orang rekrut pasukan itu pada 2 Mei 1968 di Ibu Pejabat Polis, Bandar Brunei memperlihatkan pakaian seragam yang digunakan oleh pasukan berkenaan ketika itu. - Sumber : PELITA BRUNEI keluaran 8 Mei 1968. Bandar Brunei : Jabatan Penyiaran dan Penerangan Kerajaan Brunei. (1968 : 2).

TEKAD PEMEDULIAN ORANG RAMAI (TPOR)

JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
(Bahagian Kemajuan Daerah)

Bil.	Perkhidmatan	TPOR
1.	Sijil Pengesahan untuk memajukan tanah dan bangunan (Peringkat pertama kawasan kawalan PBYLKK)	4 minggu
2.	Surat kebenaran rasmi untuk memajukan tanah dan bangunan (peringkat kedua)	2 minggu
3.	Sijil Pengesahan untuk memajukan tanah dan bangunan (luar kawasan kawalan PBYLKK)	3 minggu

* Tempoh masa adalah hari bekerja

Sifat pengampun dan pemaaf boleh mengelakkan diri kita dari bersifat keji, dendam, benci dan sebagainya

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wataala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan menegakkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertakwa dan beriman serta selamat di dunia dan di akhirat.

Islam adalah agama yang cukup sempurna, agama yang mementingkan perdamaian dan kesejahteraan, bagi mewujudkan suasana sedemikian, amalan-amalan mulia memainkan peranan yang penting kerana itulah Islam menitikberatkan amalan tersebut. Kerana dengan demikian akan dapat mengeratkan hubungan silaturahmi sesama umatnya. Di antara sifat mulia yang sangat dituntut dalam Islam ialah sifat pemaaf. Salah satu sifat Allah Subhanahu Wataala ialah Al-Ghaffur yakni pengampun.

Inilah juga sifat yang utama pada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang juga sepatutnya ada dalam diri kita selaku umatnya. Kerana dengan adanya sifat pengampun dan pemaaf ini sahajalah yang boleh mengelakkan diri kita dari bersifat keji seperti dendam, benci, dengki dan sebagainya. Sifat keji itulah yang se-

lalunya menimbulkan persengketaan dan perpecahan. Sebagai contoh jika ada sifat dendam orang akan sanggup membunuh dan tidak terkecuali sanggup memecahbelahkan ahli keluarga dan sahabat. Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Asy-Syuura ayat 43 yang tafsirnya:

"Dalam pada itu ingatlah orang yang bersabar dan memaafkan kesalahan orang terhadapnya, sesungguhnya yang demikian itu adalah dari perkara-perkara yang dikehendaki diambil berat melakukannya."


Maka di sinilah pentingnya adanya sifat pemaaf dalam diri individu, kerana sifat pemaaf boleh menerbitkan rasa kasih sayang, belas kasihan, hormat-menghormati dan sebagainya. Berkembangnya agama Islam ke pelusuk dunia adalah di atas konsep kemaafan. Konsep ini telah dibuktikan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam di mana Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah memaafkan Hubur bin Aswad, seorang yang terkenal memusuhi Islam dan banyak menyakiti hati kaum Muslimin. Bahkan dia juga pernah menyakiti puteri Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bernama Zainab bintu Umayyah yang dinaiki oleh Zainab dalam perjalanan

ke Madinah telah dipanah oleh Hubur sehingga menyebabkan unta itu jatuh lalu mati. Zainab yang pada ketika itu sedang mengandung terhumban dari atas unta menyebabkan kandungannya gugur yakni keguguran. Namun demikian setelah pembukaan Mekah, Hubur menemui Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam untuk memohon maaf daripada Baginda dan seterusnya menjadi pengikut agama Islam.

Dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Abu Daud dari Jabir bin Abdullah bahawa seorang perempuan Yahudi telah menghadiahkan kepada Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam daging kambing yang sudah masak. Hadiah tersebut diterima oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam tanpa menyedari daging kambing tersebut telah dibubuh racun. Namun sebaik sahaja Baginda mengunyahnya untuk me-

makan daging tersebut, Baginda terus memuntahkannya kerana Baginda mengetahui bahawa daging tersebut mengandung racun. Walaupun perbuatan perempuan Yahudi itu membahayakan Baginda, tetapi Baginda tidaklah menjatuhkan hukuman kepadanya, sebaliknya memberi kemaafan kepadanya.

Tidak dapat dinafikan, dalam kehidupan ini kita tidak akan terlepas dari menerima dugaan, yang kadang kalanya menyebabkan timbul rasa marah dan sifat dendam akibat dari angkara perbuatan orang lain yang tidak menyenangkan hati kita kerana difitnah, dihina, dizalimi dan sebagainya. Tetapi walaupun dugaan yang menimpa ke atas kita namun Islam telah memerintahkan umatnya supaya bersifat sabar dan tidak bertindak balas terhadap perbuatan jahat yang dilakukan ke atas kita, sebaliknya di balas dengan



kebaikan dan kemaafan. Kerana jika jahat dibalas jahat akan lebih menambak kejahatan dan akan bertambah parahlah luka di hati dan akan bersarang sifat dendam, sifat dengki dan bermacam-macam lagi sifat keji yang boleh menimbulkan permusuhan dan memecahbelahkan kesatuan umat Islam. Orang Islam yang benar benar beriman tidak akan bersifat keji dan busuk hati tetapi sebaliknya bersifat mulia dan murni. Firman Allah Subhanahu

Wataala dalam Surah Fush Shilat ayat 34 yang tafsirnya:

"Dan tidaklah sama kesannya dan hukumannya perbuatan yang baik dan perbuatan yang jahat. Tolaklah kejahatan yang ditunjukkan kepadamu dengan cara yang lebih baik, apabila engkau berlaku demikian maka orang yang menaruh rasa permusuhan terhadapmu, dengan serta-merta akan menjadi seolah-olah sahabat karibmu."

Ingatlah, walaupun amalan bermaaf-maafan itu dituntut dalam Islam, ini bukan bererti kita dibolehkan sesuka hati berbuat kejahatan dan kesalahan apatah lagi jika disengajakan. Perlu diingat bahawa dosa sesama manusia itu tidak akan diampunkan oleh Allah Subhanahu Wataala kecuali setelah mendapat kemaafan dari manusia itu sendiri. Oleh itu bermaaf-maafanlah sebelum terlambat, jangan hanya menunggu tibanya Hari Raya.

Akhirnya, jadikanlah sifat bermaaf-maafan itu sebagai amalan hidup kita, kerana dengan demikian rumah tangga hidup bahagia, keluarga dan jiran hidup aman damai dan akhirnya masyarakat dan negara menjadi teguh dan sentosa.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Ali 'Imran ayat 133-134 yang tafsirnya:

"Dan segeralah kamu kepada mengerjakan amal-amal yang baik untuk mendapat keampunan dari Tuhan kamu dan mendapat Syurga yang bidangnya seluas segala langit dan bumi, disediakan bagi orang-orang yang bertakwa. Iaitu orang-orang yang mendermakan hartanya pada masa senang dan susah, dan orang-orang yang menahan kemarahannya dan orang-orang yang memaafkan kesalahan orang. Dan ingatlah Allah mengasihi orang-orang yang berbuat perkara-perkara yang baik."

INGATLAH, walaupun amalan bermaaf-maafan itu dituntut dalam Islam, ini bukan bererti kita dibolehkan sesuka hati berbuat kejahatan dan kesalahan apatah lagi jika disengajakan. Perlu diingat bahawa dosa sesama manusia itu tidak akan diampunkan oleh Allah Subhanahu Wataala kecuali setelah mendapat kemaafan dari manusia itu sendiri. Oleh itu bermaaf-maafanlah sebelum terlambat, jangan hanya menunggu tibanya Hari Raya.

وقت سمہیغ، امساک، شوروۃ دار، حضر

وقت ۲ سمہیغ، امساک، شوروۃ دار، حضر، 1425 برسمان دغن 18 شوال، 1425 برسمان دغن 1 ديسيمبر، 2004 هيغف كهاري ثلاث، 24 شوال، 1425 برسمان دغن 7 ديسيمبر، 2004 اداله سقرت دباوه اين :-

هجره	ظهر	عصر	مغرب	عشاء	امساک	صبح	شوروۃ	ضحی	مسیحی
شوال									دیسیمبر
18	12.11	3.33	6.05	7.20	4.41	4.51	6.13	6.28	1
19	12.11	3.33	6.06	7.20	4.41	4.51	6.13	6.28	2
20	12.11	3.33	6.06	7.20	4.42	4.52	6.14	6.29	3
21	12.12	3.34	6.06	7.21	4.42	4.52	6.14	6.29	4
22	12.12	3.34	6.07	7.21	4.43	4.53	6.15	6.40	5
23	12.13	3.35	6.07	7.22	4.43	4.53	6.15	6.40	6
24	12.13	3.35	6.08	7.22	4.43	4.53	6.15	6.41	7

وقت ۲ سمہیغ، امساک، شوروۃ دار، حضر، 1425 برسمان دغن 18 شوال، 1425 برسمان دغن 1 ديسيمبر، 2004 هيغف كهاري ثلاث، 24 شوال، 1425 برسمان دغن 7 ديسيمبر، 2004 اداله سقرت دباوه اين :-

"DAN segeralah kamu kepada mengerjakan amal-amal yang baik untuk mendapat keampunan dari Tuhan kamu dan mendapat Syurga yang bidangnya seluas segala langit dan bumi, disediakan bagi orang-orang yang bertakwa. Iaitu orang-orang yang mendermakan hartanya pada masa senang dan susah, dan orang-orang yang menahan kemarahannya dan orang-orang yang memaafkan kesalahan orang. Dan ingatlah Allah mengasihi orang-orang yang berbuat perkara-perkara yang baik."

Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda).

ANJURAN MEMOHON PERTOLONGAN DAN PERLINDUNGAN KEPADA ALLAH

DALAM pada itu Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam juga mengisytiharkan kepada umatnya supaya memohon perlindungan dan pertolongan kepada Allah Subhanahu Wataala. Tiada Tuhan melainkan Allah Yang Maha Pemurah Lagi Mengasihani.

Abu Ya'la meriwayatkan daripada Jabir bin Abdullah Radiallahuanhuma ia berkata: Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

"Bolehkah aku tunjukkan apakah yang dapat menyelamatkan kamu daripada musuh kamu, dan meluaskan serta membanyakkan rezeki kamu? (Iaitulah) kamu berdoa kepada Allah Subhanahu Wataala di waktu malam dan di waktu siang, maka sesungguhnya doa itu senjata bagi orang mukmin."

At-Tirmizi pula meriwayatkan daripada Abdullah bin Mas'ud Radiallahuanhuma, telah bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang maksudnya:

"Sesiapa yang ditimpa oleh kefakiran, lalu dia datang kepada orang lain untuk memohon kepadanya daripada kefakiran itu, nescaya tidak akan dapat terlepas daripada kefakiran tersebut. Bahkan jika sesiapa yang tertimpa oleh kefakiran, kemudian dia memohon (berdoa) kepada Allah Subhanahu Wataala, maka Allah akan memberinya ganti (mengabulkannya) sama ada dengan rezeki yang segera ataupun lambat."

Menurut Al-Munzir pengarang Kitab At-Tarhib Wa At-Tarhib, hadis-hadis di atas dapat disimpulkan dengan beberapa perkara iaitu:

"Pernyataan disyariatkan berdoa dengan memohonkan hidayah dan rezeki yang luas kepada Allah Subhanahu Wataala."

"Luas kemuliaan dan kebesaran rahmat Allah Subhanahu Wataala, kerana itu pintu doa serta harapan terbuka luas kepada hamba-Nya asalkan melakukan taubat dengan sebenar-benarnya dan beristiqamah dalam melakukan taat kepada-Nya."

"Doa itu adalah senjata bagi orang mukmin dan tiang ag unar Sunat berlapang dada sama ada perkara yang diminta akan dikabulkan atau sebaliknya."

"Allah Subhanahu Wataala menyukai orang-orang yang sentiasa berdoa kepada-Nya."

DOA JANGAN DICAMPURADUKKAN DENGAN PERKARA MUNGKAR

Kedudukan doa itu sangatlah mulia. Oleh kerana itu janganlah dilakukan hanya sekadar adat kebiasaan, tradisi atau memenuhi acara sesuatu majlis. Ia adalah sebenarnya sebagai ibadat untuk menghadapkan hara-

HAYATI KONSEP DOA DI MALAM AIDILFITRI

pan dan cita-cita serta menzahirkan kesyukuran kepada Allah Subhanahu Wataala di atas nikmat-Nya yang melimpah-limpah, akhirnya untuk meraih pahala daripada doa itu sendiri.

Oleh sebab itu adalah salah jika ada orang yang tidak merasa janggal, tidak merasa bersalah apabila mencampuradukkan sesuatu yang mungkar dalam suatu majlis dengan doa dan zikir.

Bagaimanakah akan mendapat keberkatan sedang majlis itu berisi dengan perkara yang tidak diresnui oleh Allah Subhanahu Wataala? Bagaimana Malaikat Rahmat akan hampir kepada perkumpulan atau majlis yang terdapat di dalamnya kemungkaran itu.

Tersebut dalam suatu riwayat bahawa pada suatu ketika Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam berada di dalam suatu majlis. Baginda menghalakan pandangan Baginda ke langit, lalu Baginda menundukkan pandangannya, kemudian mengalihkannya kembali ke atas. Maka Baginda ditanya oleh para sahabat mengapa Baginda berbuat begitu? Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: "Baru saja tadi, kaum itu berzikir mengingati Allah (di satu majlis di hadapan Baginda) sehingga para Malaikat Rahmat turun membawa sakinah (ketenteraman) bagaikan sebuah kubah untuk mereka. Ketika Malaikat itu sudah dekat kepada mereka, salah seorang daripada mereka pula mengucapkan kata-kata batil (sia-sia), maka Malaikat itu lari menjauhi mereka."

Riwayat ini menceritakan bahawa majlis yang terdapat di dalamnya zikir dan pada masa yang sama terdapat perkara yang batil tidak akan dihiripi oleh Malaikat Rahmat. Ini memberi petunjuk yang jelas bahawa sesuatu yang baik itu jika dicampuradukkan dengan perkara-perkara yang tidak baik, maka perkara yang baik itu pun turut tidak bernilai dan menjadi sia-sia.

Ibnu Hajar Al-Haitami Rahimahullahu Taala di dalam kitabnya Al-Fatawa Al-

Hadisiyyah pernah ditanya mengenai kedudukan hukum mengadakan Perkumpulan Majlis Maulid, Zikir dan Sembahyang Terawih, di mana dengan adanya perkumpulan tersebut terjadi perkara yang tidak disukai pada pandangan syarak seperti percampuran di antara laki-laki dan perempuan di luar batasan yang dibenarkan oleh syarak.

Beliau menjawab: "Apabila terdapat sesuatu yang diharamkan pada perkumpulan Majlis Zikir, Sembahyang Terawih atau sebagainya, maka wajib bagi orang yang mempunyai kuasa menegak perkara itu dan bagi yang tidak mempunyai kuasa wajib ke atasnya menegak dirinya daripada hadir ke majlis berkenaan. Jika tidak, maka dia dianggap bersubhat dengan mereka. Al-Imam An-Nawawi dan Al-Imam Ar-Raf'i Rahimahumullahu Taala dengan jelas menyatakan bahawa duduk bersama dengan orang-orang fasiq kerana untuk mengambil hati mereka adalah dianggap perbuatan maksiat."

Ibnu Hajar juga menjelaskan, sesuatu yang yang dilarang oleh syarak itu sungguhpun kecil atau sedikit tidak ada kelonggaran untuk meringan-ringankannya, sebagaimana jelas dalam sabda Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam yang maksudnya:

"Maka apabila aku menegak kamu daripada melakukan sesuatu maka hindarilah ia, dan apabila aku memerintahkan kamu membuat sesuatu perkara maka lakukanlah ia sekadar yang kamu mampu." (Hadis riwayat Al-Bukhari dan Muslim).

Oleh yang demikian, berdasarkan apa yang difatwakan oleh Ibnu Hajar di atas, jelas bahawa sungguhpun majlis zikir atau doa itu suatu yang baik dan digalakkan pada pandangan syarak, akan tetapi ianya tidak boleh bercampur aduk dengan apa juga perkara yang ditegah oleh syarak. Menghadirkan diri dalam majlis seperti itu dianggap berdosa kerana bersubhat dengan orang-orang fasiq. Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam tidak bertolak ansur dan



IRSYAD HUKUM

DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunet.bn/gov/mufti
E-mail: mufti@brunet.bn
Fatwa@brunet.bn

Bilangan 194 Bahagian Akhir

melarang secara tegas daripada melakukan perbuatan haram apa pun bentuknya.

PENUTUP

Tanggapan tentang doa hendaklah tepat di sisi syarak seperti masanya, tempatnya dan keadaannya mestilah betul-betul sesuai. Adalah sangat tidak kena berdoa pada masa atau tempat atau keadaan di mana orang tidak menghormati agama, membelakangi agama atau melupakan agama, atau terdapat campuraduk di antara ingat dan lupakan agama. Apatah lagi di dalam perayaan, perkumpulan atau majlis menentang agama, yang berlawanan dan bercanggah dengan agama, maka adalah lebih baik jika doa tidak dibacakan kerana doa adalah perkara besar, perkara di antara hamba dengan Allah Subhanahu Wataala, bukan perkara main-main, seperti perkara menyanyi, tari-menari, sukan atau olah raga yang dicampurkan dengan perkara-perkara derhaka kepada Allah dan lain-lain lagi. Ini semua patutlah difahami serta diambil perhatian yang mendalam oleh semua pihak.

Adapun niat yang baik untuk berdoa itu memanglah patut diberi pujian, kerana ia merupakan suatu kebajikan. Jelasnya, sebelum melakukannya kita perlu turut melihat terlebih dahulu, apa tujuan berdoa dan di mana serta dalam keadaan yang bagaimana doa itu akan dibacakan.

WALLAHUAKLAM

MENJAGA DAN MENGHORMATI HAK-HAK JIRAN TETANGGA

SETIAP orang perlu menghormati jiran tetangga kerana ia merupakan sebahagian daripada akhlak mulia yang perlu ditanam dan dihidupkan. Semangat tolong-menolong sesama jiran amatlah mustahak dan tidak boleh kita hapuskan dari masyarakat Islam kerana dengannya punca kekuatan Islam dan nilai-nilai keindahan.

Siapakah yang dikatakan jiran tetangga itu? Jiran tetangga itu ialah orang yang tinggal serumah dengan kita, orang yang diam atau tinggal bersebelahan dengan rumah kita, orang yang tinggal dalam jarak 40 buah rumah dengan rumah kita dari segenap sudut dan orang yang tinggal senegeri dengan kita.

Menurut ulama, jika jiran kita itu terdiri daripada bukan Islam, maka dia mendapat satu hak sahaja iaitu hak layanan seorang jiran. Jika jiran itu terdiri daripada orang Islam, yang tidak ada hubungan kekeluargaan, maka dia mendapat dua hak iaitu hak Islam dan hak jiran. Ada pula jiran mendapat tiga layanan iaitu hak Islam, hak kerabat (kekeluargaan) dan hak jiran kaum keluarga.

Kewajipan menjaga hak-hak jiran ada dinyatakan di dalam Al-Quran dan Sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, sebagaimana firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah An-Nisaa' ayat 36 yang tafsirnya:

"Dan hendaklah kamu berbuat baik kepada kedua ibu

bapa, dan kaum kerabat dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin dan jiran tetangga yang dekat dan jiran tetangga yang jauh."

Agama Islam sangat melarang umatnya melakukan perkara-perkara yang boleh merenggangkan tali persaudaraan dan menyakiti hati jiran. Sifat seperti berprasangka jahat, hasad dengki, dendam kesumat, marah, takbur, menghinakan, mengumpat, memaki hamun, mencari keburukan seseorang, mengadu domba dan melaga-lagakan seseorang harus dihindari. Di samping itu hendaklah menunjukkan kepada jiran sifat belas kasihan dan baik budi.

Terdapat adab-adab berjiran yang harus kita amalkan dan praktikkan. Antaranya hendaklah memulakan salam kepada jiran. Jangan terlalu banyak bertanya mengenai ha-ehwal kehidupannya. Menziarahi jiran apabila ia sakit atau ada kematian, menunjukkan rasa kedukaan jika ada kesusahan di rumahnya serta menunjukkan kegembiraan jika ada kesukaannya. Mem maafkan

segala kesalahan dan kesilapannya. Tidak mengintai rumahnya, sehingga dapat melihat auratnya. Jangan menyakiti hati dan perasaannya seperti membuang sampah di rumahnya. Jangan menyempitkan perjalanan menuju ke rumahnya. Jangan mengambil tahu tentang perkara-perkara yang dibawa jiran ke dalam rumahnya. Hendaklah menutup segala keaiban dan kecelaan yang mungkin berlaku daripadanya. Jangan terlalu memerhatikan rumahnya semasa ketiadaannya. Jangan terpedaya dengan kata-kata orang lain terhadapnya. Bersikap lemah lembut terhadap anak-anak dan keluarganya.

Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud:

"Demi Allah tidak sempurna keimanan, tidak sempurna keimanan, tidak sempurna keimanan. Mereka bertanya: 'Siapa orang itu wahai Rasulullah?' Rasulullah menjawab: 'Seorang jiran yang tidak mengamankan jiran tetang-

منوجو كرىضان الله

Menuju Keredaan Allah

كلوان قوسه دعوه اسلاميه

ganya dari kesusahannya." (Riwayat Al-Imam Ahmad).

Hubungan yang baik dengan jiran adalah dituntut dalam Islam. Sebaliknya memutuskan hubungan dan mendatangkan sesuatu yang tidak disenangi adalah suatu perkara yang tercela dan mendatangkan dosa. Di dalam sebuah hadis daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, ada diceritakan bahawa seorang lelaki berkata kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang maksudnya:

"Sesungguhnya ada seorang perempuan dikatakan banyak bersembahyang, banyak berpuasa dan banyak bersedekah, akan tetapi sayang sekali lidahnya, jahat suka menyakiti hati jirannya." Rasulullah bersabda: *"Perempuan itu ahli Neraka."* Lelaki itu berkata lagi: *"Wahai Rasulullah, bahawa ada perempuan dikatakan sedikit puasa sunatnya, sedikit sembahyang sunatnya, tetapi dia banyak bersedekah dengan keju dan tidak menyakiti jirannya."* Rasulullah bersabda: *"Dia ahli Syurga."* (Riwayat Al-Imam Ahmad).

Hubungan erat yang terjalin antara sesama jiran akan melahirkan perasaan kasih sayang, saling bantu-membantu, tolong-menolong, bertanggungjawab dan bertimbang rasa. Kehidupan seperti itu adalah ibarat satu tubuh yang sama-sama merasa sakit sekiranya salah satu anggota tubuh tersebut demam atau sakit.

SEPERTI lazimnya apabila mendekati penghujung tahun, kebanyakan sekolah di negara ini akan bercuti sama ada cuti penggal persekolahan atau cuti smester. Seperti mana yang kita sama-sama mengetahui, bermacam-macam perancangan dan aktiviti telah diatur sama ada oleh ibu bapa atau sekolah itu sendiri untuk mengisi masa cuti persekolahan yang agak panjang jika dibandingkan dengan cuti-cuti penggal persekolahan yang lain. Ada yang merancang untuk pergi melancong, membuat aktiviti riadah, berkhemah atau pulang ke kampung halaman untuk menjenguk dan menziarahi sanak-saudara di kampung, apatah lagi cuti kali ini adalah kebetulan masih dalam suasana Hari Raya Aidilfitri dan dalam bulan Syawal.

Dalam siri TEROPONG PELITA kali ini kita cuba berkongsi pengalaman dan memaparkan beberapa cadangan untuk sama-sama kita ambil iktibar dan nilai. Cuti penggal persekolahan pada masa sekarang tidaklah sama seperti cuti zaman kami sekolah dulu. Pada waktu kami sekolah dulu, cuti persekolahan kebanyakannya diisi dengan aktiviti membantu ibu bapa di rumah seperti membersihkan rumah, mengurus perkebunan, membantu ayah di ladang sawah, pergi ke laut membantu ayah menangkap ikan dan sebagainya. Pokoknya, rata-rata aktiviti yang dilakukan pada ketika itu adalah kebanyakannya berorientasikan pembinaan kesedaran sivik dan asuhan budi. Melalui aktiviti yang diperkatakan tadi kami dapat

mengasuh sikap dan peribadi kami menjadi anak yang patuh kepada induk bapa dan saling bantu-membantu antara adik-beradik kami. Melalui aktiviti yang disebutkan tadi kami mendapat upah kewangan yang menjadi kebanggaan kami ketika itu. Dengannya dapatlah kami membeli sepatu, pakaian seragam sekolah dan beg baru untuk penggal persekolahan yang akan datang.

Pada waktu itu, tidak ada perancangan ibu bapa untuk membawa kami ke mana-mana. Kerana ketika itu, melancong adalah satu perkara yang jarang berlaku, apatah lagi dalam kehidupan kami yang serba sederhana. Kalau pun kami hendak melancong, mungkin tempat yang paling dapat kami datangi dan mampu untuk mengeluarkan biaya ialah ke Pulau Labuan menggunakan sama ada Kapal Bolkiah, Sultan dan Pretty. Ketiga-tiga kapal itulah yang menjadi kapal pengangkutan penumpang untuk pergi dan balik ke Labuan sementara menggunakan pesawat pula ada tetapi memerlukan perbelanjaan tambang yang agak mahal pada perbandingan waktu ketika itu.

Sekolah-sekolah ketika itu rata-rata belum ada perancangan untuk mengadakan sebarang aktiviti untuk kami anak muridnya. Apa yang kami lakukan hanyalah kempen kebersihan sehari sebelum bercuti di mana semua murid akan melakukan tugas yang telah diarahkan oleh para guru. Semua kelas akan dibersihkan dan kerusi diletakkan terbalik di atas meja sebagai menandakan

bahawa kelas tidak akan digunakan dan cuti persekolahan akan bermula.

Begitulah gambaran sepintas lalu zaman kami menjadi murid pada tahun 60-an dan 70-an. Bayangkanlah betapa kami ketika itu begitu komited dengan keluarga dan sekolah. Pada amnya, kami tidak begitu tahu bagaimana untuk berhibur ketika bercuti. Tidak ada peti televisyen di rumah kami, yang ada hanyalah radio dan pemain piring hitam atau dikenali sebagai radiogram. Untuk memainkannya terpaksa diputar atau diengkol terlebih dahulu. Kami juga terlalu kecil dan kurang mampu untuk pergi ke panggung wayang yang memang sudah wujud ketika itu. Pada ketika itu juga, perkataan lepak, pemugut, dadah, mencuri, ponteng sekolah dan sebagainya tidak pernah terlintas dalam pemikiran dan pendengaran kami. Kami boleh dikatakan serba daif tetapi berbudi dan berakhlak serta paling hormat terhadap orang tua ketika itu.

Pada waktu malam pula kebanyakannya masa kami dihabiskan dengan belajar mengaji Al-Quran dan Mukaddam serta belajar berdirik, berzanji dan juga belajar bermain hadrah. Kerana itulah tidak hairan jika orang yang seangkatan dengan kami rata-rata boleh mengaji, berzanji, berdirik dan bermain hadrah.

Cuba kita bandingkan pada zaman sekarang. Memang terlalu jauh bezanya. Ini memang kita maklumi kerana kecanggihan zaman sekarang yang sering disebut sebagai zaman

MANFAATKAN CUTI SEKOLAH DENGAN BIJAKSANA

Teknologi Info Komunikasi iaitu perkembangan terbaru dari zaman sains dan teknologi dulu. Cuti sekarang adalah dalam bentuk yang berlainan. Rata-rata apabila musim cuti persekolahan menjelang, ramai ibu bapa yang merancang untuk membawa anak-anak mereka untuk melancong keluar negara sama ada yang dekat mahupun yang jauh dan ada juga yang membawa anak-anak mereka pergi menunaikan ibadah Umrah. Aktiviti ini adalah baik untuk pendedahan anak-anak sesuai dengan kemampuan kita. Dengan itu anak-anak juga dapat membuat perbandingan dan mengambil iktibar dari kemajuan yang telah dicapai oleh negara-negara yang dilawati. Mereka juga akan dapat mencambah fikiran ketika mengadakan perbandingan di dalam kelas.

Apa yang membanggakan sekarang ialah rata-rata sekolah di negara kita kini telah membuat perancangan yang tersendiri untuk membantu anak-anak sekolah mereka dalam membina kesedaran sivik dan asuhan budi. Ini adalah bertujuan untuk membantu mereka bagi membina benteng dari pengaruh gejala-gejala sosial yang tidak diingini yang sudah menjadi-jadi ketika ini. Berita-berita mengenai keruntuhan akhlak dan sosial sering menjadi bahan berita utama dalam dada-dada akhbar tempatan dan juga luar negeri. Terkini dalam



Kelolaan Haji Dayang HK

aliran remaja kita, kesalahan-kesalahan yang berhubung kait dengan kesalahan juvana kini semakin meningkat dan perkara ini adalah sangat membimbangkan khususnya yang melibatkan mereka yang baru saja melangkah ke alam remaja.

Aktiviti pembinaan kesedaran sivik dan asuhan budi juga telah mendapat sokongan yang padu dari pihak yang lain seperti Jabatan Masjid-Masjid, Jabatan Belia dan Sukan, Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Pembangunan Masyarakat serta beberapa jabatan-jabatan kerajaan yang lain. Mereka telah mewujudkan pelbagai program untuk menggalakan penglibatan mereka seperti mengadakan Projek Belia Takmir Masjid, Perkhemahan Belia, perkhemahan bina semangat, projek gotong-royong, Projek Titian Amal dan sebagainya. Semua projek-projek berkenaan adalah menjurus kepada pembinaan insan yang sempurna dan berakhlak mulia di samping berilmu dan berwibawa.

Dengan yang demikian, pergunakanlah cuti sekolah ketika ini dengan bijaksana. Rancanglah untuk memanfaatkan cuti berkenaan agar menjadi kenangan indah dan pemerolehan pengalaman yang baru yang sangat berguna dalam menempuh hidup yang penuh cabaran.

Janganlah jadikan cuti ini satu sejarah hitam dalam penghidupan kita di mana peristiwa yang tidak diinginkan berlaku. Jadikanlah cuti kali ini sebagai titik tolak kepada pembinaan semangat cintakan bangsa dan tanah air serta jati diri yang kental.

Untuk tujuan itu, seringlah muhasabah diri. Renunglah dan teroponglah ke belakang, sejauh mana sudah pencapaian diri dalam pelajaran dan penghidupan. Dengan yang demikian akan menjadikan kita lebih bertanggungjawab dan sentiasa ingat terhadap tugas dan tanggungjawab yang mesti dilaksanakan sebagai anak murid sekolah dan sebagai warga negara ini. Perkara ini penting kerana belia adalah harta yang paling berharga bagi sesebuah negara untuk terus membangun.

Sebelum mengakhiri, ingatkanlah manfaatlah cuti kali ini dengan bijak. Aturlah masa dengan baik sama ada waktu untuk belajar atau mengulangkaji. Janganlah hendaknya waktu cuti ini, buku pun ikut bercuti. Carilah bahan untuk mata pelajaran yang bakal dipelajari pada waktu buka sekolah nanti supaya kamu tidak akan terabara dan tercari-cari. Jadilah orang pintar dan bijaksana dalam segala hal. Belajarlah dengan rajin dan bijak.

BICARA IT

PENUBUHAN

AiTi

Kelolaan: Sahari Akim/Siti Aishah Haji Selamat

PERINTAH Pihak Berkuasa Industri Teknologi Maklumat dan Komunikasi Tahun 2001 merupakan instrumen rasmi bagi penubuhan Pihak Berkuasa Industri Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negara Brunei Darussalam (AiTi) sebagai badan berkanun yang mempunyai fungsi dan tanggungjawab tersebut di bawah:

Antaranya ialah untuk mengawal industri ICT tempatan, mengurus frekuensi spektrum nasional di samping menyediakan, meningkatkan, membantu pertumbuhan dan membangunkan industri ICT tempatan.

AiTi yang memulakan operasinya pada bulan Januari 2003 dihasratkan bagi memastikan perkhidmatan-perkhidmatan ICT dapat diakses secara sebaiknya selain dapat dibekalkan secara efisien dan ekonomik kepada semua rakyat di Negara Brunei Darussalam.

Pihak Berkuasa ini juga membantu ke arah mengembangluaskan dan membangun ekonomi tempatan dengan menjadikan industri ICT tempatan lebih bertenaga, inovatif dan berdaya saing serta mengelakkan penyertaan melalui syarikat-syarikat ICT tempatan di samping menyedia, meningkat dan membantu pertumbuhan serta pembangunan syarikat-syarikat industri ICT tempatan.

Sementara itu antara Misi AiTi termasuklah bagi memastikan bekalan perkhidmatan-perkhidmatan ICT itu meyakinkan, berpatutan dan akses kepada orang ramai, di samping membantu ke arah pembangunan ekonomi negara dengan menggalakkan daya saing dan menyuburkan syarikat-syarikat tempatan dalam sektor ini.

Selain dari itu ia juga mengawal rangka kerja ke arah meningkatkan keberkesanan, efisiensi dan akauntabiliti para penggiat dalam industri ini termasuk mewakili negara di peringkat antarabangsa bagi mempertajam lagi daya saing dan mengikuti perubahan-perubahan dan perkembangan industri ICT sejagat.

Juga termasuk dalam Misi AiTi ialah mewujudkan persekitaran yang kondusif ke arah penyertaan individu-individu dan semua sektor, di samping meningkatkan kemahiran dalam bidang industri ICT di negara ini.

Pada masa yang sama AiTi juga mempunyai visi ke arah menyediakan industri ICT di negara ini sentiasa dinamik, inovatif dan cergas sejajar dengan keperluan negara, di samping responsif kepada cabaran-cabaran era informasi.

Perlembagaan AiTi pula memperuntukkan seorang pengerusi dan tidak kurang dari tiga dan tidak lebih dari tujuh lagi ahli yang akan ditentukan oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan dari masa ke semasa.

AiTi mempunyai enam bidang utama dalam menenuhi fungsi dan tugas-tugas seperti yang terkandung dalam Part III Perintah 2001.

Di antaranya ialah penguatkuasaan lesen (Regime) dan peraturan rangka kerja; menyebarkan pembangunan ICT; membina keupayaan tenaga ICT; berperanan selaku penasihat bagi ICT; mengurangkan jurang digital; membekalkan akses secara menyeluruh dan menjadi wakil ke peringkat antarabangsa.

Untuk mendapatkan maklumat lebih luas mengenai AiTi, para pengguna boleh melayari www.aiti.gov.bn.

Maklumat lanjut mengenai AiTi akan disiarkan dalam BICARA IT pada terbitan minggu hadapan.

SURAT PEMBACA

PELITA BRUNEI mengalu-alukan surat awda dalam ruangan SURAT PEMBACA sama ada berupa masalah, kemusykilan, kemusykilan agama, pendapat atau pandangan mengenai sesuatu isu atau perkara. Surat awda hendaklah ditujukan kepada alamat berikut:

Ruangan Surat Pembaca,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama,
Berakas, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

Awda boleh juga mengirimmkannya melalui faks 2381004 atau e-mel: pelita@brunet.bn. Untuk keterangan lanjut sila hubungi Ketua Bahagian Akhbar melalui telefon 2383804 atau 2383941.

Dalam surat tersebut hendaklah dinyatakan nama penuh, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan alamat penuh. Walau bagaimanapun nama samaran boleh digunakan.

S i B u d i m a n

SALAPAS HARI RAYA ANI...
BALANJA ANAK SEKOLAH LAGI
MANYAMBU, ANU LAGI.....

NAH.... IA TAH.... LAIN KALI
UBAYA - UBAYA BARAYA ATU...
BIAR TAH.... BIJAK BABALANJA.



MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ...

Pelbagai kemudahan disediakan

DI NEGARA kita ini, selaku rakyat kita amatlah beruntung kerana Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengambil berat dan tidak pernah kendur-kendurnya memberikan peluang bagi mendapatkan pendidikan dan pembelajaran dari masa ke semasa sesuai dengan perkembangan dan pembangunan negara. Kemajuan yang kita capai juga seimbang dengan negara-negara yang lain. Walaupun negara kita sebuah negara yang kecil, namun dapatlah kita banggakan sebagai sebuah negara yang mempunyai pelbagai kemudahan dan keperluan yang begitu canggih, moden dan berteknologi tinggi dari masa ke semasa. Ini membawa negara ke arah peningkatan ekonomi dan kejayaan kemajuan negara.

Takut membaca hendaklah 'menjadi budaya orang-orang kita di masa kini, terutama dilakukan pada musim cuti persekolahan. Sikap seperti ini hendaklah dijadikan minat semata-mata untuk menimba, mencari ilmu pengetahuan dan sumber maklumat informasi serta bahan pembelajaran. Pembacaan harus disemai di kalangan remaja dan kanak-kanak yang ingin kan kejayaan dan kecermerlangan.

Negara kita juga mempunyai kemudahan membaca yang selesa di kutub-kutubhan yang ditempatkan di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) di ibu kota. Kutubkhanah juga sentiasa dibukakan untuk rakyat jelata setiap hari dan masa. DBP juga mempunyai kutubkhanah yang bergerak ke sekolah-sekolah secara bergilir-gilir. Di mana penuntut dan murid-murid sekolah berpeluang untuk merujuk bahan-bahan cerita dan pembacaan.

Ke arah ini DBP juga sering kali mengadakan Pertandingan Mari Ber-cerita dan Menulis Cerpen bagi penuntut dan murid-murid sekolah. Tujuannya adalah semata-mata demi untuk meluaskan lagi minda para pelajar.

Amalan suka membaca di kalangan semua lapisan rakyat juga memberikan laluan dan dorongan untuk menambahkan lagi ilmu pengetahuan

maklumat semasa.

Pembacaan melalui akhbar tempatan seperti PELITA BRUNEI, Media Permata, Borneo Bulletin, buku-buku bacaan dan sebagainya boleh mendapatkan maklumat terkini, bahan informasi mengenai hal-ehwal dalam dan luar negara.

Maka untuk memperluaskan dan menimba ilmu pengetahuan secara berkesinambungan maka sikap atau tabiat budaya membaca patutlah dijadikan amalan seharian dari masa ke semasa untuk mencapai kejayaan, kemajuan dan kecemerlangan setiap individu.

Dayang Hajah Sussielawati binti Haji Apandi,
No. 7, Simpang 162-7
RPN Kampong Mentiri,
Jalan Kota Batu,
BU 2129.
No. k/p : 00-278996

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA AKAN DATANG

1. 'Berusaha, Berdoa dan Bertawakal Untuk Mencapai Cita-cita'. Tarikh tutup 8 Disember 2004.

2. 'Mensyukuri Nikmat Allah Subhanahu Wataala'. Tarikh tutup 15 Disember 2004.

Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 300 hingga 500 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada :

**Sidang Penyunting,
Minda Pembaca,
Unit Pelita Brunei,
Jabatan Penerangan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.
emel: pelita@brunei.bn**

MINDA pembaca yang terpilih minggu ini daripada tajuk yang telah kami kemukakan iaitu 'Rajin Membaca Luas Pengetahuan'. Mereka akan menerima hadiah sebanyak \$40.00. Pendapat yang berjaya itu adalah seperti berikut:

Islam menganjurkan kita membaca

MEMBACA merupakan salah satu cara menuntut ilmu yang dituntut oleh ajaran Islam. Perintah Allah Subhanahu Wataala yang pertama turun kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ialah Surah Al-Alaq yang kisahnya pada masa itu, Baginda bertapa di Gua Hira, tiba-tiba ada Malaikat Jibril memeluk Baginda dengan sekuat-kuatnya seraya berkata "Iqra ya Rasul" sebanyak tiga kali rayuan itu berbunyi. Sedangkan Baginda langsung tidak tahu membaca. Lalu berkata lagi "Bacalah dengan nama Tuhanmu yang menciptakan". Sinopsis kisah ayat yang pertama turun ini ialah menekankan perintah pertama Allah yang wajib dilaksanakan iaitu membaca, ini kerana membaca merupakan asas untuk mencari kejayaan dan kecemerlangan hidup di dunia dan akhirat.

Semua orang menyedari bahawa salah satu asas untuk mencapai kejayaan, kecemerlangan dan kebahagiaan yang boleh menjamin masa depan manusia ialah dengan rajin atau banyak membaca. Bagaimanapun untuk mendapatkan tidak semudah seperti apa yang dikatakan. Untuk mendapatkan ilmu pengetahuan yang luas kita perlukan banyak membaca dan untuk mencari kecemerlangan memerlukan pengorbanan dari segi tenaga dan masa serta wang. Untuk mendapatkan buku kita perlukan kewangan untuk membeli bahan bacaan.

Memang benar bak kata pepatah 'kalau tak dipecahkan royong bagaimana hendak dapatkan sagunya' rajin membaca memang meluaskan pengetahuan melalui pelbagai segi dan bidang. Membaca juga merupakan iba-

dat, seperti mana membaca Al-Quran pada setiap bulan Ramadan secara berturut-turut setiap malam. Dari Abdullah bin Mas'ud beliau berkata, bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud: "Barang siapa membaca satu huruf dari kitabullah Al-Quran maka untuknya satu kebajikan dan satu kebajikan itu berbanding dengan 10 yang sepertinya. Saya tidak mengatakan alif lam mim itu satu huruf akan tetapi saya katakan alif itu satu, lam itu satu huruf dan mim itu satu huruf." (Riwayat At-Tirmizi).

Membaca seperti yang bertutur merupakan suatu proses yang amat kompleks. Membaca ditakrifkan sebagai memperoleh maklumat, pencarian maklumat dan pencarian kebenaran. Membaca mempunyai daya tarikan graviti yang sangat menarik dan unik sehingga dapat memajukan diri seseorang manusia itu serta akhirnya memartabatkan manusia dari melakukan kebatilan. Membaca boleh saja menjadikan manusia boleh berhubung dengan meluas kerana mempunyai banyak idea melalui apa yang telah dan pernah dibaca oleh si pembacanya.

Unsur atau jenis buku yang dibaca terpuang kepada peminatnya, tetapi ada pentingnya mencari jenis-jenis bahan bacaan yang perlu dibaca kerana jika tidak bertepatan dan bersesuaian dengan pemikiran si pembaca boleh membosankan kepada si pembaca. Ini mungkin disebabkan isi bahan bacaan yang tidak menarik membuatkan kepada si pembaca menjadi jemu atau bosan dan akhirnya tidak minat pada membaca.

Rajin membaca luas pengetahuan

MEMBACA merupakan suatu aktiviti yang membawa maksud membunyikan atau mengucapkan apa yang tertulis atau tercetak pada buku, manuskrip, teks, papan tanda dan sebagainya secara bersuara atau lisan ataupun secara senyap dengan tujuan untuk mendapatkan dan memahami apa jua jenis maklumat. Apabila membicarakan mengenai aktiviti membaca dalam fikiran kita secara langsung akan mengaitkannya dengan perolehan ilmu pengetahuan. Dengan erti kata lain membaca begitu sinonim dengan ilmu pengetahuan.

Selain mengaitkan aktiviti membaca melalui buku, terdapat banyak jenis bahan bacaan yang mempunyai fungsi atau tujuan yang sama iaitu

seperti majalah-majalah atau jurnal-jurnal yang menyentuh pelbagai bidang seperti sukan, perubatan, pendidikan, aka-demik, perniagaan, hiburan, akhbar-akhbar seperti PELITA BRUNEI, Media Permata, novel (cereka) antologi cerpen dan ter-kini menerusi laman-laman web.

Bahan-bahan bacaan seperti yang dinyatakan di atas dapatlah diibaratkan seperti 'guru'. Maksudnya ia dapat mendidik para pembaca dengan ilmu dengan syarat pembaca itu sendiri rajin. Namun, membaca buku hanya setakat rajin dan tahu membunyikan huruf-huruf atau mahir menyambungkan ayat demi ayat, tambahan dewasa ini masalah buta huruf bukanlah lagi menjadi isu utama generasi sekarang. Membaca apa jua jenis bahan bacaan memerlukan kefahaman dan kesesuaian peringkat umur. Dari itu, kepekaan ibu bapa dalam menggalakkan aktiviti membaca untuk dibudayakan oleh anak-anak mereka amatlah mustahak.

Semakin kita rajin membaca, maka semakin luaslah pengetahuan kita. Hal ini adalah kerana dengan membaca kita dapat mengetahui maklumat-maklumat yang belum pernah kita ketahui sebelum ini. Misalnya, mengenai sejarah sesuatu bangsa atau negara. Dengan membaca informasi atau maklumat yang terkandung dalam sebuah buku atau catatan sudah setentunya akan meluaskan pengetahuan kita.

Selain itu dengan membaca juga kita boleh belajar dan mendapat tunjuk cara mengenai sesuatu perkara. Misalnya, kita boleh mengetahui tunjuk ajar sesuatu proses pembuatan (seperti masakan, kraf tangan, pertukangan) secara teratur kerana maklumat atau tunjuk cara yang tertulis dalam buku biasanya sudah dibuktikan.

Individu yang rajin membaca banyak kelebihan. Membaca bukan sahaja dapat meluaskan pe-

netahuan tetapi juga secara tidak langsung dapat memperkayakan penguasaan kosa kata atau perbendaharaan kata. Selain itu, rajin membaca juga dapat membantu individu untuk menggunakan bahasa lisan, juga tulisan dengan penggunaan tata bahasa yang betul. Misalnya, PELITA BRUNEI sebagai lidah rasmi kerajaan amat menitikberatkan tatabahasa bahasa Melayu Standard yang betul. Jadi, individu yang rajin membacanya akan beroleh manfaat daripadanya.

Ungkapan 'rajin membaca, luas pengetahuan' tidaklah diragui kebenarannya. Namun, malangnya bagi masyarakat kita, budaya membaca masih lagi berada di tahap yang kurang memuaskan. Sebaliknya masyarakat kita khususnya golongan remaja lebih menggemari pembinaan minda. Dalam usaha menjadikan aktiviti membaca itu suatu budaya, sebagai rakyat negara ini, kita sewajarnya menghargai dan menggunakan sepenuhnya kemudahan yang telah disediakan oleh pihak kerajaan iaitu dengan tertubuh dan wujudnya Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka yang menyediakan peminjaman buku secara percuma.

Aktiviti membaca boleh berlaku di mana-mana. Membaca dapat menjadikan individu itu kaya ilmu 'up-to date', meningkatkan daya berfikir dan estim diri, berani menghadapi masyarakatnya, tegas dan berkeyakinan kerana berpengetahuan. Namun apa yang lebih penting sebagai pembaca Muslim dan bertatasusila kita mesti memilih dan memastikan bahan bacaan yang terpilih itu adalah sesuatu yang positif dan tidak bercanggah dengan agama dan budaya bangsa.

Mohd. Hussaini bin Mat Yassin,
No. 44, D Jambatan 6-11, Jati 4, Kampong Bolkih A, BK 1125.
No. k/p: 00-275455

Mohammad Zafreen bin Mohd. Said,
No. 18 'B', Kampong Sungai Kebun, BK 2325.
No. k/p: 00-294174

REMAJA

SAMPAI BILA?

INILAH persoalan yang berlingar di kepala saya, sewaktu semua orang sibuk di saat-saat membuat persiapan menjalani ibadat di bulan Ramadan dan bersiap menyambut kedatangan bulan Syawal yang lalu. Ada dua perkara pada pendapat saya agak signifikan untuk dinilai dan fikirkan bersama. Rasanya semua kita dapat merasakan, pengisian kerja-kerja kemahiran terlalu banyak diisikan oleh orang luar. Dari bekerja membuat pakaian, cuci kereta, mengunting rambut dan kini trend baru memotong rumput juga menjadi pasaran yang semakin mengaut keuntungan. Sementara di sudut teknikal meskipun masih ketara banyak orang luar yang melakukannya, namun bilangan anak tempatan kini semakin dapat kita saksikan bersama.

Persoalan ini saya bawa kerana terlalu banyak peluang mudah mencari rezeki dimonopoli oleh orang luar sedangkan anak tempatan jika berusaha dengan memiliki kemahiran yang berharga ini sudah tentu akan dapat meraih keuntungan yang sama. Dalam kemelut mencari pekerjaan yang sedang kita lalui, peluang seperti ini amat jelas, dapat dijadikan sebagai wadah untuk membina sebuah masyarakat yang gigih berusaha. Sebenarnya kita tidak ketanduan tenaga kerja, cuma bagaimana cara kita untuk membawa anak tempatan kita ke dalam persaingan sederhana, patut difikirkan bersama. Dengan cuma berbekalkan modal yang sederhana ditambah dengan kemahiran di bidang-bidang tersebut sudah cukup untuk membolehkan seseorang individu itu menjadi sebahagian dari pengusaha sedemikian. Melalui Pusat Kemahiran Belia (PKB) yang disediakan oleh pihak kerajaan melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, generasi belia akan dapat memperoleh pelbagai kemahiran termasuklah kemahiran jahit-menjahit, mengunting rambut dan kemahiran-kemahiran lain.

Jelasnya, kursus yang ditawarkan oleh PKB dapat dijadikan sebagai alat bantu untuk bergerak aktif dalam bidang-bidang perusahaan kecil. Malahan di bidang teknikal melalui maktab teknik, institut teknologi dan sebagainya tidak kurang pentingnya dalam menyediakan kemahiran individu yang sangat berharga. Persoalan yang timbul mungkin sejauh mana mereka berani menceburi diri ke dalam bidang ini. Adakah mereka mampu bersaing dalam arus keinginan dan tumbuhnya perusahaan kecil-kecilan bagaikan cendawan ini. Perbualan saya bersama beberapa orang remaja yang bertugas di sektor rawatan kereta, memperkuat keyakinan saya bahawa orang kita mampu bersaing. Namun bagaimana memulakannya ia perlu kepada dorongan dan

OLEH H. A. MANAP

rangsaan yang tegas.

Beberapa orang remaja yang berkhidmat di bahagian bengkel rawatan kereta di sektor swasta menyatakan mereka mempunyai cita-cita untuk memiliki perusahaan sedemikian. Di peringkat ini mereka berkhidmat untuk menimba pengalaman dan mengumpul modal bagi merealisasikan impian mereka. Sementara terdapat sebilangan kecil yang sedang mengusahakan kerja mencuci kereta yang memperoleh pendapatan yang begitu baik dalam sehari. Sebenarnya usaha mereka ini merupakan permulaan ke arah yang lebih besar dan mencabar. Justeru perasaan ingin berusaha gigih, meningkatkan kemahiran diri dan meningkatkan kekuatan modal menjadi matlamat ke arah kejayaan mereka. Perasaan malu dan malas berusaha ternyata mereka kikis dan lenyapkan dari diri mereka, dan ini mereka jadikan sebagai pemangkin menggerakkan minat. Kesannya mereka dapat mengisikan waktu lapang yang ada dari terus menjadi ahli penganggur dan pelepak. Banyak yang didengar kalau mahu jadi orang yang berjaya kita perlu bermula dari perkara yang kecil dan kemudiannya dikembangkan secara skala yang besar.

Sekarang ini adalah masa yang amat bertepatan bagi semua belia yang masih mencari pekerjaan mengorak langkah bagi sama-sama berada di dalam persaingan ini. Jangan

tanya bila kita mahu memulakannya. Jalan dan kemudahan sudah terbentang luas, cuma kita perlu berani dan pandai memanfaatkan peluang tersebut. Seperti mana orang luar boleh melakukan kerja-kerja menjahit pakaian, mengunting rambut, mencuci kereta dan menjual kuih-muih, seperti itu jugalah kita boleh melakukannya. Kita ambil semua ini kerana ia merupakan bidang yang kita yakin akan sentiasa mendapat perhatian pengguna. Maknanya pasaran sentiasa ada dan kita harus bijak dalam menawarkan perkhidmatan agar dapat diterima. Gunakan kesempatan ini dengan menawarkan sesuatu yang berlainan dan menawarkan kualiti kerja yang baik, insya-Allah akan dapat mewujudkan pasaran yang disukai ramai.

Janganlah lagi kita menunggu dengan lebih lama, supaya peluang yang ada tidak terlepas begitu sahaja. Gunakanlah agar ia dapat dijadikan sebagai pemangkin untuk memulakan sesuatu yang besar untuk dicapai. Memulakannya biarlah secara berpasukan, agar modal terkumpul akan mampu bertahan lama dan kerja-kerja serta kemahiran dilakukan dengan sempurna. Kita fikirkanlah secara mendalam dan janganlah kita asyik dengan kepompong kemelut, mencari pekerjaan, kerana segalanya tidak akan dapat kita capai melainkan kita yang berusaha melakukannya.

Kem. Pendidikan sambut Hari Raya Aidilfitri

BERAKAS, 21 November. - Kemeriahan Hari Raya Aidilfitri masih hangat dirasakan dan diraikan oleh umat Islam di negara ini. Ia merupakan hadiah yang sangat berharga yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wataala kepada hamba-Nya.

Sambutan seumpamanya telah dianjurkan dalam pelbagai peringkat termasuk peringkat kampung, mukim, daerah dan jabatan serta Kementerian dengan tujuan untuk sama-sama memohon ke-maafan serta mengeratkan hubungan silaturrahim yang sedia ada di kalangan anak buah, pegawai dan kakitangan dengan tidak mengira bangsa.

Kementerian Pendidikan hari ini menganjurkan Majlis Ramah Mesra Aidilfitri bagi jabatan-jabatan di bawahnya, pegawai dan kakitangan serta keluarga mereka yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz menjadi tetamu kehormat dan juga menyempurnakan penyampaian 10 hadiah istimewa kepada mereka yang bertuah dalam cabutan nombor berhadiah di majlis itu.

Oleh Haji Ahmad HS

Majlis bermula dengan ucapan alu-aluan oleh Pengarah Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Abdul Salam yang antara lain menyatakan bahawa Majlis Ramah Mesra Aidilfitri adalah salah satu daripada kegiatan-kegiatan tahunan yang diadakan oleh Kementerian Pendidikan sepanjang tahun.

Katanya, majlis sambutan ini adalah bertujuan bagi menyemarakkan Hari Kebesaran Islam, di samping menjalin dan mengeratkan lagi hubungan silaturrahim dan kekeluargaan di kalangan pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Pendidikan yang mempunyai jumlah keanggotaan yang terbesar dibandingkan kementerian-kementerian lain.

Bagi memeriahkan majlis, beberapa persembahan nyanyian telah disampaikan oleh pegawai dan kakitangan Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan selaku tuan rumah bagi Majlis Ramah Mesra Aidilfitri tahun ini.



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz, tetamu kehormat di Majlis Ramah Mesra Aidilfitri dan juga diselenggarakan dengan penyampaian 10 hadiah istimewa.

PELITA BRUNEI akhbar rasmi kerajaan, diberikan percuma kepada rakyat; rajin membaca luas pengetahuan. Alai jawablah soalan tercatat.

SYARAT PERADUAN

1. Jika alai berumur 15 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.
2. Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.
3. Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

HADIAH-HADIAH MENARIK

1. Alai yang berjaya diberikan hadiah untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai di antara alai yang berjaya menjawab dengan tepat.

TARIKH TUTUP

Hantarkan borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini.

ALAI DIALU-ALUKAN MENGGUNAKAN PERPUSTAKAAN RUJUKAN, JABATAN PENERANGAN

Jawapan soalan Alai Pintar keluaran 17 November 2004

Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff bin Haji Ismail, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama.

ALAI PINTAR

BORANG JAWAPAN ALAI PINTAR 647

Nama :
 Umur :
 Alamat :
 Telefon rumah (jika ada) :
 Sekolah :
 Hantarkan borang jawapan alai :

Kepada,
 Ruangan Alai Pintar, 647,
 PELITA BRUNEI,
 Jabatan Penerangan,
 Jabatan Perdana Menteri,
 Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510,
 Negara Brunei Darussalam.

SOALAN ALAI PINTAR

Sila berikan nama penuh gambar di atas?

Apakah jawatan yang dipegangnya dalam kerajaan sekarang?

Pemenang-pemenang soalan Alai Pintar keluaran 17 November 2004

Mona'allah binti Mohd. Zin,
 Sekolah Rendah Labu Estate, Temburong.
 Umur : 10 tahun

Zahidah binti Haji Gapor,
 Sekolah Rendah Puni, Temburong.
 Umur : 12 tahun

Mohammad Afnan bin Haji Gapor,
 Sekolah Menengah Sultan Hassan,
 Bangar.
 Umur : 14 tahun

BICTA galak inovasi dan kreativiti ICT tempatan

JERUDONG, 26 Novem-
ber. - Duli Yang Teramat
Mulia Paduka Seri
Pengiran Muda Mahkota
Pengiran Muda Haji Al-
Muhtadee Billah, Tim-
balan Sultan hari ini
berkenan berangkat me-
nyempurnakan pengun-
niaan hadiah kepada
pemenang-pemenang
Anugerah Teknologi Info-
Komunikasi Brunei
Darussalam 2004 (BICTA
2004) yang berlangsung
di Royal Berkshire, Jeru-
dong Polo Club di sini.

Keberangkatan tiba
Duli Yang Teramat Mulia
dijunjung oleh Menteri
Perhubungan, Yang Ber-
hormat Pehin Orang Kaya
Amar Pahlawan Dato Seri
Setia Haji Awang Zakaria
dan Ahli-ahli Jawatanku-
asa Tertinggi BICTA
2004.

Berangkat sama Yang
Teramat Mulia Paduka
Seri Duli Pengiran Muda
'Abdul Malik.

Majlis dimulakan de-
ngan sembah alu-aluan
oleh Setiausaha Tetap
Kementerian Perhubung-
an, Yang Dimuliakan
Pehin Orang Kaya Ham-
zah Pahlawan Dato Pa-
duka Haji Awang Abdul-
lah yang juga selaku
Pengerusi Jawatankuasa
Tertinggi BICTA 2004.

Dalam sembah alu-
aluannya, Yang Dimu-
liakan menyatakan BIC-
TA dihasratkan menjadi
pelantar untuk meng-
galakkan inovasi dan
kreativiti di kalangan
orang perseorangan, sya-
rikat-syarikat ICT tem-
patan, institusi pen-
didikan dan orang ramai
serta seterusnya menon-
jolkan produk masing-
masing.

Sebanyak 12 kategori
dipertandingkan yang
meliputi empat kategori
utama dicalonkan iaitu
kategori kerajaan, indus-
tri, pendidikan dan peng-
guna.

Bagi Kategori Pen-
didikan dan Latihan,
dimenangi oleh CFBT
Education Services (B)
Sendirian Berhad dengan
projek 'College English';
Kategori E-Kerajaan dan
Perkhidmatan dimenangi
oleh Teleconsult Sendi-
ran Berhad dengan pro-
jeknya 'e-Plato'; Kategori
Aplikasi-aplikasi Perin-
dustrian dimenangi oleh
Maktab Teknik Sultan
Saiful Rijal (MTSSR)
dengan projeknya bertajuk
'Computer Controlled
High Voltage Interface';
sementara aplikasi e-
dagang dimenangi oleh
'The Rumbian Nation'
dengan projeknya 'One-
Brunei.com'.

John Harith Computer

Oleh Siti Aishah HS
Gambar-gambar oleh Harun HR

pula memenangi Kategori
Aplikasi Bisnes, e-Suria
Mentari System sendiri-
an Berhad menangi Kategori
Penyelidikan dan Per-
kembangan, manakala
Kategori Aplikasi Media
dan Hiburan dimenangi
oleh CFBT Education
System (A) Sendirian
Berhad dengan projeknya
'English In The Early
Years'.

Manakala projek
Kategori Penuntut juga
mendapat anugerah yang
sama iaitu bagi projek
pengajian tinggi dimena-
ngi oleh MTSSR dengan
projeknya 'Web Calcula-
tor and Figure Genera-
tor', bagi Kategori
Sekolah Menengah dime-
nangi oleh Sekolah Me-
nengah Chung Hwa de-
ngan projeknya bertajuk
'The Twins' dan Sekolah
Rendah Kiarong pula
memenangi Kategori
Sekolah Rendah dengan
projeknya bertajuk 'IRC
English'.

Pemenang dari setiap
kategori akan menerima
hadiah wang tunai
\$1,000.00; piala berserta
plak dan para pemenang
juga akan mewakili
Negara Brunei Darus-
salam ke Pertandingan
Anugerah Teknologi Info-
komunikasi Asia-Pasifik
(APICTA 2004) yang
akan diadakan di Hong
Kong pada 8 hingga 10
Disember 2004.

BICTA 2004 adalah
anuran Kementerian Per-
hubungan dan didukung
bersama oleh Pihak Ber-
kuasa Industri Teknologi
Info-Komunikasi Negara
Brunei Darussalam
(AiTi); Sekretariat Majlis

Teknologi Maklumat Ke-
bangsaan (BIT Secre-
tariat) dan Persatuan
Komputer Brunei Darus-
salam (PKBD).

Di majlis itu, Duli
Yang Teramat Mulia Pa-
duka Seri Pengiran Muda
Mahkota Pengiran Muda
Haji Al-Muhtadee Billah,
Timbalan Sultan juga ber-
kenan menerima pesam-
bah oleh Ahli Jawatanku-
asa Tertinggi BICTA
2004.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Timbalan Sultan ketika berkenan berangkat ke Majlis Makan Malam Anugerah BICTA 2004.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Timbalan Sultan berkenan menyempurnakan pengun-
niaan hadiah kepada pemenang-pemenang Anugerah Teknologi Info-Komunikasi Brunei Darussalam 2004 (BICTA 2004).



KEBERANGKATAN tiba Duli Yang Teramat Mulia dijunjung oleh Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria dan Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi BICTA 2004.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Timbalan Sultan ketika berkenan berangkat ke Majlis Makan Malam Anugerah BICTA 2004 yang berlangsung di Royal Berkshire, Jerudong Polo Club. Berangkat sama, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik.



SEBAHAGIAN daripada jemputan khas yang menghadiri Majlis Makan Malam Anugerah BICTA 2004.

Pameran BICTA dedah pembaharuan dalam ICT

BERAKAS, 25 November.

- Dalam menyediakan landasan pembaharuan dalam sektor Info-Komunikasi Teknologi (ICT) di rantau ini, selain merangsang pertumbuhan ekonomi dan perhubungan perdagangan, pemindahan teknologi, peluang persaingan perniagaan, pendedahan kepada teroka pemodal atau pelabur dan juga untuk meningkatkan kesedaran masyarakat dengan kerjasama serantau, Negara Brunei Darussalam telah melangkah ke arah itu dengan mengadakan Pameran Besar-besaran BICTA 2004 bertempat di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanah Bolikiah di sini.

Majlis pelancaran pameran berkenaan disempurnakan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar selaku Pemangku Menteri Perhubungan.

Anugerah Teknologi Info-Komunikasi Brunei atau BICTA merupakan satu-satunya inisiatif pertama yang pernah diadakan di Negara Brunei Darussalam dan akan dijadikan sebagai projek tahunan di negara ini.

Menurut Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Abdullah yang juga selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi BICTA me-

Oleh
Siti Aishah HS

nyatakan BICTA berfungsi sebagai pelantar di mana syarikat-syarikat ICT tempatan terus berusaha mempromosikan mutu produk mereka menerusi persaingan dengan negara yang sudah maju dalam industri ICT.

Yang Dimuliakan, juga menjelaskan bahawa pemegang-pemegang BICTA akan berpeluang untuk mewakili negara, di samping mengharumkan nama Negara Brunei Darussalam di peringkat antarabangsa melalui Anugerah Asia-Pasifik ICT (APICTA), yang akan mendapat penghargaan atau pengakuan atas kreativiti mereka dan menjadi batu loncatan

untuk menembusi pasaran luar negara.

"Gejala sosial keruntuhan akhlak yang melibatkan remaja sering kali dikaitkan dengan kurangnya didikan agama, di samping kurangnya perhatian dari ibu bapa, pengaruh rakan sebaya dan unsur-unsur negatif daripada bahan-bahan cetak dan media elektronik serta internet," jelas beliau.

Untuk itu, guna mendidik anak-anak agar terhindar dari pelbagai unsur negatif yang boleh melemahkan dan merosakkan, para ibu diseru agar mengetahui dan memahami hak-hak wanita menurut syariat Islam serta mengukuhkan pengetahuan fikah dan pengetahuan menyeluruh mengenai syariat Islam.

Seminar tersebut merupakan salah satu langkah

Pusat Da'wah Islamiyah bagi mencapai hasratnya melaksanakan penyebaran dakwah Islamiyah di negara ini, selain bertanggungjawab memberi bimbingan dan pemahaman yang betul akan kedudukan dan tanggungjawab serta hak-hak wanita sama ada sebagai seorang wanita di tengah-tengah masyarakat atau di tengah-tengah keluarganya.

Antara objektif seminar dua hari itu diadakan adalah untuk memandu kaum wanita agar menjadi seorang isteri yang lebih bertanggungjawab ke atas seluruh ahli keluarganya dan faham peranan serta fungsinya menurut hukum-hukum Islam yang sebenar.

Hadir di majlis itu ialah para pegawai, kakitangan kerajaan dan swasta serta orang perseorangan.



SEBAHAGIAN para pegawai kanan yang menghadiri Pameran Besar-besaran BICTA 2004 bertempat di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanah Bolikiah. - Gambar oleh Harun HR.

Peranan, hak-hak wanita sangat diperbincangkan

PULAU, 24 November.

- Peranan dan hak-hak wanita merupakan dua isu yang amat dititikberatkan dan sangat diperbincangkan oleh persatuan-persatuan dan organisasi antarabangsa seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) iaitu melalui Rancangan Perkembangan Bangsa-Bangsa Bersatu. Hasil dari persidangan yang diadakan pada September 2000, PBB telah mengemukakan beberapa sasaran yang dikenali sebagai 'Millennium Development Goals' yang dihasratkan akan dapat dicapai menjelang tahun 2015.

Oleh
Siti Aishah HS

Sementara peranan wanita dari segi sumbangan mereka kepada pendidikan, sosioekonomi dan pembangunan masyarakat serta ketetapan hak-hak wanita merupakan sebahagian dari isu yang diberikan perhatian serius terutama bagi negara-negara yang sedang membangun di mana isu diskriminasi antara jantina masih amat ketara.

Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Pendidikan, Pengiran Datin Paduka Hajah Mariam berucap demikian di Majlis Pembukaan Rasmi Seminar Wanita Hari Ini yang berlangsung di Pusat Da'wah Islamiyah di sini.

Walau bagaimanapun di negara ini beliau bersyukur dari segi pendidikan. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam memberi keutamaan tinggi kepada perkembangan sumber tenaga manusia dengan memberi peluang yang sama bagi kaum lelaki dan wanita serta memberi pe-

nekanan mengenai pentingnya pendidikan dan latihan sebagai suatu kemestian bagi masa depan negara.

Justeru itu, tidak dinafikan bahawa kaum wanita mempunyai peranan yang penting dalam kehidupan bermasyarakat dan pembangunan negara, bertanggungjawab sebagai isteri, ibu malak kebolehan wanita merancang dan mengurus masa merupakan kunci kejayaan dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai suri rumah tangga, sekali gus seorang profesional atau pekerja yang berjaya.

Sehubungan dengan itu, beliau menyarankan agar para ibu perlu berusaha mempromosikan ilmu pengetahuan agar sentiasa peka dengan perkembangan semasa dalam kehidupan harian dengan mengimangi dan memahami pergolakan serta kerena-anak-anak terutama yang muda remaja.

Majlis juga diselenggarakan dengan penyampaian hadiah kepada para pemenang Peraduan Mencipta Logo dan Slogan Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Pemenang bagi mencipta logo dimenangi oleh Awang Azlan bin Ahmad

yang menerima hadiah wang tunai \$1,500.00; sementara Awang Adi Iskandar bin Haji Abu Bakar pula memenangi hadiah wang tunai \$750.00, selaku pemenang mencipta slogan, yang berbunyi "Langkah Ke Hadapan".

Pameran selama empat hari yang bermula pada 25 hingga 28 November ini diadakan bagi memberi peluang kepada para peserta pameran untuk memamerkan produk-produk masing-masing sebagai proses pendedahan bukan saja kepada orang ramai bahkan juga kepada syarikat-syarikat tertentu yang boleh membantu mengkomersilkan produk dan seterusnya memasarkan produk mereka dalam dan luar negeri.

BICTA 2004 secara rasminya dilancarkan oleh Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria pada 30 Jun yang lalu. BICTA juga merupakan salah satu komponen daripada Anugerah Teknologi Infokomunikasi Asia-Pasifik (APICTA), yang antara lain visinya adalah untuk meluaskan pengaruh industri di Asia Pasifik.



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar yang juga Pemangku Menteri Perhubungan hadir selaku tetamu kehormat di Pameran Besar-besaran BICTA 2004. - Gambar oleh Harun HR.

Timbalan Menteri Kesihatan Republik Rakyat China adakan lawatan

Oleh
Haji Ahmad HS

dengan disusuli dengan Rancangan Tindakan (Plan of Action) pada tahun 2002.

Sepanjang lawatan kedua-dua pihak akan membincangkan Rancangan Tindakan untuk diperbaharui, di samping mengemban skop perubatan tradisi Cina dan sebagainya.

Di samping itu lawatan tersebut juga memberikan peluang kepada kedua-dua negara untuk bertukar pengalaman mengenai sistem penjagaan kesihatan dan bidang yang berkaitan sambil mengadakan lawatan ke beberapa buah hospital dan pusat kesihatan yang terdapat di negara ini.

Yang Berhormat dan rombongan telah melakukan lawatan rasmi ke Kementerian Kesihatan Republik Rakyat China pada 18 sehingga 21 September lalu yang mana di selenggarakan dengan menghadiri Mesyuarat Pertubuhan Kesihatan Sedunia Rantau Pasifik Barat Ke-55 di Shanghai yang berlangsung pada 13 hingga 17 September tahun ini.

Dalam lawatan itu, Yang Berhormat telah mengadakan siri rundingan

dua hala bersama Menteri Kesihatan Eksekutif, Kementerian Kesihatan Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Gao Qiang yang mana kedua-dua Menteri Kesihatan melahirkan rasa puas hati dan penghargaan mengenai hubungan kerjasama dua hala yang erat yang telah terjalin sejak penandatanganan Memorandum Persefahaman pada tahun 1996 dan disusuli dengan penandatanganan Rancangan Tindakan yang tersebut di atas.

Sejak penandatanganan itu beberapa aktiviti telah dilaksanakan yang mana telah memberikan kemanfaatan kepada kedua-dua buah negara. Kedua-dua Menteri Kesihatan juga mengambil maklum bahawa Negara Brunei Darussalam dan Republik Rakyat China juga menjalin hubungan kerjasama di bidang kesihatan melalui hubungan kerjasama serantau dan pelbagai hala.

Antara tujuan Yang Berhormat mengadakan lawatan ialah untuk mengeratkan hubungan kerjasama dua hala yang telah sedia wujud di antara kedua-dua buah negara dan seterusnya membincangkan pelaksanaan bidang kerjasama yang telah dipersejuti dalam Rancangan Tindakan yang telah ditandatangani oleh kedua-dua negara pada tahun 2002.



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar ketika menerima kunjungan muhibah Timbalan Menteri Kesihatan Republik rakyat China, Tuan Yang Terutama Zhang Fenglou di Kementerian Kesihatan. - Gambar oleh Abdullah HAD.



TIMBALAN Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Pengiran Datin Paduka Hajah Mariam ketika berucap di Majlis Pembukaan Rasmi Seminar Wanita Hari Ini. - Gambar oleh Pg. Haji Bahar PHO.

'SEDIKIT-SEDIKIT lama-lama menjadi bukit'. - Pepatah Melayu.

BAGAIMANA CARA MEMBUAT SURAT JUALAN YANG BAIK DAN LEBIH BERKESAN

Setelah awda mempunyai BUKU PANDUAN awda sendiri, kini tiba pula masanya mempelajari cara untuk membuat surat jualan. Ada yang menyebutnya atau memanggilnya BROSR atau KATALOG. Bahagian ini agak kritikal dan mencabar. Walau macam manapun, saya akan membimbing awda bagaimana MEMUDAH-KANNYA. Yang paling penting ialah bagaimana cara untuk MENJUAL BUKU PANDUAN awda itu dengan lebih BERKESAN dan MUDAH, tetapi hanya dengan MENGGUNAKAN KOS YANG LEBIH MINIMA atau PALING SEDIKIT (MURAH) tetapi SANGAT MENGUNTUNGKAN!

Menurut Mohd. Hamidan, faktor penting yang MESTI awda PATUHI ialah:

1. JADILAH SEORANG PELANGGAN: Ini adalah aspek terpenting tentang surat jualan yang baik, tetapi ia sering dilupakan. Bayangkan diri awda adalah sebagai seorang pembaca kepada surat yang awda tulis itu. Tulisan apakah yang pelanggan mahu tahu - bukan hanya sesuatu yang yang awda mahu katakan. Untuk jimatkan kos, awda boleh gunakan satu muka surat saiz A4, penuh dengan apa mereka (pembaca) mahu tahu, BUKAN apa yang awda mahu!

2. JADIKAN SURAT AWDA KELIHATAN TERSUSUN DAN PROFESIONAL: Surat jualan juga seperti kertas ujian sekolah. Ia perlukan keterangan pengenalan, isi dan kesimpulannya. Di dalam bahagian pengenalan diri atau syarikat awda, beritahu mereka mengapa awda telah menghantar surat tersebut. Isi surat awda adalah senjata utama yang menerangkan mengapa awda mahu menawarkan produk kepada mereka dan kesimpulannya ialah dengan menerangkan atau menyentuh kesemua sekali perkara penting secara ringkas dan minta supaya pembaca merebut peluang kepada tawaran awda tersebut.

3. JADIKANNYA MUDAH UNTUK DIBACA DAN DIFAHAMI: Banyak surat jualan hanya dibuang begitu sahaja oleh penerima dan tidak dibaca kerana ianya ditulis dengan terlalu berbelit-belit dan 'kompliked'. Jangan membiarkan perkara ini berlaku kepada surat jualan awda. Gunakan petun-

SIRI MINDA KREATIF

juk di bawah ini:

3.1 Tulis dengan bahasa biasa yang mudah. Sebagaimana awda biasa bercakap, dengan gaya bunyi biasa. Bahasa dan gaya rasmi tidak perlu untuk menulis surat jualan.

3.2 Gunakan ayat-ayat pendek.

3.3 Buat perenggan yang pendek-pendek sahaja. Kebanyakan orang suka berehat, jika dirasakan tidak selesa dengan ayat dan perkataan yang digunakan tuliskannya semula.

3.4 Semak dan sentiasa menyemak surat jualan awda baik dari segi bahasanya, perkataannya ataupun dari segi ejaannya.

4. TARIK PERHATIAN PEMBACA: Tajuk utama merupakan 'impresi pertama' (First Impression). Awda boleh gunakan beberapa perkataan atau beberapa baris. Sebagai contoh, jika saya menjual buku panduan mengenai mencari wang dengan mesin jahit, saya akan buat tajuk surat jualan saya seperti ini: "RAHSIA MEMPEROLEHI B\$400 SEHARI DENGAN MESIN JAHIT DIRUMAH". Jika tajuknya nampak HEBAT, pasti menarik pembaca untuk terus membaca semua isinya.

5. JADIKAN PEMBACA AWDA BERMINTA: Libatkan pembaca dengan isi surat yang menarik, ceritakan secara ringkas mengenai kelebihan, keistimewaan, keuntungan yang diperolehi, jika mereka memiliki produk awda itu. Dengan itu pembaca akan terus membaca sambil memikirkan berkali-kali faedah yang akan diperolehinya jika mereka membeli produk awda. Berikan jaminan kepuasan atau jaminan wang akan dikembalikan jika mereka

'MEMBUAT STRATEGI DAN PELAN PEMASARAN': MURAH, MUDAH TAPI BERKESAN

makan, di meja belajar, di depan komputer, sambil menonton tv. Bukan ... MLM, Bukan Skim Cepat Kaya, Bukan Piramid, Bukan Surat Berantai! Sungguh Praktikal! Mudah. Tiada Risiko! HALAL & TIDAK MENYALAHKAN UNDANG-UNDANG. Yang PERTAMA DI BRUNEI! Awda BOSS! Miliki PERNIAGAAN SENDIRI! Awda diJAMIN boleh BERJAYA (BEBAS MASA & WANG). Sesuai untuk VVIP, VIP, pekerja, pesara, penganggur, graduan, mahasiswa-i, orang rajin & orang malas! Berminat? (Untuk keterangan lanjut sila hubungi penulis:

Peti Surat 690,
Pusat Memproses Mel dan Bungkus (MPC),
Berakas BB 3577.

tidak berjaya atau berminta selepas mencuba produk awda.

6. SURUH PEMBACA BERTINDAK DENGAN SEGERA: Nyatakan sebagai tawaran awda adalah TERHAD dan sebagainya. Ia adalah satu kaedah pemasaran, perkataan JUALAN MURAH, TERHAD, SEMENTARA STOK MASIH ADA dan lain-lain.

(Catatan: INI ADALAH SURAT JUALAN ASLI DARI PENULIS. AWDA BOLEH BERHUBUNG TERUS MENGGUNAKAN MAKLUMAT INI BILA-BILA MASA)

CONTOH SURAT JUALAN/KATALOG/BROSR SATU MUKA SURAT (Lihat rajah 1)

Jika awda memesan PROGRAM UNIK ini dalam masa 15 hari setelah mengetahui maklumat ini # Tawaran Harga B\$50 adalah Terhad! Harga biasa B\$99

PELUANG TERHEBAT MEREALISASIKAN IMPIAN WANG AWDA!!!

Miliki segera MANUAL RAHSIA "HOME BASED BUSINESS". Boleh dilakukan di meja

PELUANG MEMULAKAN BISNESS POS AWDA DENGAN MUDAH DAN CEPAT MELALUI PAKEJ KHAS: RAHSIA SEBENAR MEMPEROLEHI PENDAPATAN LUMAYAN DARI RUMAH (Lihat rajah 2).

BERTINDAK SEGERA!

REBUTLAH PELUANG KEEMASAN YANG PALING HEBAT!

Dapatkan SEGERA panduan HEBAT untuk

RAJAH 2



AWDA boleh menjualnya secara berasingan di mana setiap satunya boleh dijual dengan harga B\$20 atau awda boleh juga menjualnya secara pakej dengan menawarkan kesemua panduan dengan harga B\$200. Jika awda boleh menjual 200 naskhah sahaja sebulan bagi satu panduan yang berharga B\$20 maka pendapatan awda adalah sebanyak B\$4,000 SEBULAN! Modal awda hanya beberapa ringgit sahaja untuk mencetaknya (fotocopy). Bayangkan jika awda menjual sebanyak 50 set pakej 10 buah panduan sekali gus yang berharga B\$200. Pendapatan awda adalah sebanyak B\$10,000 SEBULAN!!! RAMAI YANG SUDAH BERJAYA!!!

Cetusan minda Ummy Salmah

mencari wang dengan harga yang paling minimum sekarang. Dan awda akan diberikan HAK UNTUK MENCETAK & MENJUAL SEMULA tanpa perlu membayar apa-apa bayaran royalti dan lesen kepada kami. Setiap satu berharga B\$20 tetapi awda hanya ditawarkan harga yang terendah sekarang. Awda boleh memiliki kesemua 10 buah panduan KEWANGAN yang ditulis dalam Bahasa Melayu. Ia mudah dibaca dan difahami. Awda tidak perlu pening kepala lagi untuk mencari dan menulis produk awda sendiri.

Bukan sahaja awda akan mendapat idea-idea mencari wang yang lebih mudah, tetapi awda boleh menjualnya semula dan memperolehi keuntungan hingga 1,000 peratus. Setiap panduan bernilai beribu-ribu ringgit apabila dilaksanakan idea-idea dan panduan yang diberikan. Bayangkan awda memiliki 10 panduan yang mengandungi lebih 100 cara untuk mencari wang di rumah. Malah yang lebih hebat lagi ialah awda akan dapat memperolehi WANG DENGAN SEGERA sambil awda mempelajari idea-idea yang diberikan. Awda diberikan HAK CIPTA untuk mencetak dan menjual semula panduan-panduan tersebut seberapa banyak yang awda mahu dengan meletakkan harga awda sendiri. INSYA-ALLAH AWDA BOLEH UNTUNG!

Awda boleh menjualnya secara berasingan di

Rahsia 7

mana setiap satunya boleh dijual dengan harga B\$20 atau awda boleh juga menjualnya secara pakej dengan menawarkan kesemua panduan dengan harga B\$200. Jika awda boleh menjual 200 naskhah sahaja sebulan bagi satu panduan yang berharga B\$20 maka pendapatan awda adalah sebanyak B\$4,000 SEBULAN! Modal awda hanya beberapa ringgit sahaja untuk mencetaknya (fotocopy). Bayangkan jika awda menjual sebanyak 50 set pakej 10 buah panduan sekali gus yang berharga B\$200. Pendapatan awda adalah sebanyak B\$10,000 SEBULAN!!! RAMAI YANG SUDAH BERJAYA!!!

Setelah membaca RAJAH 3

RAHSIA memperoleh KEUNTUNGAN sebenar di dalam URUSNIAGA POS ialah MESTI mempunyai PRODUK MUDAH yang BOLEH dihasilkan dan dimiliki sendiri untuk dijual!

HARGA DITAWARKAN:

1 panduan = B\$20, # 3 panduan = B\$40, # 5 panduan B\$70, # 8 panduan = B\$100, # 10 panduan = B\$120

TAWARAN INI ADALAH TERHAD!!!

Sila tandakan (✓)

TAJUK PANDUAN YANG DITAWARKAN

- ☐ RAHSIA MENUKAR HOBI JADI WANG
- ☐ RAHSIA MENJUAL BUKU YANG MENGUNTUNGKAN
- ☐ RAHSIA MENULIS ILMU YANG MENGUNTUNGKAN
- ☐ MENJUAL SENARAI NAMA & PENDAPATAN LUMAYAN
- ☐ 30 CARA MUDAH BERKAYA DARI RUMAH
- ☐ 9 RAHSIA MENCIPTA KEJAYAAN & KEKAYAAN DALAM MUM
- ☐ CARA MUDAH UNTUK KAYA MELALUI MAIL ORDER
- ☐ B\$100 SEHARI MENONTON RANCANGAN TV
- ☐ MENUKAR KEMAHIRAN/PEGETAHUAN MENJADI WANG
- ☐ MEMPEROLEHI B\$1,000 SEMINGGU DENGAN KOMPUTER

Buku Saya, awda merasa mengetahui BAGAIMANA MENJUAL MAKLUMAT SECARA POS BOLEH MEMBERI PENDAPATAN YANG BESAR tetapi awda belum @ tiada produk untuk dijual. SEKARANG kami telah MENYEDIAKAN awda satu RAHSIA SEBENAR @ PAKEJ lengkap untuk memulakan urus niaga ini. Untuk berjaya dalam urus niaga ini awda mestilah mempunyai produk awda sendiri, di mana awda boleh mengawal semua urusan termasuk menetapkan harga.

ini tidak mungkin kami ulangi di masa hadapan. Ianya adalah TERHAD - KAMI TIDAK AKAN MENAWARKAN PELUANG INI LAGI DI MASA HADAPAN!

MULAKAN PERNIAGAAN POS AWDA SEGERA! SEKARANG MASANYA UNTUK MEMBUAT DUIT AWDA PASTI BOLEH MEMPEROLEHI JUMLAH WANG YANG MENAKJUBKAN (Lihat rajah 3).

Bersambung

BERTINDAK SEKARANG JUGA!

Peluang Memperolehi B\$100 - B\$500 SEHARI!!!

Sastera dan Budaya

سستردان بوداي

P ELBAGAI istilah telah ditimbulkan oleh sarjana mengenai istilah sajak mengikut fahaman mereka. Dengan itu tidak menjadi kesalahan untuk menjelaskan mengenai istilah sajak yang telah disimpulkan oleh mereka antaranya:

Sajak itu suatu bentuk moden yang lebih bebas dan seterusnya rangkainya tidak terikat atau menyalin bentuk-bentuk tradisional seperti pantun dan syair dan membawa suasana serta pandangan hidup yang lebih moden. Rentak dan perjalanan baris serta baitnya lebih mengikut nafas, fikiran dan cara bertutur, tidak disekat dan ditentukan panjangnya oleh peraturan-peraturan lama. (Muhammad Haji Salleh, 1988:1).

Menurut keterangan Za'ba dalam karya Haji Mariat Haji Abdullah yang berjudul *Sekitar Puisi Dengan Contoh Khusus: Antologi Lagu Hari Depan* (1997:1) ada menerangkan istilah sajak secara umum dan secara khusus iaitu:

Secara umum; apa sahaja karangan berangkap yang bermacam-macam bentuk, sama ada pantun, syair, gurindam atau seloka, mahupun ada pertimbangan dan pertentangan bunyi atau tidak. Secara khusus; sejenis karangan berangkap berbentuk baru dalam bahasa Melayu. Keadaannya seakan-akan gurindam atau seloka pada bentuk luarnya, tetapi berlainan pada isi dan rasa keseniannya, terutama pada beberapa sifat yang tertentu. (Haji Mariat Haji Abdullah, 1997: 1).

Selain pendapat Za'ba mengenai istilah sajak yang tercatat dalam karya Hj. Mariat Hj. Abdullah, beliau juga turut menerangkan akan istilah sajak menurut fahamannya iaitu:

Setiap sajak adalah bebas daripada sebarang peraturan dalam membentuk rangkap, menentukan baris, memilih perkataan dan padaman rima. Semuanya ini bertujuan supaya buah fikiran penyair boleh diucapkan dengan lebih lincis, indah dan berkesan. (Ibid: 2).

Daripada petikan para sarjana mengenai istilah sajak, di sini ingin disimpulkan mengenai istilah sajak mengikut fahaman. Istilah sajak adalah merupakan suatu jenis karangan berangkap yang bebas dari sebarang peraturan-peraturan yang tertentu yang seakan-akan merupakan pantun dan gurindam.

Untuk mengetahui sejarah perkembangan sajak adalah sukar menentukan tarikhnya yang tepat. Namun di Indonesia, sajak-sajak jenis ini telah dipulau oleh 'Pujangga Baru' mulai tahun 1933 oleh penyair seperti Muhammad Yamin, Rustam Effendi, Amir Hamzah yang telah dipengaruhi oleh penyair dari Barat sehinggalah ke Alam Melayu. Begitu juga perkembangan sajak di Alam Melayu yang telah melalui enam peringkat antaranya:

1. Zaman Permulaan; 2. Zaman Jepun; 3. Asas 50; 4. Penyair-penyair Kabur; 5. Penyair Enam Puluh dan 6. Penyair Mutakhir.

Ini termasuk juga perkembangan sajak di Negara Brunei Darussalam yang disebabkan kesedaran sifat kebangsaan yang wujud di kalangan pendidik kira-kira sekitar 1930-an. Namun perkembangan ini dirujuk pula pada sajak-sajak yang ditulis oleh penulis-penulis 1950-an dan 1960-an. Antara penulis-penulis sajak di Negara Brunei Darussalam adalah: M.S., Badaruddin H.O. dan Adi Rumi.

Jadi dapatlah saya simpulkan bilakah perkembangan sajak di Negara Brunei Darussalam itu bermula, oleh kerana para penyair di Negara Brunei Darussalam pernah merujuk kepada penulis-penulis sajak yang terdahulu iaitu pada tahun 1950-an dan 1960-an (Adi Rumi, 2000:V). Jelaslah bahawa pada tahun tersebut kemungkinan timbul bermulanya perkembangan sajak di Negara Brunei Darussalam tetapi tidaklah berkembang dengan pesat.

Sebelum meneruskan tu-

juan kursus ini, terlebih dahulu akan diterangkan mengenai jenis sajak yang menjadi pilihan supaya dapat dikenal pasti mengenai sajak.

Sajak-sajak yang saya pilih ini termuat dalam Antologi Senandung Anak Watan yang banyak mengandungi nilai-nilai falsafah dan semangat keagamaan yang tinggi. Penyerapan tema-tema yang berunsur akhlak dan akhlak serta pembangunan ummah jelas beritikan dan bersendikan nilai-nilai tauhid serta pandangan-pandangan Islam yang amat mengesankan dan menggetarkan sukma lebih-lebih lagi ia diadun dengan bait-bait yang amat puitis dan artistik.

Senandung Anak Watan juga merupakan kumpulan puisi Adi Rumi dari tahun 1958 hingga tahun 2000 yang dipetik daripada beberapa sumber antaranya *Pakatan, Koleksi Sajak-sajak Darussalam, Bunga Rampai Sastera Melayu Brunei, Puisi-puisi Nusantara, PELITA BRUNEI, Lagu Hari Depan, Puisi Modern Brunei* dan koleksi peribadi.

Adi Rumi ialah nama pena yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Awang Juned. Yang Dimuliakan Lagi Dihormati dilahirkan pada 22 Disember 1941 di Kampung Setia Pahlawan Lama, Bandar Seri Begawan. Yang Dimuliakan Lagi Dihormati mendapat pendidikan awal di Brunei. Melalui biasiswa kerajaan, Yang Dimuliakan Lagi Dihormati melanjutkan pelajaran di Sekolah Arab Al-Jumad, Singapura (1955-1961) dan di Kolej Islam Malaya, Kelang (1962). Seterusnya melanjutkan pelajaran di Universiti Al-Azhar, Mesir dengan mendapat ijazah Sarjana Muda dalam jurusan Perundangan Islam dalam tahun 1969. Yang Dimuliakan Lagi Dihormati pernah mengikuti Kursus Fatwa di Darul Ifta, Kementerian Keadilan, Mesir dalam tahun 1979-1980.

Keterangan mengenai pendekatan perlulah diterangkan supaya lebih mudah faham lagi dalam hal-hal yang tertentu. Dalam Kesusastraan Bercorak Islam ada menerangkan mengenai jenis pendekatan dengan berkaitan dengan penganalisis ini. Pendekatan tersebut dapat dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu:

1. Pendekatan Seni. Ini mempunyai pecatannya yang dapat difahami oleh pengkaji dan pembaca umumnya. Antaranya:

I. Mengutamakan kejelasan dan kelengkapan;

II. Gaya bahasa yang mudah tetapi indah; dan

III. Pengolahan yang sederhana, tidak berlebihan sampai mengelirukan dan menimbulkan salah faham.

2. Pendekatan Sosial / kemasyarakatan. Ini dibahagikan kepada empat pecahan antaranya:

I. Melihat persoalan dan perutusan karya untuk kebaikan manusia;

II. Tiada persoalan propaganda yang mengandungi pembauran;

III. Melihat keburukan perbuatan kemungkaran; dan

IV. Sikap dan kehidupan

pengarang.

3. Pendekatan Dakwah. Ini dapat dilihat pada pecahan yang dibahagikan kepada tiga bahagian.

I. Sastera boleh menjadi alat yang indah untuk mendekati Tuhan;

II. Kesahihan dan ketinggian agama Islam; dan

III. Sastera sebagai alat mengenali dan memahami/memuji sifat kebesaran dan kemuliaan.

Oleh itu sebagai pengkaji, perlulah memilih salah satu pendekatan yang dijelaskan di atas, tetapi tidak menjadi kesalahan jika kesemua pendekatan itu dipilih malah lebih sempurna kerja kursus tersebut.

Penilaian terhadap sajak pilihan karya Adi Rumi. Hanya sebuah sajak yang akan dinilai untuk dilihat dari segi perspektif Islam. Di sini akan dijelaskan sajak yang berjudul *Kepincangan*.

Sebelum itu, akan diterangkan bahawa sajak yang berjudul *Kepincangan* mengandungi tujuh rangkap dan setiap rangkap akan dijelaskan berdasarkan nilai keislaman.

Pada rangkap pertama ialah seperti di bawah ini:

Apa saja boleh dirancang Menurut hati dan kemahuan Lalu kau pun memacu Kuda ini dengan lajunya. (Adi Rumi, 2000:3).

Pada rangkap pertama sajak di atas, penyair ingin menerangkan kepada masyarakat bahawa segala kemajuan dan pembangunan akan dapat dicapai jika disertai dengan kecekalan hati dan teguhinya pendirian untuk membangunkan diri sendiri, bangsa, negara dan sebagainya.

Apa yang ingin dikatakan terdapatnya unsur keislaman ialah perbuatan yang dilakukan untuk memajukan dan pembangunan adalah merupakan amal kebajikan. Ini kerana dalam agama Islam juga amat menekankan kepada umatnya supaya memperjuangi dan membangunkan negara, agama dan bangsa. Dengan erti yang jelas bahawa kemajuan dan pembangunan memberi kesan kepada kedamaian dan keharmonian bangsa dan negara kerana dalam agama Islam sendiri inginkan kedamaian, keamanan dan ketenangan para penganutnya. Ini dapat dibuktikan dalam firman Allah yang tafsirnya:

"Bagaimanakah dapat diakti adanya perjanjian (keamanan) di sisi Allah dan Rasul-Nya bagi orang-orang muslim (sedang mereka mencubanya)? Kecuali orang-orang (musyrik) yang kamu telah mengikat perjanjian setia dengan mereka dekat Masjid Al-Haram. Maka selagi mereka berlaku lulus terhadap kamu, hendaklah kamu berlaku lulus pula terhadap mereka; sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang bertakwa." (Surah Al-Tauba, ayat 7).

Daripada bukti yang nyata ini bahawa kemajuan dan pembangunan yang dicapai telah memberikan kesan kepada kesenangan, ketenangan, kedamaian dan keharmonian kepada masyarakat umumnya. Sehingga Allah Yang Maha Kuasa sendiri telah memberikan perjanjian pada umat-Nya dengan syarat sentiasa mengertalkan tali

persaudaraan.

Bagi rangkap kedua pula seperti berikut:

Meredah hutan dan belukar Suatu kecederungan semula jadi Tetapi bukan hutan dan belukar sepi Yang tinggal mati.

Rangkap kedua ini penyair ingin menerangkan bahawa jika inginkan kemajuan dan kesenangan (pembangunan), terpaksa lah bersusah payah dahulu kerana segala kemajuan dan kesenangan tidak akan datang sendiri tanpa diusahakan terlebih dahulu. Namun segala kesenangan dan kemajuan bukanlah kekal untuk dimiliki bahkan ia berupa pinjaman dari Yang Maha Kuasa. Ini kerana segala ciptaan-Nya baik manusia, jin, binatang, kejayaan, kemajuan dan sebagainya adalah kepunyaan-Nya, kita hanya dipinjamkan sahaja dan bila tiba masanya kesemuanya itu akan kembali kepada-Nya juga.

Unsur keislaman yang dapat difahami pada rangkap kedua ialah bahawa segala ciptaan-Nya bukanlah kepunyaan-Nya tetapi secara keseluruhan milik Yang Maha Kuasa. Untuk membuktikannya ialah terdapat firman Allah yang tafsirnya:

"Segala yang ada di langit dan di bumi adalah kepunyaan-Nya. Dan sesungguhnya Allah, Dialah yang Maha Kaya, lagi Maha Terpuji." (Surah Al-Hajj, ayat 64).

Oleh yang demikian, terbukti bahawa semua kesenangan, kedamaian, keindahan dan sebagainya adalah milik Allah yang mutlak. Sehingga kaumnya makhluk-Nya sendiri merupakan pinjaman-Nya dan akan kembali juga kepada-Nya. Jadi kaitan sajak dengan firman Allah ini begitu jelas kerana dalam sajak ada menyatakan bahawa segala yang dikejar (kemajuan, kesenangan, peribungan) adalah hanya sementara dan akan binasa bila-bila masa sahaja. Ini terbukti bahawa dalam firman Allah menerangkan bahawa langit dan bumi merupakan ciptaan-Nya, ini sama juga dengan kemajuan, kejayaan, kedamaian dan sebagainya.

Seterusnya pada rangkap ketiga seperti di bawah ini:

Ia adalah hutan dan belukar kehidupan Tempat mengasuh bakat Bahkan tempat bertarung... Memburu kegemilangan dan pangkat.

Pada rangkap di atas, penyair mengatakan bahawa dengan adanya kemajuan dan kesenangan, di sanalah terserlah segala kemahiran dan kebijaksanaan mereka sehingga menimbulkan pelbagai hasil ciptaan mereka yang sentiasa menjadi kesan daripada kepintaran mereka. Malah menjadikan penghidupannya tidak menikmati kedamaian dan ketenangan yang seharusnya dirasai sebelum kembali kepada-Nya.

Unsur keislaman yang diterapkan oleh penyair pada rangkap ketiga ini ialah bahawa segala kebijaksanaan dan kepintaran mereka telah disalahgunakan sehingga membawa kerosakan pada alam, bumi dan makhluk yang lain. Sedangkan Allah sendiri suka akan keindahan, kedamaian dan kesepadan makhluk-Nya. Ini kerana segala yang

diciptakan oleh Yang Maha Kuasa adalah untuk makhluk-Nya menikmati dan memanfaatkan dengan cara yang betul. Ini terbukti dalam firman Allah yang tafsirnya:

"Mereka berehat di atas pelamin-pelamin (yang berhias), sambil melihat (segala keindahan dan kemuliaan yang disediakan untuk mereka di situ)." (Surah Al-Muthafifin, ayat 23).

Dengan yang demikian, nyatalah firman Allah Subhanahu Wataala menganugerahi segala keindahan yang berupa kesenangan, kedamaian dan sebagainya untuk hamba-Nya supaya dapat menikmatinya. Tetapi anugerah yang telah Allah Subhanahu Wataala beri kepada hamba-Nya telah memberikan kesan yang buruk lebih banyak dari kesan yang baik. Malah memberikan akibat yang membolehkan persaudaraan sesama hamba Allah telah mengalami kelonggaran. Ini semua adalah berpunca daripada perbuatan hamba-Nya yang telah menyalahgunakan anugerah yang telah diberikan.

Kemudian pada rangkap keempat pula seperti berikut: Sehingga kerananya Ramai yang terlupe Perjanjian dengan Allah "Iaitu hidup dan mati adalah untuk-Nya."

Pada rangkap keempat, penyair menjelaskan bahawa segala kesenangan, kemajuan dan kemewahan yang mereka miliki telah membuat mereka lalai dan lupa pada Yang Maha Kuasa. Sehingga mereka berani merosakkan alam yang indah dan luas, makhluk yang bernyawa, seolah-olah mereka telah memiliki kekuasaan yang mutlak. Apa yang membuat mereka terlupe, adalah kerana mereka telah mencapai apa yang dimahukan oleh mereka.

Unsur keislaman yang jelas ialah bahawa hidup dan mati itu adalah milik Allah semata-mata. Manakala perbuatan lalai mereka telah Allah buktikan dalam firman Allah yang tafsirnya:

"Yang demikian (kedatangan Rasu-rasul itu ialah), kerana Tuhanmu tidak membinasakan negeri-negeri secara zalim sedang penduduknya laka laka." (Surah Al-An'am, ayat 131).

Allah berfirman lagi yang tafsirnya:

"Di bumi itu kamu hidup dan situ juga kamu mati, dan daripada itu pula kamu akan dikeluarkan (dibangkitkan hidup semula pada Hari Kiamat)." (Surah Al-A'raaf, ayat 25).

Daripada itu, nyatalah segala kenikmatan yang Allah anugerahi telah membuat manusia merasa bangga dan sombong sehingga kebanggaan itu telah menguasai diri mereka sehingga lupa bahawa segala yang mereka miliki adalah datangnya dari Allah Yang Maha Kuasa dan juga melupakan tanggungjawab mereka pada tuntutan serta perintah Ilahi yang mana salah satunya adalah sentiasa ingat kematian.

Pada rangkap kelima pula seperti berikut: Inilah kepincangan Bahkan kebiadaban Ya, kebiadaban! Yang telah tersebar luas.

Daripada petikan sajak di atas, penyair begitu marah

OLEH DARMA

kerana kebanyakan mereka telah memiliki segala kemewahan, kesenangan, kemajuan dan sebagainya tetapi masih berdegil dengan kelalaian dan kesombongan. Malah termasuk juga tidak mahu bersyukur pada Ilahi dan menggagalkan segala kesenangan, kemewahan yang mereka dapati. Walhal, mereka patut memuji kebesaran Ilahi kerana segalanya adalah datang daripada-Nya.

Unsur keislaman yang dapat difahami pada rangkap kelima adalah mereka telah membelakangi Allah serta lebih mengagungkan kemewahan, kemajuan, kesenangan yang mereka peroleh itu. Ini terbukti dalam firman Allah yang tafsirnya:

"Neraka itu juga mengagut dan menarik orang yang membelakangi serta berpaling (dari kebenaran)." (Surah Al-Ma'aari, ayat 17).

Nyatalah segala perbuatan mereka yang melampaui batasan agama telah mengheret mereka ke pintu Neraka Jahannam di akhirat nanti, bukan sahaja di akhirat tetapi di dunia telah Allah menampakkan segala kemurkaan Allah melalui berbagai-bagai sebab sehingga sebahagian mereka masih kekal dengan perbuatan mereka dan sebahagiannya mereka telah menemui jalan yang direndi Allah.

Pada rangkap keenam seperti di bawah ini:

Bahawa si penerima-penerima nikmat Dari seluruh jagat ini Dengan galak dan berani Ramai yang mencuaikan salat.

Daripada petikan sajak di atas, penyair menerangkan bahawa kebanyakan mereka yang telah mencapai apa-apa jua kesenangan telah berani menentang Allah sebagai cenderung kepada perbuatan yang mungkar dan yang dilarang.

Unsur keislaman yang terdapat dalam sajak di atas adalah mereka telah berani menentang Allah setelah mencapai apa yang mereka inginkan. Malah lebih berani pula menentang dosa yang banyak yang tidak terkira. Ini terbukti dalam firman Allah yang tafsirnya:

"Mereka sentiasa tidak berlarang-larangan (sesama sendiri) dari perbuatan mungkar (derhaka dan cero-bohi), yang mereka lakukan. Demi sesungguhnya amatlah buruknya apa yang mereka telah lakukan." (Surah Al-Ma'idah, ayat 79).

Perbuatan mereka yang melampaui batasan agama telah menimbulkan kebaruan mereka untuk melakukan segala kemungkinan yang di larang oleh Allah. Malah di antara mereka masing-masing dengan kealpaan mereka dari yang mengingati Ilahi. Inilah yang telah mengakibatkan turunlah pelbagai bala daripada Allah supaya mereka menyedari tanggungjawab mereka pada Tuhan.

Akhir sekali pada rangkap yang ketujuh ialah: Tahuah tuah, Sedang untu di zaman Nabi Pun pandai takut...bahkan lari Daripada tuannya yang tidak

sembahyang?

Pada rangkap terakhir ini, penyair menjelaskan bahawa perbuatan lalai mereka akan membawa padah kepada diri mereka sendiri, malah penyair sendiri menerangkan bahawa mereka yang lalai mengerjakan salat telah terbukti pada zaman Nabi di mana seekor untu merasa takut dan lari daripada tuannya kerana tuannya leka dengan perbuatan yang mungkar dan meninggalkan segala suruhan-Nya. Ini terbukti dalam firman Allah yang tafsirnya:

"Mereka menjawab: Kami tidak sekali-kali akan meninggalkan penyembahan patung ini, (bahkan) kami akan tetap menyembahnya hingga Nabi Musa kembali kepada kami." (Surah Thaa-ha, ayat 91).

Penyajak dengan sedaya upaya menyedarkan kepada masyarakat supaya kembali pada jalan Allah yang direndi dan kedegilan mereka tidak akan membawa kebaikan buat mereka malah merosakkan diri mereka sahaja.

Hasil daripada keterangan mengenai sajak yang dijelaskan, nyatalah penyair menghasilkan karya sajaknya berdasarkan nilai-nilai keislaman dan pengetahuan agama Islam. Oleh itu, pendekatan yang berkenaan dengan sajak yang telah dijelaskan di atas merupakan pendekatan kemasyarakatan dan pendekatan dakwah.

Sebagai bukti bahawa sajak berjudul *Kepincangan* lebih berupa kepada pendekatan kerana setiap rangkap sajak dibuktikan dengan petikan firman Allah dalam Kitab Suci Al-Quran dan pendekatan kemasyarakatan pula adalah kerana penyair secara langsung telah ditujukan kepada masyarakat amnya.

Sebagai penyumbang kepada masyarakat amnya, seseorang penyajak juga perlu menyumbangkan segala idea, fahaman, gagasan dan nasihat yang berguna. Ini merupakan salah satu amalan yang terpuji dan keberuntungannya sangat besar sebab Allah telah berjanji bahawa setiap hamba-Nya akan ditempatkan di dalam Syurga jika melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya. Jadi perbuatan seperti penyajak tersebut dalam menyedarkan masyarakat juga merupakan amalan yang baik dan berkebaikan.

BUKU RUJUKAN:

- Al-Quran Tafsiran
- Adi Rumi, 2000, *Senandung Anak Watan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Negara Brunei Darussalam.
- Haji. Mariat Haji. Abdullah, 1997, *Sekitar Puisi Dengan Contoh Khusus: Antologi Lagu Hari Depan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Negara Brunei Darussalam.
- Muhammad Haji Salleh, 1988, *Pengalaman Puisi*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur.
- Safian Hussain dan kawan-kawan (Penyelenggara), 1988, *Glosari Istilah Kesusastraan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur.

GERPEN

OLEH HUSAIMY

DI ATAS tikar sembahyang berwarna hijau muda bercorak geometri

yang didudukinya itu Joana tidak menduga kali itu air matanya akan menitis. Dia bersyukur kerana akhirnya telah ditemukan ketenangan yang belum pernah dirasainya selama ini.

Allahuakbar... Allahuakbar... Walillahil-hamd... Suara takbir yang bergema membuai syahdu hati insan. Joana merenung sepasang telekung berwarna putih bersih yang dipakainya. Dia malu kerana dia boleh jadi lupa untuk memakainya sebelum ini kerana kabur oleh nikmat dunia yang puas melalaikan dan menyaksatkannya.

Di luar bilik itu, ibu yang baharu sahaja selesai mengerjakan Sembahyang Fardu Isyak apabila membuka sedikit daun pintu bilik anaknya itu tersenyum sendiri sambil melafazkan kata syukur ke hadirat Allah atas perubahan Joana. Dia yang selama ini menjadi ibu tunggal kepada tiga orang anaknya, dua perempuan dan seorang lelaki merasakan itulah kali pertama semenjak kematian suaminya 10 tahun yang lalu dapat merasakan kembali kegembiraan merayakan Aidilfitri.

Kalau tahun-tahun yang lalu, hanya seorang sahaja anaknya iaitu Rahmah yang akan bersamanya sepanjang Hari Raya, tetapi kini dia bersyukur esok kesemua anaknya akan bersatu kembali seperti sediakala. Itulah harapan dan kasih seorang ibu kepada anak-anaknya selama ini. Dengan linangan air mata ibu menangis kegembiraan.

"Ibu menangis? Ibu..." Joana menghampiri dan duduk di sebelah ibunya di tepi tangga. Dia cukup tersentuh. Dia menatap wajah ibunya yang sayu itu.

"Maafkan dan ampunkan Ana ibu... Ana telah terlalu banyak menyusahkan ibu, kakak dan abang..." Joana menyapu air mata yang berlinangan turun di pipi ibunya.

Seketika kemudian ibu membelai perlahan Joana yang masih mengenakan telekung itu dan memeluknya erat. Joana menangnya di pelukan ibu.

"Sudah lama ibu dambakan saat-saat seperti ini nak... Alhamdulillah, Allah akhirnya telah mengabulkan permintaan ibu... Ibu memaafkan semua anak-anak ibu, sayang..."

"Ana sedar, ibu sudah cukup malu dengan apa yang telah Ana lakukan... Ana sedar dan sekarang Ana betul-betul insaf..." Joana menangis dengan nafas yang tersekat-sekat.

"Sudahlah Ana, yang berlaku tu biarlah berlaku... Ibu amat bahagia sekarang. Ambillah yang jernih..."

"Bila abang nak ke sini

ibu?" Joana bertanya.

"Insya-Allah dia kata dia dan anak lelakinya akan ke sini esok pagi... Isterinya akan menyusul lusa bersama anak perempuan mereka..." jawab ibu.

Sebetulnya baharu sebulan lebih Joana kembali ke rumah itu. Dia baharu saja dibebaskan dari tahanan kerana terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Dua tahun dia telah merengkok di dalam penjara. Tetapi dia bersyukur sepanjang berada di sana, hukuman yang diterimanya itu telah merubah hatinya yang beku dan gelap itu dengan cahaya keimanan dan kasih sayang.

Sebaik sahaja melangkah kaki keluar dari penjara, Joana bertekad untuk menumpahkan sepuhnya perhatian dan kasih sayang kepada ibu dan keluarganya yang selama ini cukup terseksa menderang cemoohan dan hinaan masyarakat. Bagi Joana cukuplah keperitan yang telah dilalui oleh keluarganya yang tidak bersalah. Semua ini tidak lain adalah kerana najis syabu yang menjijikkan dan mengancam hidupnya. Mujurlah dia masih bernafas dan diberi kesempatan untuk membuka pintu taubat.

Dia tahu, masyarakat pasti akan memandang serong padanya. Dia adalah bekas penagih, bekas kaki syabu! Tetapi dia berazam untuk terus tabah melalui destinasi hidup yang masih jauh di hadapan. Dia yakin iman dan kekuatan yang diberikan-Nya mampu mengatasi segala cubaan dan keperitan hidup.

Di ruang tamu itu, Joana terpancing sekeping gambar, gambar mereka sekeluarga: Ibu, Kakak Rahmah, Abang Aiman dan dirinya yang diambil kira-kira enam tahun yang lalu. Merenung gambar lama itu, Joana merasakan ingin berjumpa Abang Aiman begitu membuak-buak sekali.

Dia seperti merasakan suatu beban berat sedang terpicul di bahunya selagi dia tidak berjumpa dan mencium kaki abangnya. Joana telah banyak kali menyakiti dan menyinggung hati abang dan kakak iparnya. Sejuta penyesalan seperti sedang menghukumnya.

Joana begitu sedih mengenangkan kembali hubungan dan layanan yang diberikan kepada abangnya selama ini. Joana ingat bagaimana dia sanggup melawan abangnya, meninggikan suaranya, betapa dia sanggup mencuri dan menjual barang-barang kepunyaan abang dan kakak iparnya, dan betapa tergamatnya dia mengisir abang dan isterinya serta anaknya itu keluar rumah di tengah-tengah malam.

Joana begitu menyesal. Dan di malam Aidilfitri itu air mata Joana tidak kenali sudah. Terus mengalir sambil mengingati dan mengenang kembali dosadosa yang telah dilakukan



AIR MATA AIDILFITRI

nya.

"Janganlah kau sibuk hal peribadi aku... Pergilah kau berambus! Aku tak pernah ada abang seperti kau! Dasar anak sial! Dan kau juga perempuan sundal... Berambus!!!... Pergi mampus!!! Jahanam!!!!"

Joana teringat kata-kata pedih yang pernah tergamak diluarkannya kepada abang kandungannya sendiri. Kata-kata yang membuatnya abangnya tidak lagi menjejaskan kaki ke rumah ibu sehingga ke hari itu. Dia baharu sedar apa yang dilakukan abangnya selama ini adalah untuk kebajikan, tetapi segala nasihat abangnya itu tidak pernah dipedulikannya. Malah dia berasa nasihat dan tindakan Abang Aiman itu adalah satu kongkongan kebasannya.

Joana kemudian terbayangkan reaksi kakak iparnya yang ketika itu sedang sarat mengandung enam bulan yang ditolakannya hingga hampir tersungkur. Kejam sungguh Joana waktu itu.

P e e k k k s s s !!! Pekkkkkk!! Dua buah tapak tangan kepunyaan ibu singgah di kedua-dua belah pipi Joana. Joana masih terbayang segala-galanya.

"Ana!!! Kau nak jadi anak derhaka! Ibu berte-risak sambil menangis.

Joana memalingkan mukanya. Dia tidak menghiraukan tangisan dan kekecewaan ibu ketika itu.

"Sudahlah ibu... Biarlah kami beredar saja.

Biarlah kami beralah. Lantak dialah anak yang tak mengenang jasa ni!" Aiman dengan perasaan marah menunjuk dan menekan jarinya tepat di kepala Joana. Joana menepis tangan abangnya itu.

Malam itu juga Abang Aiman meninggalkan rumah ibu. Dia memimpin isterinya yang sedang mengadahkan kesakitan masuk ke dalam kereta. Ibu mepang-nis melihat pemergian anaknya...

Aku jahat! Aku kejam! Aku derhaka!!!!!! Joana berbicara pada hati sendiri. Kedua-dua belah tapak tangannya didakapkan ke wajah yang pernah bergelumang dengan dosa itu. Butiran-butiran air mata mengalir deras. Dia tidak menyangka rupanya sudah dua tahun dia tidak berjumpa abangnya. Abang Aiman merajuk kerana perbuatannya.

Sehingga jam satu pagi Joana tidak dapat melupakan mata. Entah mengapa malam itu Joana seperti tidak sabar-sabar menunggu hari esok. Mungkin kerana terlalu menanti. Ya, memang penantian adalah satu penyesalan. Dia berdoa semoga esok membuka lembaran baru dalam hidup mereka sekeluarga dan dia dapat menunjukkan perubahan positif yang terbit dari hati sanubarinya sendiri kepada Abang Aiman.

"Ana bangun... Ana..." Rahmah yang masih mengenakan uniform Pegawai Imigresen mengejutkan adiknya.

"Selamat Hari Raya adik..."

"Ahh... Oo kakak..." Joana dengan mata terkebil-kebil terjaga dari lena. "Bila sampai?"

"5.15 tadi..." Rahmah mengukir sekuntum senyuman. "Pergi mandi, kita pergi ke masjid Sembahyang Sunat Hari Raya."

Joana mengangguk dan membalas senyuman. Dilihatnya jam dinding di biliknya sudah menunjukkan hampir enam pagi. Laungan takbir Hari Raya kedengaran sayup-sayup dari masjid yang terletak tidak jauh dari rumah mereka dan diselangi kokokan-kokokan ayam jantan dan kicauan burung-burung yang kedengaran bagai turut sama mengulakukan pagi Aidilfitri yang mulia itu.

Joana, Rahmah dan ibu mereka baharu selesai mengerjakan Sembahyang Sunat Hari Raya bersama-sama jemaah-jemaah yang lain. Dan dalam perjalanan pulang itu, hati Joana berdebar-debar kencang. Dia meninjau-ninjau kenderaan-kenderaan yang melepasi kereta yang dipandu kakaknya. Dia sebenarnya berdebar untuk berjumpa dengan Abang Aiman walaupun dia berasa seperti menunggu seribu tahun menantikan saat itu.

Sampai di persimpangan rumah mereka, Joana meninjau sekali lagi dari kejauhan. Namun belum ada tanda-tanda kereta abangnya sampai. Dia sedikit hampa. Ibu dan Rahmah seakan tahu apa yang dialaminya ketika itu.

"Datanglah dia tu nanti... Sabarlah Ana...", Rahmah tiba-tiba bersuara sebaik saja keretanya dihentikan di hadapan rumah. "Semalam dia ada call kakak... dia pasti datang..."

Ya, Abang Aiman pasti datang. Mungkin dia datang agak lewat sikit. Macam mana agaknya rupa Abang Aiman sekarang ni? Dan macam mana pula rupa anak buah aku? Maklumlah, dua tahun tinggal di rantau orang. Hati Joana berbisik cuba menenangkan perasaannya sendiri.

Hari Raya disambut dengan begitu meriah sekali. Tetamu datang dan pergi silih berganti. Kawan-kawan dan saudara-mara Joana ramai yang mengunjunginya. Joana berasa gembira kerana masih ramai yang memberikan kata-kata perangsang kepadanya untuk meneruskan kehidupan dengan tabah dan kecekalan. Dia semakin bersemangat untuk benar-benar berubah meninggalkan tabiat buruknya. Itulah yang diharapkannya, penerimaan masyarakat.

Namun kemeriahan dan kegembiraan hati Joana di pagi Syawal itu rasanya seperti ada yang tidak lengkap. Semacam kekurangan sesuatu elemen berharga. Jam sudah berbunyi sebanyak sebelas kali. Joana mundur-mundur dan menunggu di ambang pintu. Kelibat Abang Aiman belum juga muncul. Joana resah, tapi dia cuba bersabar.

"Rahmah, kau sudah hubungi abang kau?" ibu bertanya.

"Sudah, tapi handphone abang tak berjawab... dah berkali-kali Mah cuba..."

"Traffic jamed barang-kali..." Joana mencelah.

Tetapi sudah dua belas kali jam berbunyi. Abang Aiman tidak juga kunjung tiba. Joana semakin resah, begitu juga dengan ibu dan

Rahmah. Lauk-pauk yang dimasak ibu dan disediakan untuk Abang Aiman sudah semakin dingin di atas dulang.

Sebenarnya Joana sudah berangan jika Abang Aiman sampai dia akan memberikan kepada Abang Aiman bahawa dia sudah pandai membuat biskut Bola Salji kegemarannya Abang Aiman. Dia yakin Abang Aiman pasti suka. Dia sendirilah yang akan menghidangkan biskut hasil tangannya itu. Tetapi masa itu belum tiba lagi, baharu sebuah angangan. Yang pastinya Joana masih menanti...

"Ibu... Kakak!" Tiba-tiba Joana bersuara.

Dua buah kenderaan yang didahului kereta Kijang dan diikuti sebuah kereta polis sedang bergerak menuju ke rumah Joana. Tiga beranak itu menuruni anak tangga. Seribu persoalan tercetus di pemikiran masing-masing. Mengapa kereta polis itu datang ke rumah mereka?

"Assalamualaikum?" Haji Osman, Ketua Kampung turun dari kereta.

"Walaikumussalam..." Joana, Rahmah dan ibu serentak menjawab.

"Ada apa Tuan Haji?" ibu bertanya kehairanan.

Lidah Haji Osman agak kelu untuk menjawab pertanyaan itu. Baginya biarlah polis sahaja yang menjelaskan tujuan mereka datang ke rumah itu. Dia tidak sanggup memberikan sesuatu yang dapat menghanguskan hati seorang ibu, lebih-lebih lagi pada ketika semua Muslimin dan Muslimat bergembira menikmati hari kemenangan. Dia hanya dapat berdiam sahaja.

"Puan, saya Inspektor Khalid. Saya diarahkan untuk memaklumkan kepada puan sekeluarga bahawa... aaa..." anggota polis itu juga rasanya kebaratan untuk meneruskan kata-katanya.

"Cakaplah Tuan Inspektor..." ibu menanti penuh tanda tanya. Keadan diam seketika.

"Anak puan... Aiman bin Haji Abdul Rahman dan anaknya terlibat dalam satu kemalangan jalan raya di Jalan Kebangsaan..." Inspektor Khalid menarik nafas, "mereka tidak dapat diselamatkan..."

"Tidakkkkk!!!!... Anak akuuuu..." ibu menangis dan terduduk di atas rumput. Rahmah yang turut dibasahi air mata cuba menenangkan ibunya. Dia tahu ibunya tidak dapat menerima perkhabaran hiba itu.

"Kami minta maaf puan..." Inspektor Khalid menundukkan mukanya. Dia juga turut bersimpati dengan nasib keluarga itu.

"Ibu... Kakak..." Joana meraung pilu. Dia memeluk Rahmah dan ibunya.

"Abang Aiman...!!" Joana menangis semahmahunya. Dia merasakan dunia ini sudah pincang dan berpusing-pusing dilanda taufan kemusnahan yang amat dashyat.

"Ampunkan Ana... Mama... Ampunkan Ana, Abang Aiman..." air mata Aidilfitri jatuh membasahi bumi penyesalan Joana.

Menteri Pengangkutan ASEAN sepakati empat inisiatif utama

PHNOM PENH, 24 November. - Menteri-menteri Pengangkutan bermula pada 23 hingga 24 November ini telah mengadakan mesyuarat bagi membincangkan perkembangan pelaksanaan Pelan Tindakan Dalam Pengangkutan dan langkah seterusnya yang diperlukan untuk membebaskan dan menyatukan perkhidmatan pengangkutan dan rangkaian kerja serantau, termasuk pelan tindakan akan datang dalam pengangkutan umum serta perjalanan udara dan keselamatan jalan raya khususnya dalam perkembangan aktiviti dan projek bersama dengan rakan dialog ASEAN. Mesyuarat Menteri-menteri Pengangkutan ASEAN (ATM) Ke-10 berlangsung di Phnom Penh, Kemboja.

Rombongan Negara Brunei Darussalam ke mesyuarat ini diketuai oleh Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria, sementara rombongan Negara Brunei Darussalam ke Mesyuarat Pegawai Kanan Pengangkutan ASEAN Ke-18 yang diadakan pada 21 hingga 22 November pula diketuai oleh Pengarah Pengangkutan Darat, Pengiran Haji Mohd. Yaakub.

Menurut kenyataan akhbar Kementerian Perhubungan, perkembangan telah dicapai dalam per-

Oleh
Haji Dayang HK

sanaan Pelan Tindakan Hanoi dalam bidang pengangkutan tahun 1999 - 2004 yang antara lain mengenai pelaksanaan sepenuhnya dan secara berperingkat Perjanjian Pengangkutan Serantau bagi a) Pengiktirafan bersama sijil pemeriksaan kenderaan komersil, b) Pembangunan rangkaian kerja lebuhraya ASEAN, c) Pemudahan barangan yang dalam peringhahan dan lima protokol pelaksanaannya dan d) Pembebasan perkhidmatan pengangkutan udara.

Dalam mesyuarat Menteri-menteri Pengangkutan ASEAN Ke-10 itu juga, empat perkara utama telah pun dipersetujui bersama. Antaranya ialah bagi satu Agenda Pengangkutan bagi Rancangan Tindakan Vientiane (VAP) 2004 - 2010 dan Pelan Tindakan Pengangkutan ASEAN 2005 - 2010 yang antara lain menggariskan peraturan-peraturan dasar bagi pencapaian pergerakan berkesan dan lancar manusia dan barangan dalam memudahkan perdagangan dan perintegrasi ekonomi ASEAN yang akan mewujudkan sebuah prasarana dan logistik rangkaian kerja yang bersepadu, selamat dan terjamin dalam mendukung pasaran tunggal dan

asas pengeluaran di bawah inisiatif Masyarakat Ekonomi ASEAN (AEC) dengan 48 aktiviti strategik bagi enam tahun mendatang.

Perkara kedua yang dipersetujui ialah deklarasi peringkat menteri terhadap Keselamatan Jalan Raya ASEAN dan Strategi Keselamatan Jalan Raya Rantau ASEAN serta Pelan Tindakan 2005 - 2010 bagi menggalakkan keselamatan Rangkaian Kerja Lebuhraya ASEAN yang mana akan mendukung dan membantu inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan oleh Majlis Keselamatan Jalan Raya Negara Brunei Darussalam dalam usahanya untuk memperbaiki piawai keselamatan jalan raya dan juga untuk mengurangkan jumlah kemalangan jalan raya dan kematian.

Juga disepakati bersama ialah Pelan Tindakan bagi Pengintegrasian Pengangkutan Udara dan Pembebasannya bagi tahun 2005 - 2015 yang mana menyediakan tindakan strategik bagi membebaskan terus perkhidmatan dalam ASEAN dan menggalakkan persekitaran yang meyakinkan bagi pasaran tunggal pengangkutan udara ASEAN.

Perkara utama yang keempat yang telah disepakati dalam mesyuarat berkenaan ialah mengenai Peta Jalan bagi Pengintegrasian Sektor Perjalanan Udara

yang bertujuan untuk mencapai pengintegrasian sebilas sektor utama termasuk perjalanan udara menjelang tahun 2010 sejajar dengan Perjanjian Bali 2003. Ia menyeru bagi tindakan tertentu dan kekal bagi pengintegrasian dan pembebasan yang lebih luas serta perkhidmatan penumpang. Perkara ini akan dirasmikan pada bulan ini di Sidang Kemuncak ASEAN Ke-10 di Vientiane, Republik Rakyat Lao, sekali dengan sektor utama yang lain. Ini akan memudahkan Negara Brunei Darussalam dengan aliran barangan, perkhidmatan pelaburan dan pelancongan yang lebih luas dalam dan antara negara-negara anggota ASEAN.

Menurut kenyataan akhbar itu lagi, Menteri-menteri Pengangkutan ASEAN merasa gembira terhadap perkembangan yang positif yang telah dibuat dalam mewujudkan perkongsian yang rapat dengan beberapa rakan dialog sejak beberapa tahun ini, khususnya mengenai beberapa projek usaha sama dengan China dan Jepun bagi meningkatkan keupayaan manusia dan institusi, perancangan pengangkutan kota yang berterusan, pengurusan pengangkutan maritim dan pembaikan logistik, pengangkutan serta bantuan teknikal dan sokongan kewangan dalam pembinaan sebuah industri pe-



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria.

ngangkutan ASEAN yang dinamik, selamat dan terjamin.

Mesyuarat selama dua hari itu diakhiri dengan penandatanganan Protokol Bagi Pelaksanaan Pakej Keempat Komitmen Perkhidmatan Pengangkutan Udara di bawah Perjanjian Rangka Kerja ASEAN Dalam Perkhidmatan yang membuka luas peluang-peluang perniagaan merentas sempadan.

Mesyuarat Menteri-menteri Pengangkutan ASEAN Ke-11 pada tahun depan akan diadakan di Republik Demokratik Rakyat Lao sekali gus menjadi tuan rumah bagi mesyuarat berkenaan.

Gembirakan hati anak yatim sambut lebaran

Oleh Dk. Hajah Saidah PHOA

KUALA BELAIT, 6 November. - Seramai lebih 60 orang anak yatim di kawasan Kampong Mumong telah menerima sumbangan derma daripada penduduk-penduduk kampung tersebut yang dikendalikan oleh Majlis Perundingan Kampung berkenaan.

Pegawai Daerah Belait, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Yusop bin Bakar dan Penolong Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Ali bin Matyassin selaku Pengerusi Lembaga Tabung Anak-anak Yatim Daerah Belait menyampaikan sumbangan tersebut yang diadakan di kediaman Ketua Kampong Mumong, Awang Haji Yusof bin Dulamin.

Setiap seorang anak yatim menerima wang tunai \$30.00 sejurus sebelum Majlis Bersungkai bersama tetamu kehormat dan mereka yang hadir. Dengan adanya sumbangan tersebut sedikit sebanyak dapat membantu meng-gembirakan hati kanak-kanak berkenaan dalam menyambut ketibaan Hari Raya Aidilfitri yang tidak lama lagi akan menjelang.

Majlis tersebut bertujuan bagi mengeratkan silaturahim sesama kanak-kanak tersebut dan masyarakat serta penduduk kampung berkenaan. Majlis juga diselenggarakan dengan Majlis Tahlil dan Doa Arwah Sekampung.

Buku teks hendaklah mencukupi bagi tahun persekolahan 2005

BANDAR SERI BEGAWAN, 11 November. - Jabatan Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan mengarahkan kepada pembekal-pembekal dan penjual-penjual buku-buku teks bagi sesi persekolahan tahun 2005 supaya memenuhi permintaan.

Dalam satu Majlis Perjumpaan Pengarah Perkembangan Kurikulum Dengan Pengurus-pengurus Penjual Buku dan Percetakan Tempatan Tahun 2004, Pemangku Pengarahnya, Awang Haji Matassan bin Haji Bungso sekali lagi membuat peringatan kepada pembekal dan penjual buku-buku teks di negara ini supaya mempunyai bekalan yang cukup dan segala urusannya berjalan lancar tanpa ada sebarang masalah yang timbul.

Katanya, selain memastikan buku-buku teks itu mencukupi, pembekal dan penjual juga perlu mengambil kira buku-buku teks yang dijual itu adalah yang diperakui oleh jabatannya dan tidak menjual buku cetak rompak.

Jelasnya, di samping pembekalan buku-buku teks

Oleh
Abdullah Asgar

yang mencukupi, buku-buku kerja mesti juga cukup untuk keperluan para pelajar dan murid sekolah-sekolah yang diperingkatkan oleh Menteri Pendidikan ketika mengadakan mesyuarat bersama ketua-ketua jabatan di Kementerian berkenaan belum lama ini.

"Kepada toko-toko buku diserukan supaya berlaku bijaksana dalam menjual buku-buku teks dan buku-buku kerja yang diperlukan kepada orang ramai iaitu dengan memberikan buku-buku yang betul," tambahnya.

Apa yang penting, katanya, para pembekal dan penjual untuk sentiasa merujuk kepada jabatannya untuk mendapatkan maklumat terkini berkenaan kedudukan sesuatu buku teks sekiranya tidak pasti.

Jelasnya, bagi persekolahan tahun depan, terdapat empat jenis buku teks baru akan diterbitkan dan digunakan di kesemua sekolah di negara ini. Buku-buku

tersebut adalah English For Preschool, Primary English Book 2 Revised Edition, Go With Science Primary 6 dan Gateway To English Secondary 2.

Justeru itu, katanya, terbitnya buku-buku teks dan kerja itu nanti buku-buku yang lama tidak lagi dijual kepada orang ramai.

Tambahnya lagi, buku-buku teks dan kerja bagi mata pelajaran Pengetahuan Agama Islam dalam Sistem Pendidikan Bersepadu yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan awal tahun ini juga akan diterbitkan.

Katanya, bagi kedai-kedai buku yang mempunyai cawangan di daerah di negara ini sekiranya 'out of stock' supaya tidak bertangguh memakan masa beberapa hari untuk mendapatkan bekalan buku-buku tersebut.

Ini, tegasnya, orang ramai tidak akan merasa kecewa dan datang ke Bandar Seri Begawan untuk mencari dan mendapatkan buku di mana perkara itu akan membebaskan dan menyudahkan mereka.

Jelasnya, sedikit masalah lagi jabatannya akan buku 'Senarai Harga Kawalan Bagi Buku-buku Teks dan Buku-buku Kerja 2005 - 2006' sebagai rujukan harga jualan kepada orang ramai.

Oleh itu, katanya, adalah menjadi satu kesalahan bagi

mana-mana pihak yang menjual buku-buku kawalan yang disenaraikan dalam buku itu dijual dengan harga yang lain selain dari harga yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan.

Hadir di majlis itu ialah pengurus-pengurus kedai buku, pembekal dan wakil

penjual buku yang berdaftar dengan Jabatan Perkembangan Kurikulum yang bertujuan bagi memberi penjelasan mengenai pembekalan buku-buku teks dan kerja, di samping menerima feedback dari para pembekal dan penjual buku di negara ini.



PEMANGKU Pengarah Perkembangan Kurikulum, Awang Haji Matassan bin Haji Bungso di Majlis Perjumpaan Pengarah Perkembangan Kurikulum Dengan Pengurus-pengurus Penjual Buku dan Percetakan Tempatan Tahun 2004. - Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi HD.



PARA pembekal dan penjual buku-buku teks yang menghadiri Majlis Perjumpaan Pengarah Perkembangan Kurikulum Dengan Pengurus-pengurus Penjual Buku dan Percetakan Tempatan Tahun 2004. - Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi HD.

Halaman Puisi... Halaman Puisi... Halaman Puisi...

MERENUNG OMBAK DAN LAUT

Setiap petang
hati itu
berlabuh di tepian pantai
merebahkan layar rindu
berbisik pada ombak
berbicara pada laut.

Dengar ...
bisikan untuk ombak
nan memuji ketekunannya
memukul pantai
pasir jua tak berderai
katanya: "Begitulah kurasakan
merenung tanpa jemu
kasih sepaang jiwa
walau hampa."

Dengar pula ...
bicara untuk laut
nan berpesan kehibaan
meluahkan segugus kegersangan
sedalam laut
sebiru harapan
katanya: "Alangkah indahnya dirimu
wahai laut
dikenali kasih
oleh berjuta ciptaan-Nya.

Hanya aku terdampar sepi
tak pernah mengenali
siapa ayah dan umi ...
menyendiri
sehingga kini."

ADA DI SANA SINI

Tak usah kau pergi jauh
mencari bukti kebesaran Ilahi
remang dalam diri
jiwamu dan fikiranmu
tulang-belulangmu dan darahmu
walau sezarah
adalah milik-Nya abadi.

Tak usah kau pergi jauh
mencari bukti kekuasaan Ilahi
kembara ke bulan dan bintang-bintang
bertanya mengapa, kenapa dan bagaimana
kerana cakerawala pasti bertasbih
memuji keagungan-Nya.

Tak usah kau pergi jauh
dengan ilmu sains kebanggaanmu
cuba menjelaskan kesukaran
hipotesis dan teori
hukum alam tanggapanmu
sedangkan semuanya itu hanyalah
ibarat setitis air dari lautan.

Tak usah kau pergi jauh
kerana bukti kekuasaan-Nya
adalah kejadian dirimu sendiri
kebesaran Ilahi
ada di sana sini.

AKU TAK AKAN MENANGIS

Aku tak akan menangis
akan kutahan air mata ini
biarpun aku gagal
biarpun tewas berulang
dalam maraton kehidupan ini
aku tak akan mengalah.

Aku tak akan menangis
akan kupendam kekecewaan
untuk seribu usaha lagi
biarpun akan tertewas jua
aku tekad dan reda
menyulam usaha.

Aku hanya akan menangis
apabila menjuarai kehidupan
dan mengenali jasa kegagalan.

PELITA JIWAKU

Pelitaku,
keikhlasanmu menjagaku

telah menjadikan aku insan berilmu
sinarmu tak kenal jemu
menerangi laluan hidupku.

Di hatiku
kau kutempatkan di mahligai budi
kubina dari keinsafan
kaukir megah, kukuh dengan kenangan.

Darah yang mengalir ini
masih terasa hangat dibelai
pengorbananmu
unggulan kasih sayangmu
tetap bersemadi
selamanya...

Oh ibu ...
kaulah pelita jiwaku.

Husaimy

BERSALAH

Senja tiba
terdengar sayup sura azan
merdu memuji Ilahi dan Nabi Muhammad
Sallallahu Alaihi Wasallam
menyeru manusia bersembahyang
sesaat aku dikejutkan
oleh suatu perasaan halus
yang dulu diam kini bersuara
perasaan bersalahku pada-Nya
meninggalkan yang wajib
sepertinya aku tidak kenal dosa
nikmat dikurniakan
dipersiapkan dengan kelalaian
ya Allah
ampunkan dosaku keluaranku dari
kegelapan
jauhkan dari ruang kemurkaan
petunjuk-Mu kupinta
supaya sinar nur kembali terang
memenuhi jiwaku kekosongan ...

Hbb

TEMAN

Teman
aku mengenali kau di waktu kuduka
kau hadir membawa sinar baru
hidupku kembali ceria
seperti tidak ada yang pernah duka.

Teman
kau teman suka dan duka
tidak kira waktu dan masa
siang dan malam tetap ada
aku menyanjungimu teman setia.

Teman
waktu dan masa memisahkan kita
kau hilang entah di mana
walau di mana kau berada
kau tetap kuingati setiap masa.

Alin 183

PUSARA

Di kaca jernih
seorang tua bertakafur
atas tikar di sisi batu nisan yang reput
dedaun bertaburan menutup lantai tanah.

Anak-anak turut menatap Yaasiin
jejarinya rancak mengutip dedaun
tanah kering disimbah air
bunga-bunga segar bertaburan
di atasnya
semua bersalaman bertemu tapak tangan.

Pusara yang gelap diterangi bulan
perginya menghadap Ilahi
dengan reda keluarga melepaskannya
pusara kian usang tak sedetik hilang
dari ingatan
kunjungan tak pernah berhenti
walau hujan menenggelami bumi.

SuRra

CAHAYA KEHELAPAN

Aku hamba yang kerdil lagi hina
memohon petunjuk-Nya
untuk menerangi hati ini dalam
kegelapan.

Ku tercari-cari di mana pelita
kehidupanku
kutadah tangan memohon restu dari-Nya
untuk mencari ke mana harus kutuju.

Sudah sekian lama kumenanti
jauh perjalanan ini
baru kini kujumpa di mana cahaya itu.

Oh ... sungguh tenang hati ini
bila kusujud kepada-Nya
terasa lapangnya dada ini
tika ku beristighfar di atas sejadah.

Bersyukur kepada-Nya
kini kudapat cahaya dilihat
oh ... bahagiaku di sisi-Nya
sebagai hamba yang diberi peluang.

BNTZAN

MANA KE MANA?

Semalam aku mencari diriku
kuselami koridor hidupku
mahu berjaya macam mereka
ingin membaiki diriku hanya satu
ironisnya tawankah menara ilmu.

Aku terjaga seketika
dahulu dinilit dengan fauna dan
hutan batu
sekarang jejari alam siber
mana ke mana ...

Aku antara mereka
turut berjuang bersama nota dan kuliah
aku jua berjaya sama gagah dengan
tenbok-tenbokmu
namun aku pulang ke koridorku
mana kau mana?

Koridor 16 musim dahulu
masih segar dalam larian waktu
sekarang koridorku sumpak dan hapak
berselubung duka dan sisa-sisa harapan
yang hanya tahu mempermainkan
nasibku
yang turut mengabaikan keupayaanku
yang menjadi lelucon dan sindiran
kerana mana kau mana?

Aku menanti sinar
sedikit kebahagiaan
mana kau mana?

Nannie MB

SEBUAH DIARI LAMA

Sebuah diari lama
terbuka tiba-tiba
helai-helai usang
reput dengan kenangan.

Garis-garis di muka
adalah sajak-sajak tua
kemanisan masa silam
biru ungu kini pudar jadi debu.

Sebuah diari lama
biar kubungkus saja
bersama luka di dada.

Azmi KBA

JALAN HAKIKI YANG DIREDAI-NYA

Betapa kau rasakan
hidupmu kini dilanda kekecewaan
kosong dan menyepi
seperti tidak bermaya lagi
namun segalanya adalah disebabkan

perilaku dan keasyikanmu sendiri
memburu kemewahan, kesenangan
duniawi
sehingga kau lupa, alpa dan tidak tahu
ke mana destinasi sebenar dituju.

Benarlah jika kesahihan
digantikan dengan kebatilan
selamanya aku kehilangan jejak
pertimbangan!
terumbang-ambing tidak keruan
tiada tempat pegangan
jiwa sepi kekosongan
jalan dilalui semakin gelap
hidupmu tidak selamat.

Wahai insan mulia di sisi Allah
kenalilah diri kita ini
dengan mawaddah dan marhamah
kembalilah kepada Kitabullah
dan Sunnah Rasulullah.

Ya, berladanglah pada makrifatullah
yakin dan tawakkaltuallah
adalah pegangan sebenar kita
jalan hakiki yang diredai-Nya.

Rahim M. S.

KEJUJURAN SEORANG LELAKI

Lelaki ...
sesekali kau mesti menangis
tika kau diperlihatkan
perjuangan seorang wanita
tanpa mengenal erti kecewa.

Lelaki ...
kau menatap tidurnya
tetapi tidak menatap mimpinya
yang sesekali dia bertanya
di manakah kejujuran seorang lelaki.

Lelaki ...
kau bersyukur pada nikmat Tuhan
kerana perempuan itu ...
bukan hamba untukmu.

Tetapi ...
hamba untuk Tuhan.

Lelaki ...
sesekali kau cemburullah kasih sayang itu
yang dimiliki oleh kaum hawa
tak pernah berbelah bagi
untukmu lelaki ...

Kelana Rimba

MEMBURU KEJAYAAN

Aku melangkah kaki ke destinasi
menuju menara gading
jauh di perantaraan
tinggal keluarga yang dikasihi.

Aku meniti hari-hari
berkuliah, berdiskusi, beriadah
sujud kepada-Nya tidak pernah dilupa
itu pesan ibu dan ayah.

Setahun kini berlalu
syukur ke hadrat-Mu Ilahi
ku berjaya semester tahun pertama
alhamdulillah terucap dari hati nuraniku.

Kini ku kan jalani semester baru
pasti ku lebih tekun dan berhati-hati
menelaah pelajaran dan ulang kaji
menghadiri setiap kuliah pasti kutekuni.

Ya Allah ya Rabbi
berkati semua usahaku
perkenankan semua doa-doaku
semoga suatu hari ku akan mencapai kejayaan.

Yati H. S.



سنتياس برسام بيسكيت
Sentiasa Bersama Biskita

سوسونن رنچاغن تيليسيشن

susunan rancangan TELEVISYEN

PIHAK RTB berhak menukar mana-mana jua rancangan

RABU 1 DIS	PAGI		Sambungan	PETANG	6.05	AZAN MAGHRIB	8.50	DRAMA -
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.00 RANCANGAN HARI INI	4.00 LAGU KEBANGSAAN	6.10	SINAR		'Menuju Keredaan'
	6.02	TILAWAH AL-QURAN	10.05 FILIPINO DRAMA -	4.02 TILAWAH AL-QURAN	6.30	GADGET AND GIZMO	9.30	JASA MU
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	'Memories	4.15 RANCANGAN HARI INI	MALAM			
	9.00	BERITA	11.00 SWITCHING KITCHENS	4.20 SESAME STREET YR. 32	7.00	LIPUTAN SEMASA	10.00	NEWS AT 10
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	11.30 LIPUTAN SEMASA	5.20 GILLETTE WORLD OF SPORT	7.20	AZAN ISYAK	10.30	HELIX SHELL B-LEAGUE
KHAMIS 2 DIS	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.00 RANCANGAN HARI INI	4.00 LAGU KEBANGSAAN	6.05	AZAN MAGHRIB	8.00	BERITA NASIONAL
	6.02	TILAWAH AL-QURAN	10.05 FILIPINO DRAMA -	4.02 TILAWAH AL-QURAN	6.10	SINAR	8.50	AN NUUR -
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	'Memories	4.15 SUSUNAN RANCANGAN	6.30	GADGET AND GIZMO		Siaran Langsung
	9.00	BERITA	11.00 MASAKAN TRADISI (DAPUR WARISAN) - Ulangan	4.20 KIDS HOUR : SUPER LITTLE FANTA	6.45	FIQHUL MIRATS	10.00	NEWS AT 10
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	11.30 LIPUTAN SEMASA	5.10 ON THE BALL	MALAM			
			12.00 SIARAN TAMAT	5.35 KEELI & IVY: CHIMPS	7.00	WARTA ISLAM	10.30	DRAMA - 'Yang Tersohor'
JUMAT 3 DIS	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.15 THE LEGEND OF ZORRO	1.30 VISI SUCI	5.35	JACKIE CHAN ADVENTURES	7.30	OLEH OLAH REMAJA
	6.02	TILAWAH AL-QURAN	11.15 APA INI! APA ITU!	2.00 TETAMU SUKAN - Siaran Langsung	5.45	BERITA	8.00	BERITA NASIONAL
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	11.30 BERITA	2.30 LAGENDA - Ulangan	6.06	AZAN MAGHRIB	9.00	PERTANDINGAN BINTANG RTB 2004 - Prebiu
	9.00	BERITA	11.45 TRAVELLING THE GLOBE	3.30 TAYANGAN GAMBAR HINDI - 'Talaashi'	6.13	JALAN MENUJU ALLAH	10.00	NEWS AT 10
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	12.15 TECHNOLOGY STARTERS	3.33 AZAN ASAR	6.30	WILDLIFE DIARY	10.40	KHUTBAH JUMAAT
	10.00	RANCANGAN HARI INI	12.30 SEMBAHYANG FARDU JUMAAT - Siaran Langsung	3.38 TAYANGAN GAMBAR HINDI - Sambungan	MALAM			
SABTU 4 DIS	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	Kaboodle/Buttons And Rusty'	12.55 PANGGUNG PETANG	3.15	LADY COP	7.00	DUNIA ASIA
	6.02	TILAWAH AL-QURAN	10.55 HAND ON	12.55 PANGGUNG PETANG	3.34	AZAN ASAR	7.21	AZAN ISYAK
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	11.20 DRAMA - 'Sipugut @ Brunet. bn' - Ulangan	2.20 SIMPOSIUM - 'Ucap Utama Simposium	4.10	BEYOND	7.35	PAN ASIA
	9.00	BERITA	11.30 BERITA	2.20 SIMPOSIUM - 'Ucap Utama Simposium	5.00	KIDS HOUR - SPIDERMAN/ SUPERMODEL	8.00	BERITA NASIONAL
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	12.12 AZAN ZUHUR	2.20 SIMPOSIUM - 'Ucap Utama Simposium	5.45	BERITA	8.50	HIBURAN HUJUNG MINGGU
	10.00	RANCANGAN HARI INI	12.15 DOKUMENTARI - 'KONVENSYEN KEBANGSAAN PROMOSI KESIHATAN'	2.50 LIVING	6.06	AZAN MAGHRIB	10.00	NEWS AT 10
AHAD 5 DIS	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	KIDZ/LEGACY OF SILVER SHADOW	1.45 ENGLISH PREMIER	6.13	PEDOMAN AKIDAH	11.30	PERTANDINGAN AKHIR BINTANG RTB 2004
	6.02	TILAWAH AL-QURAN	11.00 PIMING	1.45 ENGLISH PREMIER	6.30	STRANGE BUT TRUE	12.30	DOA DAN SIARAN TAMAT
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	11.15 SUNDAY MATINEE - 'Beyond The Edge'	2.40 JUARA - Siaran Langsung	6.07	AZAN MAGHRIB	7.30	HIDANGAN
	9.00	BERITA	11.45 SUNDAY MATINEE - Sambungan	3.10 JASON & ARGONAUTS	6.12	PENGAJARAN DARI AL-QURAN	8.00	BERITA NASIONAL
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	12.12 AZAN ZUHUR	3.34 AZAN ASAR	6.30	SCIENCE WORKSHOP	8.50	TIRAI KELUARGA - 'Enam Jahanam'
	10.00	RANCANGAN HARI INI	PETANG	4.05 SEMARAK BUDAYA - Ulangan	MALAM			
ISNIN 6 DIS	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.00 RANCANGAN HARI INI	4.00 LAGU KEBANGSAAN	6.07	AZAN MAGHRIB	7.30	HIDANGAN
	6.02	TILAWAH AL-QURAN	10.05 FILIPINO DRAMA -	4.02 TILAWAH AL-QURAN	6.14	BIMBINGAN KELUARGA	8.00	BERITA NASIONAL
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	'Memories	4.15 RANCANGAN HARI INI	6.30	ANIMAL PLANET: THROUGH BRED	8.50	DRAMA - 'Worksyop' - SEMINAR PROMOSI KESIHATAN
	9.00	BERITA	11.00 MARI MEMASAK KE KAMPUNG KAMPUNG - Ulangan	4.20 ANIMATION - 'Brace Face/Big Garage'	MALAM			
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	11.30 INSIDE HEALTH	5.15 POLICE TRAINING ACADEMY - Siri Baru	7.00	LIPUTAN SEMASA	10.00	NEWS AT 10
			12.00 SIARAN TAMAT	5.45 BERITA	7.22	AZAN ISYAK	10.30	SUKAN GLOBAL CENTURY OF MOTORING
SELASA 7 DIS	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.00 RANCANGAN HARI INI	4.00 LAGU KEBANGSAAN	6.15	KIDS SINAR	11.50	DOA DAN SIARAN TAMAT
	6.02	TILAWAH AL-QURAN	10.02 FILIPINO DRAMA -	4.02 TILAWAH AL-QURAN	6.30	AL ISLAM		
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	'Memories	4.15 RANCANGAN HARI INI	MALAM			
	9.00	BERITA	11.00 SAJIAN OREINTAL - Ulangan	4.20 KIDS HOUR - 'The Great Book Of Nature'	7.00	DRAMA - 'Masam-Masam Manis'	9.30	KHAZANAH - Ulangan
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	11.30 LIPUTAN SEMASA - Ulangan	5.00 SEA HUNTERS	7.22	AZAN ISYAK	10.00	NEWS AT 10
			12.00 SIARAN TAMAT	5.45 BERITA	7.35	DOKUMENTARI -	10.30	WORST CASE

Persahabatan yang lebih kukuh dan berkembang

BERAKAS, 18 November.

- Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain berkata, beberapa tahun yang lalu hubungan antara Negara Brunei Darussalam dan Kesultanan Oman mempunyai pertalian yang lebih kukuh dan berkembang.

Hubungan ini lebih erat lagi dengan adanya kerjasama melalui Memorandum Persefahaman (MOU) kedua-dua negara dalam bidang kebudayaan yang ditandatangani pada bulan Jun tahun ini.

Hubungan tersebut

Oleh
Haji Ahmad HS

lebih jelas lagi, tambah Yang Berhorma, dengan adanya permesyuaratan dua hala di peringkat pegawai-pegawai antara kedua-dua negara yang menggabungkan lagi hubungan tersebut.

Yang Berhormat menyatakan perkara itu ketika hadir selaku wakil Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Majlis Sambutan Hari Kebangsaan Kesultanan Oman Ke-34 Tahun yang berlangsung di Pusat Persidangan

Antarabangsa di sini.

Di samping itu, kata Yang Berhormat, asas kukuh yang sedia terjalin di antara kedua-dua kerajaan akan menyediakan modal berlanjutan kepada sektor swasta kedua-dua buah negara.

Di majlis itu Yang Berhormat turut menyentuh penglibatan kedua-dua negara di peringkat serantau dan antarabangsa di mana kedua-dua negara banyak terlibat dalam memainkan pelbagai peranan dalam peringkat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Persidangan Pertubuhan Negara-negara Islam (OIC) dan Mesyuarat Tahunan

ASEAN-GCC, di samping menghadiri Mesyuarat Agung PBB.

Majlis dimulakan dengan Lagu Kebangsaan kedua-dua negara dimainkan, kemudian diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Duta Besar Kesultanan Oman ke negara ini, Tuan Yang Terutama Haji Mohamed Omar Aideed yang menyatakan bahawa kedua-dua negara telah menandatangani pelbagai memorandum persefahaman termasuk dalam bidang ekonomi, pelaburan, hal-ehwal agama, pendidikan dan juga komunikasi dalam tempoh perhubungan dua hala yang telah terjalin selama 20 tahun.



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Md. Zain dan Duta Besar Kesultanan Oman ke negara ini, Tuan Yang Terutama Haji Mohamed Omar Aideed ketika memotong kek sempena Hari Kebangsaan Kesultanan Oman yang ke-34 tahun. - Gambar oleh Hamadi HM.

Di majlis itu Tuan Yang Terutama juga menjelaskan mengenai penandatanganan memorandum persefahaman yang terbaru iaitu dalam bidang kebudayaan, belia dan sukan kedua-dua negara.

Di samping itu Tuan Yang Terutama juga menyentuh mengenai

kehadiran kumpulan baru mahasiswa dari negaranya yang akan mengikuti kursus di Universiti Brunei Darussalam serta pengajian kumpulan mahasiswa dan mahasiswi negara ini yang akan memulakan pengajian di Universiti Sultan Qaboos di Muscat.

Tuan Yang Terutama menyifatkan para belia

kedua-dua negara merupakan pelaburan paling berharga bagi masa depan kedua-dua negara.

Acara kemuncak sambutan tersebut ialah memotong kek yang disempurnakan oleh Yang Berhormat dan Tuan Yang Terutama sebagai lambang hubungan erat kedua-dua negara sentiasa kukuh.



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya ketika menyampaikan bantuan wang zakat kepada seorang penerima. - Gambar oleh Halim HS.

745 keluarga terima bantuan wang zakat

BANDAR SERI BEGAWAN, 10 November. - Sebahagian penduduk Islam yang kurang mampu dan tergolong dalam Asnaf Fakir Miskin tidak dilupakan sempena Hari Raya Aidilfitri.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang

Oleh
Abdullah Asgar

Yahya menyampaikan pengagihan bantuan Hari Raya Aidilfitri dari Bahagian Wang Zakat kepada 745 keluarga dari 35 buah kampung dalam Zon 1 Daerah Brunei-Muara dan 85 orang Muafak.

Majlis Penyampaian Bahagian Wang Zakat

tersebut berlangsung di Masjid Kampong Tamoi yang disaksikan oleh pegawai-pegawai kanan dari Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) dan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Bantuan itu bagi meringankan beban para penerima menjelang Hari Raya Aidilfitri dan usaha sedemikian akan diteruskan di masa-masa akan datang.

Warga Perkhidmatan Awam wajar sepakat dalam satu persekitaran

RIMBA, 11 November. -

Dalam sama-sama membantu sumber kewangan mereka yang berpendapatan rendah dan meraikan bersama Hari Lebaran yang bakal menjelang dalam suasana yang riang, Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya, tidak ketinggalan mengadakan Majlis Penyampaian Derma Hari Raya Aidilfitri yang berlangsung di Institut Perkhidmatan Awam di sini.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Faatihah beramai-ramai yang diketuai oleh Imam Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Kampong Jerudong, Awang Ariffin bin Dato Paduka Haji Abu Bakar, kemudian diikuti dengan ucapan dari Pemangku Pengarah Jabatan Kehakiman Negara, Awang Haji Azahari bin Haji Ahmad, selaku Pengerusi Majlis.

Dalam ucapannya, beliau menyatakan aktiviti sedemikian jika dikaitkan dalam konteks Perkhidmatan Awam, adalah sewajarnya wujud di setiap jiwa dan pemikiran warga Perkhidmatan Awam di negara ini, agar dapat

Oleh
Siti Aishah HS

menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan dengan penuh kerjasama dan sepakat dalam satu persekitaran.

Beliau menambah, hasilnya akan merupakan satu Perkhidmatan Awam yang cemerlang, berkesan dan bertanggungjawab mengikut calak Brunei yang diharapkan.

Di samping itu, beliau juga berharap agar aktiviti seumpama itu akan dapat memupuk sifat setia

kawan, meningkatkan sikap bantu-membantu dan bekerjasama serta mengasuh rasa keikhlasan dan mengeratkan lagi hubungan silaturahim di antara pegawai dan kakitangan Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Seramai 38 orang kakitangan dari Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya menerima derma mereka masing-masing di majlis itu.

Hadir bagi menyempurnakan penyampaian derma berkenaan ialah

Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Haji Awang Hazair bin Haji Abdullah, yang juga selaku tetamu kehormat majlis.

Majlis juga diselenggarakan dengan ceramah khas mengenai 'Amaian Bersedekah Memantapkan Perpaduan Pegawai dan Kakitangan Kerajaan' yang disampaikan oleh Pegawai Ugama dari Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Ustaz Awang Haji Noralizam bin Haji Ali Akbar.



SETIAUSAHA Tetap Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Haji Awang Hazair ketika menyampaikan sumbangan di Majlis Penyampaian Derma Hari Raya Aidilfitri anjuran Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan-jabatan Di Bawahnya. - Gambar oleh Ramli Tengah.



**JABATAN BURUH,
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

TAWARAN PERKHIDMATAN INSURAN DAN PENEMPATAN RISALAH-RISALAH INSURAN (PAMPASAN KERJA) BAGI AMAH DAN PEKERJA-PEKERJA ASING DI JABATAN BURUH, CAWANGAN KUALA BELAIT.

Bilangan Tawaran: PJB/01/2004 (KB)

- PEMOHON-PEMOHON adalah dipelawa untuk menghadapkan tawaran bagi menyewa Perkhidmatan Ruang Meja dan Penempatan Risalah-Risalah Insuran (Pampasan Kerja) bagi Amah dan Pekerja-Pekerja Asing bertempat di Jabatan Buruh, Cawangan Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam.
- Tawaran adalah untuk tempoh tiga (3) tahun mulai dari tarikh surat perjanjian ditandatangani.
- Penyewa (Pengurus) adalah dikehendaki menyatakan tawaran sewanya bagi satu (1) bulan dengan menulis angka diikuti dengan perkataan.
- Salinan-salinan Sijil Pendaftaran Akta Nama-Nama Perniagaan (Certificate of Registration - Business Names Act) Bab 16 & 17 mestilah disertakan.
- Wang Cagaran tawaran adalah dikehendaki dibayar dengan wang tunai sebanyak \$ 200.00 (RINGGIT: DUA RATUS SAHAJA) di Unit Kewangan Jabatan ini pada setiap tawaran. Waktu menerima wang cagaran adalah seperti berikut:-

ISNIN HINGGA KHAMIS DAN SABTU - 8.00 PAGI HINGGA 11.30 PAGI
2.00 PETANG HINGGA 3.00 PETANG
- Tawaran mestilah ditulis dengan betul dan jelas di dalam borang yang disediakan dan dimasukkan ke dalam sampul surat yang bertutup rapi (sealed) dengan pengenalan diluarnya "TAWARAN PERKHIDMATAN MEJA INSURAN DAN PENEMPATAN RISALAH-RISALAH INSURAN (PAMPASAN KERJA BAGI AMAH DAN PEKERJA-PEKERJA ASING DI JABATAN BURUH CAWANGAN KUALA BELAIT" tanpa membubuh nama penawar di luar sampul surat.
- Tawaran-tawaran hendaklah dihantar kepada PENERUSI LEMBAGA TAWARAN NEGARA, TINGKAT 16, BANGUNAN KEMENTERIAN KEWANGAN, COMMONWEALTH DRIVE, BANDAR SERI BEGAWAN BB 3910, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM ke dalam Peti Tawaran tidak lewat pada hari Isnin, 13 Disember 2004 jam 3.00 petang.
- Pengalaman-pengalaman dalam mengurus insuran jika ada hendaklah disertakan.
- Kerajaan Kebawah Duli yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling murah atau sebarang tawaran.
- Borang permohonan dan penerangan lanjut atau syarat-syarat tawaran mengenai perkara ini boleh diperolehi daripada Ibu Pejabat di Unit Kewangan, Bahagian Pentadbiran dan Kewangan Tingkat 5, Jabatan Buruh, Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan BB 3910, Negara Brunei Darussalam.

... JUALAN JELONG ...



**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN
DAN SUMBER-SUMBER UTAMA**

ADALAH dengan ini diberi notis bahawa Jualan Lelong barang-barang yang tersebut di bawah akan diadakan pada hari Khamis, 9 Disember 2004.

Lelong ini ada mengandungi beberapa syarat seperti berikut:-

- Pembeli yang berjaya dikehendaki membayar secara wang tunai dan memindahkan barang-barang yang dibeli tidak lewat tujuh (7) hari dari tarikh perlelongan tersebut.
- Pembeli yang berjaya dikehendaki membayar cukai Kastam jika diperlukan.
- Barang-barang yang telah dibeli tetapi tidak dipindahkan dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh perlelongan ini akan dirampas dan dilelong semula.

KETERANGAN BENDA	TEMPAT LELOG	TARIKH/MASA
1 Unit Mesin Rumpul Briggs & Stratton 1 Unit Mesin Rumpul Suning Vicia 1 Unit Mesin Rumpul Rover 1 Unit Pallet Jack Refimex 2 Unit Transfer Pump ATB 6 Unit Fos Pump CRN60 3 Unit Ground Fos CRN 16 1 Unit Injin Motorsangkut Johnson 15 HP 1 Unit Injin Motorsangkut Evinrude 140 HP 1 Unit Injin Motorsangkut Evinrude 135 HP 2 Unit Portable Generator Robin RGD 3300 3 Unit Portable Generator Robin RGD 5000 2 Unit Vacuum Pump	Stor Perikanan Serasa	Hari Khamis, 9 Disember 2004 jam 9.00 pagi



**JABATAN PERTUBUHAN-PERTUBUHAN ANTARABANGSA
KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI**

JAWATAN KOSONG DI URUSETIA KOMANWEL

Bahagian	Jawatan	Kelayakan	Tarikh Tutup
Human Rights Units (HRU)	Head of Human Rights Unit	1. Mempunyai Ijazah dalam bidang Perundangan atau Hak Asasi Manusia dan; 2. Mempunyai pengalaman 5 tahun di dalam bidang yang berkenaan	13 Disember 2004

Syarat Asas:-

- Rakyat, Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam dan,
- Sekurang-kurangnya mempunyai Ijazah Lanjutan di dalam bidang yang berkenaan.
- Calon-calon yang berminat dikehendaki menghantar butir-butir peribadi (Curriculum Vitae) berserta maklumat mengenai pengalaman dan kemahiran yang berkaitan dan
- Hanya calon-calon yang telah disenaraipendekkan akan dipanggil untuk ditemuduga dan sekiranya tiada sebarang jawapan dalam masa tiga (3) bulan dari tarikh tutup permohonan, maka calon dianggap tidak berjaya.

Maklumat lanjut boleh diperolehi daripada Jabatan Pertubuhan-Pertubuhan Antarabangsa, Kementerian Hal EHWal Luar Negeri, Jalan Subok, Bandar Seri Begawan, BD 2710, Negara Brunei Darussalam.
Nombor Telefon: 2261177 sambungan 316. Nombor Faks: 2261703 dan E-mel: dio@mfa.gov.bn.



JAWATAN KOSONG DI KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

- PENTERJEMAH ARAB (BILANGAN KOD : 000 00 018)
DI KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
TANGGAGAJI : C2 EB 3 (\$ 1,450.00 - \$ 2,270.00)

KELAYAKAN :

- Mempunyai Diploma Pengajian Islam atau yang sebanding dengannya dari mana-mana Institusi Pengajian Tinggi yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang lebih tinggi yang bersesuaian jawatan ini adalah satu kelebihan.
- Mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang luas dalam bidang penterjemahan (Arab/Melayu/Arab) atau pernah mengajar dalam Bahasa Arab tidak kurang dari 5 tahun.
- Mempunyai kebolehan menaip dalam Bahasa Arab.

TUGAS-TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB :

- Menjalankan tugas-tugas penterjemahan dari Bahasa Arab ke dalam Bahasa Melayu dan sebaliknya.
- Tugas-tugas lain yang diarahkan dari masa ke semasa.

NOTA :

Bagi pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hendaklah mempunyai Laporan Prestasi di tahap SANGAT BAIK bagi tempoh tiga (3) tahun kebelakangan.

AM :

Pemohon-pemohon yang berjaya mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

PERINGATAN :

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan termasuk pemohon yang berkhidmat dalam perkhidmatan bergaji hari hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan itu satu Laporan Sulit dan satu salinan rekod perkhidmatan dan salinan Laporan Penilaian Prestasi bagi tempoh tiga (3) tahun yang lengkap.

Pemohon-pemohon adalah dikehendaki supaya mencatatkan nama jawatan serta Bilangan Kod yang bertentangan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam boring permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan Bilangan Kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Pemohonan mestilah dipenuhi dalam satu salinan Borang SPA 1 yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan boring tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan siji-siji kepada:-

Urusetia Lembaga Kakitangan, Bangunan Kementerian Hal EHWal Ugama, Tingkat 3, Jalan Menteri Besar, Berakas BB 3910, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Tutup permohonan : Hari Sabtu, 18 Disember 2004

Bilangan Pendaftaran : 06/2004
Rujukan: TM/JUB/10/69



JAWATAN-JAWATAN KOSONG DI DALAM PERKHIDMATAN KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

KERAJAAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mempelawa pemohon-pemohon yang mempunyai kelayakan yang bersesuaian untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

1. KETUA PERKHIDMATAN PSIKOLOGI PENDIDIKAN

JABATAN UNIT PENDIDIKAN KHAS, KEMENTERIAN PENDIDIKAN.

BILANGAN KOD : 114 13 110

TANGGAGAJI : KUMPULAN 2 \$ 5,400 SEBULAN.

BAHAGIAN : I

KELAYAKAN MINIMUM :

- Mestilah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Mempunyai pengetahuan tentang keramian agama Islam, adat istiadat negara, adat resam dan kebudayaan orang-orang Melayu Brunei dan perkembangan sosial, ekonomi, politik Negara Brunei Darussalam.
- i) Mempunyai Ijazah Sarjana dalam bidang Psikologi Pendidikan yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang bersesuaian yang lebih tinggi adalah merupakan satu kelebihan.
ii) Mempunyai Diploma/Sijil Pendidikan atau Diploma/Sijil Pendidikan Khas yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
iii) Telah berkhidmat di Kementerian Pendidikan sebagai Pegawai Psikologi Pendidikan Kanan dalam tanggagaji Kumpulan 3 atau jawatan-jawatan yang sebanding dengannya selama tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
- Mempunyai pengalaman dalam perkara-perkara berikut :-
i) Pengalaman mengajar di peringkat rendah dan menengah selama tidak kurang dari 2 tahun.
ii) Mengurus rangkaian perkhidmatan Psikologi Pendidikan yang mengandungi beberapa buah sekolah dan mempunyai berbagai pelajar yang berkeperluan khas.
- Mestilah menjadi ahli kepada badan profesional dalam bidang yang berkaitan adalah merupakan satu kelebihan.
- Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Inggeris atau Bahasa Melayu dengan fasih.
- Hendaklah terlebih dahulu menyediakan dua kertas kerja yang asli (original) yang memuatkan pihak panel penilaian, berkaitan dengan tugas pegawai tersebut dalam dua daripada bidang-bidang berikut sebagai satu penilaian kenaikan pangkat:
i) Kertas Pembaharuan Perkhidmatan Awam
ii) Kertas Kedudukan Pendidikan Negara bagi mesyuarat di luar negeri
iii) Kertas Penggubalan/Penelitian Dasar
iv) Laporan Tahunan Jabatan
v) Penyediaan Peruntukan Jabatan
vi) Kertas kerja yang berkaitan dengan bidang/tugas masing-masing
Kertas kerja yang telah disediakan hendaklah disahkan terlebih dahulu oleh Setiausaha Tetap/Ketua Jabatan masing-masing sebelum dihidupkan kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.
- Hendaklah mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap SANGAT BAIK bagi tempoh 3 tahun kebelakangan. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap CEMERLANG dan mendapat sokongan yang kuat dari Ketua Jabatan adalah merupakan satu kelebihan.

SYARAT-SYARAT LAIN :

Syarat-syarat lain adalah dikawal oleh peraturan-peraturan yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB :

- Merancang pengendalian kerja-kerja Perkhidmatan Psikologi Pendidikan di sekolah-sekolah.
- Membuat penilaian, memberi nasihat dan merancang program pendidikan awal kepada kanak-kanak yang berkeperluan khas.
- Menyediakan dan mengendalikan ujian-ujian saringan dan diagnostik.
- Mengadakan program latihan berterusan bagi Pegawai-pegawai Psikologi Pendidikan, guru-guru pendidikan khas dan ibu bapa/penjaga kanak-kanak berkenaan.
- Mengawasi kerja-kerja Pegawai Psikologi Pendidikan yang lain.
- Menyelaras hubungan dengan Kementerian-Kementerian dan agensi-agensi yang ada hubungkait dengan pendidikan khas.

2. AHLI KIMIA UBAT

JABATAN KEMENTERIAN KESIHATAN

BILANGAN KOD : 113 06 712

TANGGAGAJI : M13-14 EB 15 \$ 2,300 - \$ 4,220 SEBULAN.

BAHAGIAN : II

KELAYAKAN MINIMUM :

- i) Mempunyai Ijazah Sarjana Muda Sains dalam bidang Farmasi. ATAU
Kelulusan yang sebanding dengannya dalam bidang-bidang bersesuaian yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Hendaklah berdaftar dengan Perbadanan Ahli Kimia Ubat dari United Kingdom, Malaysia, Singapura, Australia, New Zealand, USA atau tempat-tempat lain yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Hendaklah bersedia dari masa ke semasa untuk mengikuti latihan-latihan dan kursus-kursus yang berkaitan dengan perkembangan dalam bidang farmasi.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB :

- Calon-calon yang berjaya akan ditempatkan untuk bertugas di salah satu unit di bawah bahagian: Perkhidmatan Farmasi seperti yang disenaraikan di bawah:-
* Perkhidmatan Dispensari Pesakit Luar Hospital/Komuniti
* Perkhidmatan Dispensari Pesakit Wad
* Perkhidmatan Farmasi Klinikal
* Perkhidmatan Pembekalan Ubat Farmaseutikal
* Perkhidmatan Pengeluaran Ubat Farmaseutikal
* Perkhidmatan Kawalan Mutu Ubat
* Perkhidmatan Penguatkuasaan Undang-Undang Farmasi
* Perkhidmatan Pendaftaran Ubat
* Perkhidmatan Penerangan Ubat dan Racun
* Perkhidmatan Pembelian dan Perbekalan Ubat
Penempatan bergantung kepada kelayakan atau pengalaman tambahan yang ada pada calon-calon.
Hendaklah bersedia untuk menjalankan tugas di unit masing-masing dalam memastikan perkhidmatan unitnya berjalan dengan lancar dan baik memandangkan hanya adalah salah satu daripada aspek-aspek penting Perkhidmatan Farmasi seperti berikut:-
* Membantu dalam pentadbiran unit, termasuk pengawalan kakitangan di bawah jagaan masing-masing.
* Membantu dalam perancangan bagi peningkatan perkhidmatan unit masing-masing.
* Merancang penghasilan khidmat unit masing-masing.
Bertanggungjawab terus kepada Ahli Kimia Ubat Kanan dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab masing-masing.

3. PEGAWAI JURURAWAT [BIDAN PENGAJAR]

JABATAN PENDIDIKAN TEKNIK, KEMENTERIAN PENDIDIKAN.

BILANGAN KOD : 114 07 173

TANGGAGAJI : B2 \$ 2,270 - \$ 3,760 SEBULAN.

ATAU

M11 \$ 1,920 - \$ 3,250 SEBULAN.

BAHAGIAN : II

KELAYAKAN MINIMUM :

Mempunyai kelulusan Diploma atau Sijil Pendidikan dan Sijil Kejururawatan Am atau Diploma Kejururawatan dan Perbidanan yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB :

PENDIDIKAN :

- Mengajar di bilik darjah dan di wad mengikut rancangan pembelajaran yang telah dipersetujui.
- Merancang, melaksana, mengawal dan menilai rancangan dan perkembangan pembelajaran.
- Mengawas pembelajaran teori dan klinikal penuntut-penuntut.
- Menasihati dan membantu penuntut-penuntut semasa berkursus.
- Menyertai dan menggalakkan penuntut-penuntut secara aktif untuk melibatkan diri dalam penyelidikan ilmu kejururawatan.

PENTADBIRAN :

- Merancang, menyelaras dan menilai modal bersalin, penjagaan kanak-kanak damit dan model penyakit puan.
- Menilai semula kandungan kurikulum di mana perlu dan memberi cadangan-cadangan mengenai perubahan yang diperlukan, bagi memastikan perkembangan kurikulum akan berjalan dengan berterusan.
- Mengawas dan membuat pemilihan tempat-tempat klinikal yang sesuai untuk pembelajaran kejururawatan.
- Mengatur penempatan penuntut-penuntut ke tempat-tempat pembelajaran yang sesuai.
- Mengambil bahagian dalam pengambilan dan pemilihan penuntut-penuntut baru jika dikehendaki.
- Mengambil bahagian semasa membuat polisi dan tatacara bekerja untuk kegunaan maktab.
- Mengambil bahagian sebagai ahli dalam sesuatu pembentukan jawatankuasa kerja yang ditentaskan.
- Setiase menjalin perhubungan baik dengan semua kakitangan dan penuntut-penuntut maktab.
- Bertindak selaku Pemangku sekiranya ketiadaan Pegawai Pelajaran.

PROFESSIONAL :

- Turut serta dalam penyebaran maklumat-maklumat profesional yang bersesuaian.
- Bersedia untuk mengambil peluang untuk meningkatkan potensi diri dalam kerjaya.

4. JURUPULIH CARA KERJA

JABATAN : KEMENTERIAN KESIHATAN

BILANGAN KOD : 113 07 630

TANGGAGAJI : M11 \$ 1,920 - \$ 3,250 SEBULAN ATAU

M13-14 EB 15 \$ 2,300 - \$ 4,220 SEBULAN.

BAHAGIAN : II

KELAYAKAN MINIMUM :

- Berumur 25 - 45 tahun.
- Mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains atau Diploma dalam bidang Pemulihan Cara Kerja (Occupational Therapy) yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Mempunyai pengalaman bekerja sekurang-kurangnya selama 3 tahun dalam Pemulihan Orthopaedik, Neuromedikal, Neurosurgical, Paediatric, Penyakit Jiwa dan Lecur.
- Keutamaan akan diberikan kepada mereka yang mempunyai kemahiran khas dalam bidang Head Injuries, Spinal Injuries, Stroke Rehabilitation, Burns/Scar Management, Hand Injuries and Splints, Rheumatology, Paediatric Rehabilitation, Oncology, Renal Rehabilitation.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB :

- Bertanggungjawab kepada Ketua Jurupulih Cara Kerja dan Jurupulih Cara Kerja Kanan berhubung dengan perkara-perkara yang berkaitan

dengan rancangan pemulihan pesakit-pesakit.

- Menjalankan tugas-tugas di tempat-tempat kerja yang telah disediakan dan mengambil bahagian dalam semua kerja-kerja berkaitan dengan penilaian, rawatan dan penempatan semula pesakit-pesakit, termasuk membuat lawatan ke rumah-rumah dan tempat-tempat bekerja.
 - Mengambil bahagian dalam perkembangan dan pendidikan rancangan-rancangan latihan untuk kakitangan pemulihan Cara Kerja, termasuk Jurupulih Cara Kerja Rendah (OT) dan Pembantu Jurupulih Cara Kerja (OTA).
 - Membantu kerja-kerja pentadbiran bagi Unit seperti yang diperlukan.
 - Bertugas sebagai pengganti Jurupulih Cara Kerja yang bercuti atau yang menghadiri latihan.
- ### 5. AHLI KAJI SERANGGA TUMBUHAN
- JABATAN PERTANIAN, KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA.
- BILANGAN KOD : 004 05 132
- TANGGAGAJI : B2 EB 3 \$ 2,270 - \$ 4,240 SEBULAN.
- BAHAGIAN : II

KELAYAKAN MINIMUM :

- Mempunyai Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Kaji Serangga Tumbuhan atau Pengurusan Musuh Tumbuh-Tumbuhan atau Pengawalan Tanaman atau bidang yang berkaitan dengan pengalaman dalam pengurusan Musuh Bersepadu dan mempunyai pengalaman 5 tahun minima dalam bidang taxonomi serangga dan pengenalan, khidmat nasihat dan kerja-kerja kajian.
Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang bersesuaian yang lebih tinggi adalah merupakan satu kelebihan.
- Mempunyai pengalaman dalam bidang kaji serangga tumbuhan, khidmat nasihat dan pengawalan musuh bersepadu adalah merupakan satu kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB :

- Mengendalikan kerja-kerja diagnostik, pencemen dan memberi khidmat nasihat mengenai kawalan musuh tanaman yang disebabkan oleh serangga dan perosak vertebrata.
- Merancang dan mengendalikan penyelidikan, pengumpulan maklumat dan syor kawalan mengenai musuh perosak tanaman yang disebabkan oleh serangga dan perosak vertebrata.
- Menyediakan kertas kerja cadangan projek mengenai kawalan musuh perosak tanaman dan bertanggungjawab dalam mengendalikan projek yang dicadangkan.
- Merancang dan meningkatkan kerja-kerja pencemen dan koleksi serangga perosak tanaman.
- Menyediakan laporan dan risalah-risalah berhubung dengan musuh perosak tanaman.
- Memberi latihan atau kursus-kursus kepada Pegawai-Pegawai dan Kakitangan Jabatan Pertanian serta peladang mengenai kawalan musuh perosak tanaman.
- Membantu Ketua Unit dalam meningkatkan perkhidmatan, kelengkapan peralatan dan kemudahan yang terdapat di Makmal Musuh Tumbuhan dari masa ke semasa.
- Bertanggungjawab kepada Ketua Unit Musuh Tumbuhan dan membantu dalam menjalankan pentadbiran, kerja-kerja am dan pengurusan hal ehwal Unit semasa ketiadaan Ketua Unit ini.
- Menjalankan tugas-tugas tambahan yang diarahkan oleh Ketua Pejabat dan Ketua Bahagian dari masa ke semasa.

6. AHLI KAJI PENYAKIT TUMBUHAN

JABATAN PERTANIAN, KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA.

BILANGAN KOD : 004 05 121

TANGGAGAJI : B2 EB 3 \$ 2,270 - \$ 4,240 SEBULAN.

BAHAGIAN : II

KELAYAKAN MINIMUM :

- Mempunyai Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Plant Pathology (Penyakit Tumbuh-Tumbuhan) atau Plant Disease Management (Pengurusan Penyakit Tumbuh-Tumbuhan) atau Crop Protection (Penjagaan Tumbuhan) atau bidang yang berkaitan dengan kajian penyakit tumbuh-tumbuhan, khususnya dibidang Bakteriologi atau Virologi Tumbuhan daripada Universiti atau Pusat Pengajian Tinggi yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Mempunyai pengalaman tidak kurang dari 5 tahun dalam kerja-kerja diagnostik, menasihati dan penyelidikan di bidang Bakteriologi atau Virologi tumbuh-tumbuhan.
Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang bersesuaian yang lebih tinggi adalah merupakan satu kelebihan.
- Mempunyai pengalaman dan kemahiran dalam kerja-kerja diagnostik, kawalan dan penyelidikan dalam penyakit tumbuh-tumbuhan. Calon-calon yang mempunyai pengalaman kerja di kawasan tropika, terutama sekali dalam mengenal pasti dan mengawal penyakit-penyakit tanaman padi, sayur-sayuran dan buah-buahan yang disebabkan oleh fungus, bacteria dan virus.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB :

- Mengendalikan kerja-kerja diagnostik, mengenal pasti penyakit tumbuh-tumbuhan dan memberi khidmat nasihat mengenai kawalan penyakit tanaman.
- Merancang dan mengendalikan penyelidikan, pengumpulan maklumat dan nasihat kawalan penyakit tanaman terutama sekali yang disebabkan oleh fungus, bacteria dan virus.
- Menyediakan kertas kerja projek berhubung dengan kawalan penyakit tanaman dan bertanggungjawab dalam mengendalikan projek yang dicadangkan.
- Merancang dan mengendalikan penubuhan dan operasi kerja-kerja virologi dan bakteriologi di Unit Kaji penyakit Tumbuhan.
- Menyediakan laporan dan risalah-risalah berhubung dengan penyakit tumbuh-tumbuhan.

DARI MUKA 2

7. **PEGAWAI PELAJARAN**
**JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH, KEMENTERIAN PEN-
 DIDIKAN**
BILANGAN KOD : 114 13 111
**TANGGAGAJI : G13 \$ 2,270 - \$ 4,240 SEBU-
 LAN.**
BAHAGIAN : II

KELAYAKAN MINIMUM :

- Umur 25 - 45 tahun.
- Mempunyai Ijazah Sarjana atau Sarjana Muda dalam bidang Bahasa Inggeris/Sastera Inggeris/Linguistik/Ilmu Kemasyarakatan (Humanities) atau subjek yang bersesuaian dari mana-mana Universiti atau Pusat Pengajian Tinggi yang diiktiraf.
- Mempunyai Sijil Perguruan, Diploma Pendidikan atau yang sebanding dengannya.
- Pengalaman mengajar minimum 5 tahun di peringkat sekolah menengah secara sepenuh masa termasuk pengalaman mengajar minimum 2 tahun dalam mata pelajaran ESL/EFL di peringkat menengah atau lanjutan.
- Keutamaan akan diberikan kepada pemohon-pemohon yang mempunyai kelayakan TEFL/TESL dan pengalaman tambahan seperti pengalaman mengajar pelajar-pelajar yang memerlukan pendidikan khas atau cergas (gifted) atau yang pernah menjadi kaunselar pelajar-pelajar.

SYARAT-SYARAT PERKHIDMATAN :

Calon-calon yang berjaya akan dilantik secara berkontrak dalam tempoh 3 tahun. Penyambungan perkhidmatan adalah berdasarkan persetujuan di antara kedua-dua pihak. Keistimewaan-keistimewaan yang dapat diperolehi ialah tambang percuma, elaun pendidikan untuk anak-anak, cuti tahunan bergaji, rumah yang sewanya diberi subsidi oleh Kerajaan, pinjaman untuk membeli kenderaan tanpa faedah dan baksis 25% daripada gaji pokok bagi bahagian II setelah tamat setiap kontrak.

Pada masa ini tidak ada cukai pendapatan dikenakan di Negara Brunei Darussalam.

NOTA:

- Semua kelulusan, sijil-sijil kecakapan, peperiksaan yang dikendalikan oleh badan-badan yang dinyatakan di atas hendaklah yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Bagi pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hendaklah mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap SANGAT BAIK bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

AM :

Pemohon-pemohon yang berjaya mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

PERINGATAN :

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan termasuk pemohon yang berkhidmat dalam perkhidmatan bergaji hari hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan yang tidak memenuhi syarat kelayakan iklan tidak akan dipertimbangkan.

Pemohon-pemohon adalah dikehendaki supaya mencatatkan nama jawatan serta Bilangan Kod yang bertentangan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan Bilangan Kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Pemohonan mestilah dipenuhi dalam satu salinan borang yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat Satu, Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Bandar Seri Begawan, BB3510, Negara Brunei Darussalam.

TARIKH TUTUP : 10 JANUARI 2005

BILANGAN PENDAFTARAN : 09/2004

RUJUKAN : JPA/3.2/71/03

WEBSITE : <http://www.jpa.gov.bn/iklan.htm>

"PERADUAN MENCIPTA LOGO PROMOSI PRODUK TEMPATAN" KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA

PENDAHULUAN

KERAJAAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama mempelawa rakyat dan penduduk tetap negara ini yang berminat dalam menyertai peraduan mencipta logo promosi produk tempatan.

Logo yang terpilih nanti akan dilekatkan atau dicetak pada pembungkusan produk-produk keluaran negara kita sebagai langkah Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dalam mempromosikan produk keluaran tempatan ke pasaran luar Negara.

SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

- Dibukakan kepada sektor kerajaan, swasta dan persendirian.
- Bagi penyertaan persendirian, pencipta dan pelukis hendaklah terdiri dari rakyat tempatan manakala penyertaan dari sektor swasta pemilik syarikat, pencipta atau pelukis hendaklah terdiri dari rakyat tempatan.
- Logo yang dicipta akan disimpan sebagai rujukan dan akan menjadi hak milik pihak Kementerian ini.
- Peserta yang berjaya (1 orang sahaja) akan diberikan surat penghargaan "Recognition Letter" dari Kementerian ini (Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama) berserta wang tunai bernilai B\$2,000.00 (Dua Ribu Ringgit sahaja).
- Mempunyai unsur perkataan "Buat Brunei Darussalam" hendaklah dibubuh atau terdapat pada logo yang dicipta dan hendaklah dalam lima (5) bahasa iaitu Bahasa Melayu, Inggeris, Arab, Cina dan Jepun.
- Melukis (mencipta) logo hendaklah menggunakan komputer.

- Lukisan hendaklah menggunakan dua dimensi (2D Drawing) sahaja. Ini adalah bertujuan untuk memudahkan dalam membuat pencetakan.
- Peserta hendaklah memberikan salinan lukisan logo dalam bentuk "hard copy" dan "soft copy" kepada penganjur.
- Logo yang dicipta hendaklah tidak menyerupai mana-mana yang sudah ada.
- Pencipta hendaklah mencetak logo yang telah dilukis ke dalam kertas ukuran A4.
- Nama, alamat dan nombor telefon pelukis/pencipta logo hendaklah tidak diletakkan di muka yang sama logo yang dilukis.

NOTA

- Harus diingat secara praktikal yang akan dihasilkan apabila dicetak untuk penggunaan akan berkeadaan kecil. Maka perkataan "Buat Brunei Darussalam" hendaklah masih boleh di lihat/baca dengan jelas.

LOGO HENDAKLAH MENGIKUT CIRI-CIRI DI BAWAH

- High tech dan moden.
- Konsep terbuka atau open concept.
- Mempunyai nilai artistik atau "has artistic value".
- Simple atau senang difahami atau diertikan.
- Menarik.
- Berwarna.
- Ada ukuran atau dimensions (unit metrix).
- Feature dan warna yang digunakan mempunyai pengertian.
- Direka bentuk dengan menggunakan komputer.
- Mempunyai unsur national pride atau image.

TARIKH TUTUP PENGHANTARAN

- Tarikh menghantar logo-logo yang telah dicipta ialah pada **23 Disember 2004** ke alamat seperti dinyatakan di bawah ini.
- Adalah dipohonkan supaya penghantaran tersebut akan dapat dibuat secara "by hand" bagi mengelakkan logo yang dicipta tidak sampai diterima oleh pihak penganjur.

PERTANYAAN

- Sebarang pertanyaan, para peserta bolehlah menghubungi Ketua Unit Piawaian dan Kawalan Mutu melalui alamat seperti berikut:-

ALAMAT PENGHANTARAN

Kepada:
 Yang Mulia,
 Ketua Unit Piawaian dan Kawalan Mutu
 Pusat Pembangunan Usahawanan dan Perniagaan
 c/o Pusat Sumber dan Piawaian
 Bahagian Promosi dan Perkembangan Keusahawanan
 Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama
 Kampong Sinaut, Km 33, Jalan Tutong
 Tutong TB1741
 Negara Brunei Darussalam.

Tel: 4240133/4 (operator)
 4240469 (D)
 Faks: 4240469



JABATAN PERTUBUHAN- PERTUBUHAN ANTARABANGSA KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI

NATIONAL COMPETITIVE EXAMINATION (NCE)

Bahagian	Tempat	Tarikh Mansuh
Associate Secretary Officer, P-2	New York	15 Disember 2004

Syarat Asas:-

- Ijazah di dalam bidang Kriminologi, Criminal Justice, Pengurusan Sekuriti atau Kursus Ketenteraan / Akademi Polis;
- Umur kurang daripada 32 tahun;
- Pengalaman 5 tahun di dalam bidang berkenaan;
- Kebolehan bahasa Inggeris atau Perancis dan
- Dipohonkan untuk mengisi dari website www.un-orm.depts/OHRM-examin/exam.htm
 Nombor Telefon : 2261177 sambungan 309



BAHAGIAN PROMOSI DAN PERKEMBANGAN KEUSAHAWANAN KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA

Bilangan Tawaran: PPUP/KPSU/SH/044/2004

Syarat-Syarat Tawaran :

- TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada pemborong-pemborong Tempatan yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam bagi tajuk:-

Bilangan Tawaran: PPUP/KPSU/SH/044/2004

MEMBEKAL ALAT BINAAN DAN MEMASANG JUBIN (TILE) PADA LALUAN KORIDOR PENTADBIRAN PUSAT SUMBER DAN PIWAIAAN BAHAGIAN PROMOSI DAN PERKEMBANGAN KEUSAHAWANAN

- Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi melalui Unit Pembangunan Usahawanan dan Perniagaan, Km 33, Jalan Tutong, Kampong Sinaut Tutong TB 1741, Negara Brunei Darussalam.
- Cagaran Tawaran sebanyak \$ 100.00 wang tunai bagi setiap tawaran di atas adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap tawaran (bona-fide tender) yang tidak berjaya.
- Bayaran sebanyak \$ 10.00 akan dikenakan bagi setiap Dokumen Tawaran dan tidak dikembalikan.
- Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup dan dialamatkan kepada Pengerusi Jawatankuasa Tawaran, Tingkat 5, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Jalan Menteri Besar, BB 3910, Negara Brunei Darussalam dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran tidak lewat dari hari **Selasa, 7 Disember 2004** jam 2.00 petang.
- Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah.
- Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama.



**JABATAN LEMBAGA BANDARAN
BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

KENYATAAN TAWARAN

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada Syarikat-syarikat dan Pembekal-pembekal yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.
2. Tawaran-tawaran hendaklah dibuat dalam dua salinan dan dihantar dalam sampul surat tertutup. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis Bilangan Tawaran serta tarikh tutup tawaran itu tanpa menunjukkan identiti pengirim. Dengan menyertakan salinan Pendaftaran Syarikat dan salinan kad pengenalan surat tawaran hendaklah dima-

sukkan ke dalam Peti Tawaran, yang terdapat di Tingkat 1, Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, dan ditujukan kepada:- Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 1, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**NAMA TAWARAN : MEMBEKAL GARAGE JACK
JENIS RAVAGLIOLI MODEL
KP440. BBSB/LTN/14/2004.**

BILANGAN TAWARAN : BBSB/LTN/14/2004

Tarikh Tutup Tawaran : Hari Isnin, 6 Disember 2004.
jam 2.00 petang.

Bayaran memasuki Tawaran ialah sebanyak \$100.00 dan bayaran ini tidak akan dikembalikan kepada penender-pender. Bayaran hendaklah dibayar di :-

Kaunter Perkhidmatan Pelanggan,
Bahagian Kewangan, Jabatan Bandaran, Tingkat 5,
Bangunan Pusat Komersial dan Perdagangan Bumiputera,
Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

3. Spesifikasi dan Dokumen Tawaran bolehlah didapati semasa membuat pembayaran nanti.
4. Mana-mana tawaran yang diterima selepas tarikh tutup tawaran yang disebutkan tidak dilayan.
5. Pihak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima sebarang tawaran yang lebih murah atau seumpamanya.

PERHATIAN :-

Pemborong-pemborong yang menghantar Tawaran hendaklah menyertakan bersama salinan Sijil Perniagaan (Business Enactment Section 16 & 17) atau List of Directors.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

**Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/2004/Y/3007.
SUPPLY OF WEB SERVER (QTY : 1 EA).
Bayaran Tawaran : \$20.00 (Tidak dikembalikan).**

- A) TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pertahanan, Bangunan 150, Bolkliah Garison, BB 3510, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat jam 2.00 petang, hari **Isnin, 13 Disember 2004**. Dokumen-dokumen Tawaran bolehlah diperolehi dari Unit Tawaran, Jabatanarah Kewangan dan Perbekalan, Kementerian Pertahanan semasa hari-hari bekerja (Isnin - Jumaat). Tarikh terakhir mengambil Dokumen Tawaran pada hari Isnin, 13 Disember 2004 jam 10.30 pagi.

**Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/2004/T/3058.
JPPK/LTN/62/2004**

REVAMPING OF 200 VOLTS, 400 HERTZ, 3-PHASE TO ELECTRICAL POWER SYSTEM TO REPAIR WORKSHOP AND RAPIER TRAINING CENTRE AT PENANJONG GARISON.
Bayaran Tawaran : \$125.00 (Tidak dikembalikan).
Bayaran Dokumen : \$125.00 (Tidak dikembalikan).
Kelas : Kelas IV.
Kategori : 3(f), 7(a), 7(b).
Tempoh disiapkan : Enam (6) bulan.
Completion Period : (6 months)

- A) TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Kaunter Penyambut Tetamu, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan BB 3910, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat jam 2.00 petang, hari **Isnin, 20 Disember 2004**. Dokumen-dokumen Tawaran bolehlah diperolehi dari Blok K14, Jabatanarah Pembangunan dan Perkhidmatan Kerja, Kementerian Pertahanan semasa hari-hari bekerja (Isnin - Jumaat). Tarikh terakhir mengambil Dokumen Tawaran pada hari Jumaat, 17 Disember 2004 jam 10.00 pagi.

**Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/2004/T/3049.
JPPK/LTN/54/2004**

PERIODIC EXTERNAL REDECORATION & GENERAL REPAIRS TO 3 BLOCKS 'G' FLATS AT JALAN DHOB, BERAKAS GARRISON.
Bayaran Dokumen : \$25.00 (Tidak dikembalikan).
Kelas : Kelas II.
Kategori : 4(a).

- A) TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Kaunter Penyambut Tetamu, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan BB 3910, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat jam 2.00 petang, hari **Isnin, 13 Disember 2004**. Dokumen-dokumen Tawaran bolehlah diperolehi dari Blok K14, Jabatanarah Pembangunan dan Perkhidmatan Kerja, Kementerian Pertahanan semasa hari-hari bekerja (Isnin - Jumaat). Tarikh terakhir mengambil Dokumen Tawaran pada hari Jumaat, 10 Disember 2004 jam 10.30 pagi.

**Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/2003/X/3042(A).
SUPPLY OF TRUCK FIRE FIGHTING.
Bayaran Tawaran : \$10.00 (Tidak dikembalikan).**

- A) TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Kaunter Penyambut Tetamu, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Kewangan, Simpang 259, Jalan Kebangsaan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat jam 2.00 petang, hari **Isnin, 13 Disember 2004**. Dokumen-dokumen Tawaran bolehlah diperolehi dari Unit Tawaran, Jabatanarah Kewangan dan Perbekalan, Kementerian Pertahanan semasa hari-hari bekerja (Isnin - Jumaat). Tarikh terakhir mengambil Dokumen Tawaran pada hari Isnin, 13 Disember 2004 jam 10.30 pagi.

**Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/RC/102 - VOL II.
ONE YEAR TERM CONTRACT FOR PERLINDUNGAN INSURAN
KEMALANGAN BAGI ANGGOTA STK.
Bayaran Tawaran : \$30.00 (Tidak dikembalikan).**

**Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/RC/03 - VOL IV.
PERKHIDMATAN UNTUK MEMBAIKI ALAT PERKAKAS TEN-
TERA (KONTRAK 3 TAHUN).
Bayaran Tawaran : \$30.00 (Tidak dikembalikan).**

- A) TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Kaunter Penyambut Tetamu, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Kewangan, Simpang 259, Jalan Kebangsaan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat jam 2.00 petang, hari **Isnin, 13 Disember 2004**. Dokumen-dokumen Tawaran bolehlah diperolehi dari Unit Tawaran, Jabatanarah Kewangan dan Perbekalan, Kementerian Pertahanan semasa hari-hari bekerja (Isnin - Jumaat). Tarikh terakhir mengambil Dokumen Tawaran pada hari Isnin, 10 Disember 2004 jam 10.30 pagi.

**Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/2004/T/3045.
JPPK/LTN/50/2004**

REFURBISHMENT OF ONE BLOCK OF RECRUIT COMPANY BUILDING NO. 159 PENANJONG GARISON.
Bayaran Tawaran : \$25.00 (Tidak dikembalikan).
Bayaran Dokumen : \$25.00 (Tidak dikembalikan).
Kelas : Kelas III.
Kategori : 2 & 4a.
Tempoh disiapkan : Tujuh (7) bulan.
Completion Period : (7 months)

- A) TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Kaunter Penyambut Tetamu, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan BB 3910, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat jam 2.00 petang, hari **Isnin, 6 Disember 2004**. Dokumen-dokumen Tawaran bolehlah diperolehi dari Unit Tawaran, Jabatanarah Kewangan dan Perbekalan, Kementerian Pertahanan semasa hari-hari bekerja (Isnin - Jumaat). Tarikh terakhir mengambil Dokumen Tawaran pada hari Jumaat, 3 Disember 2004 jam 10.30 pagi.

**Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/2004/T/3047.
JPPK/LTN/52/2004**

PERIODIC EXTERNAL REDECORATION & GENERAL REPAIRS TO 10 BLOCKS 'F' FLATS AT PENANJONG GARRISON.
Dokumen Tawaran : \$250.00 (Tidak dikembalikan).
Bayaran Dokumen : \$250.00 (Tidak dikembalikan).
Kelas : Kelas V.
Kategori : 4(a).

**Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/2004/T/3048.
JPPK/LTN/53/2004**

PERIODIC EXTERNAL REDECORATION & GENERAL REPAIRS TO 2 BLOCKS 'F' FLATS AT BANGAR CAMP.
Bayaran Tawaran : \$25.00 (Tidak dikembalikan).
Bayaran Dokumen : \$25.00 (Tidak dikembalikan).
Kelas : Kelas III.
Kategori : 4(a).

- A) TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Kaunter Penyambut Tetamu, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan BB 3910, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat jam 2.00 petang, hari **Isnin, 6 Disember 2004**. Dokumen-dokumen Tawaran bolehlah diperolehi dari Unit Tawaran, Jabatanarah Kewangan dan Perbekalan, Kementerian Pertahanan semasa hari-hari bekerja (Isnin - Jumaat). Tarikh terakhir mengambil Dokumen Tawaran pada hari Jumaat, 3 Disember 2004 jam 10.30 pagi.

**Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/2004/T/3054.
JPPK/LTN/58/2004**

PEMBINAAN BANGUNAN BATTERY CHARGING WORKSOP SQUADRON, PERTAHANAN UDARA, PENANJONG GARISON.
Bayaran Dokumen : \$25.00 (Tidak dikembalikan).
Kelas : Kelas II.
Kategori : 2 & 4a.
Tempoh disiapkan : Tiga (3) bulan.

Completion Period : (3 months)

